



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7135]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 7167]

Anggaran Pembangunan, 1982

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Maksud P. 38 [Ruangan 7168]

Maksud P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 [Ruangan 7205]

Maksud P. 46, P. 47 dan P. 48 [Ruangan 7247]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual:

Maksud B. 38 [Ruangan 7168]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Maksud B. 39 hingga B. 45 [Ruangan 7205]

Maksud B. 46 hingga B. 48 [Ruangan 7247]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berfotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Dato' Mansor bin Othman, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJAH, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- ” **Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).**
- ” **TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).**
- ” **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- ” **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).**
- ” **TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- ” **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).**
- ” **TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).**
- ” **DATO PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar)**
- ” **TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).**
- ” **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).**
- ” **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- ” **TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).**
- ” **TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).**
- ” **TUAN AZHARUL ABDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- ” **TUAN CHAN TECT CHAN (Kota Melaka).**
- ” **TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).**
- ” **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- ” **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- ” **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- ” **TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).**
- ” **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).**
- ” **TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).**
- ” **TUAN V. DAVID (Damansara).**
- ” **TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).**

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

Yang Berhormat DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 30hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERDAGANGAN ANTARA
SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN
SARAWAK/SABAH

1. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Perdagangan dan perindustrian menyatakan bagaimana Kerajaan akan memperbaiki perdagangan antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah dan apakah kemajuan sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah tidak berapa jelas. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perdagangan di antara Sabah/Sarawak dan Semenanjung Malaysia adalah perdagangan dalam negeri yang sama, iaitu sama seperti perdagangan di antara misalnya. Johor dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, perkembangan perdagangan di antara negeri-negeri adalah banyak bergantung kepada usaha-usaha sektor swasta.

Adalah dasar Kerajaan untuk menggalakan perdagangan terus di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak dan untuk mencapai matlamat ini beberapa langkah telah pun diambil seperti menyediakan khidmat perkapalan yang lebih baik dan penubuhan Kuala Lumpur Commodity Exchange. Kerajaan juga telah mempercepatkan perindustrian di kedua-dua negeri ini supaya sumber perdagangan diperbesarkan, dan dipelbagaikan. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan berharap peniaga-peniaga di Sabah/Sarawak dapat

meningkatkan perdagangan dengan semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perdagangan antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah kurang maju adalah disebabkan oleh perkhidmatan perkapalan masih kurang lengkap. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam jawapan saya. Satu sebab ialah kemudahan pengangkutan laut tidak berapa memuaskan dan Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk menyediakan khidmat perkapalan yang lebih baik dan sempurna.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar Semenanjung Malaysia Selatan menghadapi kesusahan untuk menghantar barang-barang dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Sarawak dan Sabah? Kedua, kos-kos sangat tinggi berbanding dengan Singapura. Adakah tindakan boleh diambil di mana port charges boleh dikurangkan di Pelabuhan Pasir Gudang dan lebih banyak kapal-kapal MISC boleh port of call di Pelabuhan Pasir Gudang?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kos (freight charges) di antara Pelabuhan Pasir Gudang dengan pelabuhan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi jika dibandingkan dengan freight charges yang berlaku di Singapura. Tetapi ini disebabkan perkhidmatan coastal steamers yang berjalan di antara Semenanjung Malaysia khususnya Pelabuhan Pasir Gudang kurang jika dibandingkan dengan coastal steamers yang sedia ada daripada Singapura.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah berhubung dengan Kementerian Pengangkutan supaya diadakan lebih banyak perkhidmatan di antara Pelabuhan Pasir Gudang dengan Sabah dan Sarawak supaya kos pengangkutan ini boleh direndahkan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ada bahan-bahan pengeluaran, misalnya bahan utama yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak dieksport tetapi barang-barang yang sama juga diimport oleh Malaysia dari negara-negara lain.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ada bahan-bahan utama yang dikeluarkan daripada Sarawak dan Sabah dieksport tetapi oleh kerana faktor-faktor historical banyak bahan utama ini dieksport melalui Singapura. Tetapi sekarang Kerajaan menggalakan penimport-pengimport dari Semenanjung Malaysia mengambil perhatian atas perkara ini supaya pengeksport barang-barang utama dari Sabah dan Sarawak boleh dilakukan melalui pengeksport-pengeksport di Semenanjung Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu bersetuju bahawa perdagangan dua hala antara Sabah/Sarawak dengan Semenanjung Malaysia harus juga dilihat dari sudut desakan integrasi nasional. Jadi, apakah di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki perhubungan perkapalan yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Apakah di antara langkah-langkah yang telah diambil?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang dasar Kerajaan untuk mengintegrasikan perdagangan di antara Sabah/Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan salah satu langkah ialah untuk mengharmonisekan inport duty dan sebagainya. Dan mengenai pengangkutan ini ialah melalui perkhidmatan yang sedia ada yang mana kita rasa kalau kita boleh menurunkan tambang pengangkutan laut (freight charges) itu saya rasa ini memberi galakan kepada pengeksport-pengeksport di Sabah dan Sarawak untuk

menghantar barang itu ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Haji Endut.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini di akhir waktu, sekiranya ada masa.

MINYAK TANAH DI SARAWAK— BEKALAN

3. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebab sering berlaku kekurangan minyak tanah terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman Negeri Sarawak semenjak tahun tujuh puluhan dan termasuk juga tahun 1981; sama ada beliau akan ambil langkah-langkah tertentu bagi mengetahui masalah kekurangan minyak tanah di Negeri Sarawak dan menyiasat mengapakah harga minyak tanah di Sarawak melambung tinggi dalam satu tin.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bekalan minyak tanah ke Negeri Sarawak yang diperbuat oleh syarikat-syarikat pembekal mulai daripada tahun 1977 hingga sekarang adalah menunjukkan satu aliran yang menaik. Dari rekod-rekod yang ada di Kementerian saya, data-data bekalan minyak tanah ke Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (liter)</i>
1977	38.9 juta
1978	40.0 juta
1979	43.5 juta
1980	44.3 juta
1981	34.3 juta

(Hingga akhir Oktober)

Daripada data-data yang diutarakan, walaupun terdapat pertambahan bekalan, Kementerian saya tidak menafikan bahawa masih juga berlaku kesulitan bekalan minyak tanah terutama di kawasan-kawasan pendalaman di seluruh negara termasuk Negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, keadaan seperti ini adalah merupakan satu perkara biasa dan lazim berlaku di kawasan-kawasan berkenaan di mana cara perhubungan masih lagi tidak memuaskan dan teratur. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus berusaha seberapa yang boleh untuk menentukan bahawa bekalan barang-barang keperluan sampai kepada rakyat jelata walau di kawasan mana sekalipun.

Bagi Negeri Sarawak, di samping wujudnya fakta kesukaran perhubungan yang telah dinyatakan, satu lagi perkara yang menyebabkan berlakunya kesulitan bekalan minyak tanah di kawasan-kawasan pedalaman ialah sistem pengedaran yang tertakluk kepada Undang-undang kecil Majlis Daerah, Negeri Sarawak. Mengikut kuatkuasa Undang-undang Kecil ini, pekedai-pekedai runcit hanya dibenarkan menyimpan had maksima 73 litre (16 gelen) minyak tanah sahaja pada satu-satu masa dan dengan adanya sekatan ini maka wujudlah satu sistem di mana penjualan minyak tanah hanya tertumpu di stesyen-stesyen minyak yang terdapat di bandar-bandar sahaja. Dari segi prestasi perniagaan, jumlah had 73 litre ini tidak memberi apa-apa insentif kepada peniaga-peniaga oleh kerana mereka terpaksa menanggung kos pengendalian yang tinggi. Kerajaan sedar selagi Undang-undang Kecil ini tidak diubahsuaikan, masalah kesulitan bekalan minyak tanah di kawasan-kawasan pedalaman di Negeri Sarawak akan berterusan. Dengan menyedari hakikat ini serta menginsafi kesulitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna, Undang-undang Kecil yang berkenaan akan dipinda di mana had maksima penyimpanan pada satu-satu masa akan ditambah dari 73 litre kepada 205 litre (45 gelen).

Mengenai harga jualan minyak tanah dalam tin yang tinggi, sukalah saya memaklumkan bahawa harga-harga jualan bahan ini adalah ditingkatkan mengikut kawasan setelah mengambil kira kos pengangkutan dan sebagainya dan dengan itu maka terdapatlah perbezaan harga di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat amalan setengah-setengah peniaga yang mengeksploitasi harga ini, sukacita saya menyarankan bahawa adalah lebih wajar

perkara ini dilaporkan segera ke mana-mana pejabat Kementerian saya yang berhampiran agar tindakan selanjutnya dapat diambil dengan serta-merta dan lebih berkesan.

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh manakah kemajuan pihak Ukur dan Pemetaan Negara dalam menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan Bersama Sempadan Antarabangsa seperti perairan Malaysia—Singapura setakat ini. Nyatakan berapa peratuskah kerja-kerja yang telah selesai dibuat sehingga sekarang dan berapa lama lagikah kerja-kerja itu di jangka siap. Apakah kesulitan-kesulitan yang dialami semasa menjalankan tugas yang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja Pengukuran dan Penandaan Bersama Sempadan Antarabangsa yang sedang dijalankan oleh Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia/Direktorate Pemetaan Negara adalah bagi menentukan sempadan bersama di antara:

- (i) Malaysia—Thailand
- (ii) Malaysia (Sabah dan Sarawak)—Indonesia (Kalimantan Timor/Barat)
- (iii) Malaysia—Singapura.

Pengukuran dan Penandaan Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia—Thailand

Kerja-kerja bersama pengukuran dan penandaan sempadan Antarabangsa ini telah dimulakan pada 6hb Julai, 1973.

Jarak sempadan ini ialah 576 kilometer yang mengandungi 481 kilometer sempadan daratan dan 95 kilometer sempadan sungai.

Kemajuan yang dicapai sehingga akhir bulan September, 1981, ialah 51.2% (294.8 kilometer) daripada jumlah sempadan yang telah ditentukan dan diukur sepenuhnya.

Pengukuran dan Penandaan Sempadan ini dijangka dapat disiapkan 8 tahun ini.

Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pasukan Petugas semasa menjalankan kerja-kerja Pengukuran dan Penandaan Sempadan Antarabangsa ini ialah ancaman jerangkap samar.

Pengukuran dan Penandaan Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah dan Sarawak)—Indonesia (Kalimantan Timur/Barat)

Kerja-kerja bersama Pengukuran dan Penandaan Sempadan Antarabangsa ini dilaksanakan dalam 2 sektor iaitu Sabah—Kalimantan Timur dan Sarawak—Kalimantan Barat. Projek ini telah bermula pada 7hb September, 1975.

Jarak Sempadan Antarabangsa ini ialah:

Sektor Sabah—Kalimantan Timur

Projek A = 333 kilometer

Projek B = 178.3 kilometer

Dalam sektor ini, Projek A telah selesai dan Projek B 54% telah disiapkan.

Sektor Sarawak—Kalimantan Barat

Sektor ini juga dibahagikan kepada 2 projek iaitu Projek A dan Projek B. Panjang Sempadan bagi sektor ini ialah 1,413 kilometer. Dari jumlah tersebut, 27% (389.1 kilometer) telah siap diukur iaitu sehingga akhir tahun 1978. Mulai daripada bulan April, 1979, pengukuran menggunakan teknik Setelit Doppler telah dimulakan dan sebanyak 40 Stesen Doppler telah siap diukur.

Kerja-kerja Pengukuran dan Penandaan Sempadan Antarabangsa ini dijangka dapat disiapkan dalam masa 2 tahun bagi Sektor Sabah—Kalimantan Timur dan 20 tahun bagi Sektor Sarawak—Kalimantan Barat.

Tiada apa-apa masalah yang dialami di dalam kerja-kerja pengukuran dan

penandaan Sempadan Antarabangsa ini.

Sempadan Perairan Malaysia—Singapura

Kerja-kerja pengukuran Haidrografi bersama bagi menentukan Sempadan Perairan Malaysia—Singapura sepanjang 48 batu nautika, telah bermula pada 10hb Mac, 1980.

Setakat ini, kerja-kerja pengukuran haidrografi dari kawasan 1 hingga kawasan VI telah disiapkan 100%. Penyediaan pelotan syit-syit asas adalah 85% dan dijangka siap pada akhir tahun 1981.

Ini akan diikuti dengan menandatangani syit-syit asas muktamad dan jenis prinsip sempadan yang hendak dimeterikan sebagai sempadan perairan Malaysia—Singapura.

Tidak ada kesulitan dalam menjalankan kerja-kerja pengukuran sungguhpun adanya berlaku kelewatan disebabkan keadaan laut dan kerosakan kapal pengukuran.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Perlimeran tadi pengukuran antara sempadan Singapura—Malaysia bermula daripada 10-3-1980. Saya ingin tahu kedudukan Pulau Tekong Besar dan Tekong Kecil, sama ada Pulau Tekong Besar dan Tekong Kecil ini dimasukkan dalam peta Malaysia atau dalam peta Singapura.

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pengukuran dan juga pemetaan Sempadan Malaysia—Singapura ada sebuah pulau telah pun dipetakan sebagai kepunyaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana itu, pulau mana?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Nama itu saya tak tahu tetapi ada satu pulau

yang telah pun dipetakan tetapi telah pun dibantah oleh Kerajaan Singapura. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah masalah ini telah diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah, selesailah! Ini berkehendakkan notis juga.

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sebutkan pulau yang dimaksudkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua hanya sebuah sahaja yang menjadi kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal sebuah itu menjadi rebutan (*Ketawa*).

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, cara pengukuran yang kita buat ialah mengikut "The Straits Settlement and Johore Territorial Waters Agreements, 1927". Jadi sekiranya ada apa-apa perkara yang berbangkit pun kita ada menggunakan satu prinsip yang dinamakan "median line", jadi itulah yang akan menentukan sama ada ianya bagi pihak Singapura ataupun bagi pihak Malaysia. Itulah garis penentuan yang boleh memberi keputusan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alias bin Md. Ali.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5 dan dengan izin ada sedikit pindaan. Baris ketiga itu berbunyi, "ke Pahang Timur dan Terengganu".

PERKHIDMATAN KERETAPI KE PANTAI TIMUR

5. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat mana usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan perkhidmatan keretapi ke Pahang Timur dan Terengganu dan adakah cadangan untuk mengadakan perkhidmatan keretapi laju (*bullet train*) memandangkan jauhnya jarak antara tempat berkenaan dengan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan Keretapi ke Pantai Timur iaitu mengikut soalan asal

Ahli Yang Berhormat, telah pun ada, iaitu perkhidmatan dari Gemas hingga ke Tumpat dan seterusnya dari Rantau Panjang hingga keretapi ke Kuantan dan Terengganu, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan memang bercadang untuk mengadakannya. Kerajaan sedang berusaha mendapatkan pakar-pakar untuk mengadakan kajian kejuruteraan bagi perkhidmatan tersebut, iaitu dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan seterusnya ke Terengganu. Pihak KTM sedang menyediakan butir-butir rujukan bagi kajian ini yang dijangka akan bermula pada tahun 1982.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perkhidmatan Keretapi laju seperti "bullet train" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, KTM sedang berusaha untuk meningkatkan kelajuan keretapi di Pantai Timur. Usaha-usaha ini termasuklah mengadakan projek-projek pembaharuan landasan dari Mentakab ke Gua Musang yang dapat menampung tren-tren yang lebih laju. Alat-alat perhubungan dan persemboyanan juga akan diperbaharui bagi memudahkan perjalanan tren-tren dengan selamat. Kemudahan-kemudahan di Stesen-stesen akan dibaiki lagi sejajar dengan permintaan penumpang-penumpang. Rancangan ini termasuklah pembangunan Stesen Gua Musang. Koc-koc penumpang juga akan digantikan dengan koc-koc baru yang lebih selesa dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Kalau tak silap ingatan saya cadangan untuk mengadakan perkhidmatan keretapi ke Pahang Timur dan terus ke Terengganu ini sudah wujud dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Soalan saya kenapa berlaku kelambatan dalam menyediakan laporan yang diperlukan dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan di sini bahawa projek ini akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan adalah disebabkan untuk memperbuat rujukan kajian (*terms of reference*) dan bolehlah saya memberi jaminan bahawa selepas kajian yang

akan diperbuat dalam tahun hadapan, ianya akan terus dilaksanakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, di samping mengadakan rancangan untuk meluaskan perkhidmatan rel di negara kita sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, suka saya mendapat tahu apakah tindakan lanjutan yang telah diambil untuk memastikan keselamatan orang ramai khususnya di pintasan keretapi memandangkan apa yang telah berlaku baru-baru ini di permatang Tinggi di mana berlakunya satu kemalangan yang dahsyat.

Tuan Yang Dipertua: Soalan asal ini dia tidak pergi jauh sampai ke sana, tentang perhubungan mengadakan perkhidmatan sahaja di antara di Pantai Barat dengan Pantai Timur.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa satu kajian akan diadakan untuk menentukan tentang perkhidmatan keretapi ke Pantai Timur. Saya ingin mendapat tahu sama ada dalam kajian itu badan yang menjalankan kajian itu pun ditegaskan supaya ia juga membuat kajian tentang mengadakan pintu lintasan bagi setiap landasan di mana-mana terdapat landasan keretapi yang melintasi jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini boleh pertanyaannya (*Ketawa*).

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kajian itu hanya dihadkan daripada Kuala Lumpur hingga Kuantan dan juga ke Kuala Terengganu. Jadi dalam kajian itu jika ada rel keretapi itu melalui jalan-jalan raya ini akan termasuk di dalam kajian yang akan dibuat oleh perunding yang berkenaan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kajian yang hendak dijalankan itu akan meliputi daripada Kuala Lumpur ke Kuantan, Terengganu, Kelantan dan seterusnya disambungkan ke Pulau Pinang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat

Terengganu sahaja, jadi sama ada hendak disambung terus ke Pulau Pinang itu barangkali memerlukan kajian yang lain.

MAS—KAJIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

6. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa terjadi kepada kajian yang telah dibuat oleh sebuah firma perunding mengenai pentadbiran dan pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia dengan tujuan memperbaiki keadaan dalamnya; dan sama ada laporan firma ini akan disediakan bagi kemudahan orang ramai.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kajian tersebut telah pun siap. Sebahagian daripada perakuan-perakuan yang dikemukakan dalam kajian itu telah pun dilaksanakan dan yang lainnya adalah di dalam perhatian dan pertimbangan. Kerajaan tidak bercadang menyediakan laporan itu bagi kemudahan orang awam.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa sebahagian daripada perakuan-perakuan yang disediakan telah pun dilaksanakan dan sebahagian daripadanya belum lagi dilaksanakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu ciri-ciri perakuan yang telah dilaksanakan dan yang belum lagi dilaksanakan dan mengapa perakuan-perakuan itu tidak dapat disediakan bagi orang ramai?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat yang asal ialah mengenai laporan daripada firma yang berkenaan sama ada akan disediakan untuk kemudahan orang ramai. Pada kebiasaannya laporan-laporan yang diperbuat oleh Kerajaan ataupun juru perunding ianya akan dikaji dengan teliti dan seterusnya apabila dilaksanakan kelak barulah orang ramai tahu aspek-aspek yang laksana dan tidak mestinya bahawa tiap-tiap satu laporan itu akan diterima dengan sepenuhnya.

Mengenai soalan yang pertama, iaitu mengenai aspek-aspek yang telah dilaksanakan oleh MAS termasuklah dari

segi pentadbiran dan juga pengurusan dan mana-mana yang ada kaitan dengan dasar yang berkait dengan Kerajaan ianya dikemukakan oleh Kementerian dan juga akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Sepaker, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini nama firma perunding dan berapanya kos untuk menyediakan kajian itu?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, nama firma perunding Kresap Mac Cormick & Pagel'. Perbelanjaan bagi menjalankan kajian itu adalah dalam lingkungan \$1.8 juta.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kajian yang dibuat itu juga menyentuh perkara kelambatan dan pembatalan penerbangan yang selalu berlaku di dalam perkhidmatan Mas dan kiranya perkara itu menyentuh hal-hal yang saya sebutkan itu, apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi membetulkan keadaan ini atau sekurang-kurangnya mengurangkan kes-kes kelambatan dan pembatalan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini termasuklah di dalam kajian yang berkenaan dan salah satu daripada faktor yang telahpun dilaksanakan oleh pihak MAS adalah sentiasa dari satu masa ke satu masa mengkaji sebab-sebab kelambatan kapal terbang bertolak dan dengan seboleh-bolehnya untuk mengatasi masalah-masalah seumpama ini. Jadi, pihak MAS dan Kementerian Pengangkutan memang sentiasa mengawasi berkenaan kelambatan-kelambatan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang disoalkan dahulu. Yang pertama, fasal apa kita mahu satu consultant badan firma ataupun syarikat di luar negeri datang ke sini menyiasat perkhidmatan kita. Kalau begitu, adakah kita sendiri menerima perkhidmatan MAS

dijalankan tidak betul. Fasal itu juga kita mahu ia berjalan dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa, bahagian yang kedua?

Tuan V. David: Fasal itu yang kita menerima administrative sekarang tidak menjalankan betul. Sebab itu kita minta consultant mencari jalan bagaimana boleh buat betul. Yang pertama, menerima administrative MAS tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal daripada Yang Berhormat dari Menglembu itu tidak timbul lagi. Dicumkil-cumkil kemudian daripada itu. Tidak payah lagilah. Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, dari apa yang diberitahu tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapati bahawa sebahagian daripada perakuan-perakuan telahpun dilaksanakan. Saya ingin mendapat tahu sama ada selepas dilaksanakan beberapa perakuan yang dibuat oleh Firma ini maka dengan pelaksanaan sebahagian daripada perakuan itulah maka terjadinya satu tragedi di mana beberapa lampu itu terjatuh dan mengakibatkan beberapa orang ramai tercedera.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini barangkali tidak faham soalan asal tadi. Ini adalah berkaitan dengan Mas dan tidak ada kena mengena dengan lapangan terbang. Jadi, soalan itu saya fikir tidak perlu saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang Yang Berhormat untuk menjawab (*Ketawa*).

NILAI RINGGIT MALAYSIA DENGAN DOLLAR SINGAPURA

7. **Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa ringgit Malaysia masih lagi tidak sama nilainya dengan dollar Singapura. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan supaya nilai ringgit kita tidak terus turun berbanding dengan dollar Singapura dan ringgit Brunei.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang hampir sama maksudnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Baling dan Batang Lepar telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb November yang baru lalu. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulang jawapan ini.

LOMBONG YANG TIDAK DITUTUP

8. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama mengapakah tindakan tidak diambil terhadap tuanpunya-tuanpunya lombong yang tidak menutup atau mengambus semula lombong-lombong yang telah dikorek selepas tempoh pajakan tanah lombong telah tamat memandangkan ramai kanak-kanak telah mati lemas di lombong-lombong yang terbiar ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan bukan Kementerian saya. Oleh itu tidaklah dapat saya berikan ulasan selanjutnya.

RANCANGAN 3M DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran Menyatakan berapa buah sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil dipilih untuk pelaksanaan rancangan 3M pada tahun 1982 dan nyatakan jumlah masa yang diberi untuk pelajaran ibunda di setiap jenis sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telahpun memilih sebanyak 211 buah sekolah kebangsaan, 62 buah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan 29 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk memperkenalkan kurikulum baru sekolah rendah dalam tahun 1982.

Peruntukan bagi masa matapelajaran bahasa penghantar bagi tiap-tiap jenis sekolah ialah 540 minit dalam seminggu bagi tahap satu iaitu tahun satu ke tahun tiga dan 420 minit semingggu bagi tahap dua iaitu tahun empat ke tahun 6.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Sepeaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada bahasa ibunda akan menjadi bahasa menghantar dalam semua matapelajaran di semua sekolah rendah jenis kebangsaan yang di bawah rancangan sistem 3M dan sama ada waktu pengajarannya akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi. Saya nampak muka muskil daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chan Kok Kit: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada bahasa ibunda akan menjadi bahasa penghantar dalam semua matapelajaran di semua sekolah rendah jenis kebangsaan yang di bawah rancangan sistem 3M dan sama ada waktu pengajarannya akan dikurangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab masa dapat dikurangkan oleh kerana seluruh kurikulum atau sukatan ini sudah dibaharui, jadi tentulah ada menyesuaikan dengan seluruh kurikulum. Oleh sebab itulah masa-masa itu dapat dikurangkan untuk sesuai dengan keseluruhan kurikulum itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini atas asas apakah sebab-sebabnya sekolah-sekolah yang dipilih tadi dipilih untuk rancangan 3M pada tahun 1982—atas alasan apa?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah rancangan 3M itu untuk matapelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sahaja?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, asas memilih sekolah-sekolah yang

saya sebutkan itu ialah untuk menjadikan contoh-contoh dalam period ataupun dalam masa percubaan ini. Jadi dari apa yang saya jawab tempoh hari iaitu ada sebahagian dari sekolah-sekolah yang disebutkan itu ada prestasi akademik yang baik dan juga prestasi akademik yang tidak baik. Kita mestilah mengambil dalam period percubaan ini ada samplanya bandingan supaya pada keseluruhannya dalam percubaan ini dapat kita lebih tahu hal-hal masa percubaan ini.

Dato' Chan Siang Sun: Sila ulang lagi sekali!

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, adakah rancangan pelaksanaan rancangan 3M itu dibuat hanya dalam matapelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sahaja?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak. Ini saya fikir bermakna bahasa penghantar dalam jenis-jenis sekolah masih berterusan seperti sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, betul atau tidak—saya sengaja hendak tahu; betul atau tidak yang 3R Kerajaan di bawah sekolah Tamil dan Sekolah Tionghua itu tidak mahu beri budak-budak yang belajar ini masuk ke universiti. Bolehkah mereka masuk ke Universiti atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal jauh daripada soalan asal. Ahli Yang Berhormat dari Panti.

Dato' Haji Yusuf bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan daripada soalan asal ini ada tercatit untuk pelajaran ibunda. Jadi apakah yang dimaksudkan dengan pelajaran ibunda itu?

Dato' Chan Siang Sun: Pelajaran ibunda itu bermakna kalau dalam sekolah aliran bahasa Cina itu selain daripada pelajaran Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris, matapelajaran yang lain diajarkan dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Cina dan serupa juga dengan sekolah jenis kebangsaan Tamil.

KEMALANGAN JALANRAYA

10. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah terdapat pada tahun 1978, 1979, 1980 dan 1981 kemalangan jalanraya disebabkan oleh jalanraya, jika ada berapa jumlah kemalangan itu dan apakah ikhtiar untuk mengelakkan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalanraya boleh berlaku disebabkan beberapa faktor. Ini termasuklah disebabkan oleh kelalaian pengguna-pengguna jalanraya itu sendiri, kerosakan kenderaan dan juga kerosakan-kerosakan atau keadaan jalanraya yang kurang baik. Dari siasatan, kemalangan jalanraya yang mungkin disebabkan oleh keadaan jalanraya yang kurang baik adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 1978 sebanyak 953 kemalangan itu 1.7% daripada jumlah semua kemalangan jalanraya tahun itu.
- (b) Tahun 1979 sebanyak 1,161 kemalangan, iaitu 2% daripada semua jumlah kemalangan.
- (c) Tahun 1980 sebanyak 1,253 kemalangan, iaitu 2.1% daripada semua jumlah kemalangan.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk mengelakkan kemalangan ini berlaku ialah:

- (a) Pihak-pihak yang berkenaan seperti Jabatan Kerjaraya dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan membaiki jalan-jalan yang rosak dan mengadakan tanda-tanda berupa amaran di tempat-tempat tersebut.
- (b) Di samping itu, Kementerian Kerjaraya juga mempunyai satu unit yang mengkaji kemalangan jalanraya yang mana termasuklah mengkaji jalan-jalan yang sering berlaku kemalangan (accident prone area). Tindakan-tindakan akan diambil berikutan dengan keputusan kajian-kajian ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh

Timbalan Menteri tadi kerap kali berlaku kemalangan kerana kecuaiannya dan sebagainya. Baru-baru ini dua kemalangan berlaku sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi satu kemalangan berlaku kepada Ahli Parlimen Ulu Muda sendiri disebabkan pihak lori yang berkenaan tidak menjalankan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi. Adakah satu langkah tegas mesti diambil kepada lori-lori yang berhenti dengan sewenang-wenangnya?

Yang kedua, apa yang berlaku juga jika kemalangan berkenaan dengan keretapi adalah disebabkan oleh kecuaiannya daripada drebar bas. Jadi untuk mengelakkan perkara ini dan menjaga keselamatan jalanraya semua yang bersangkutan dengan jalanraya akan diperbaiki khususnya gate keretapi akan diadakan tiap-tiap tempat kerana boleh dikatakan kemalangan berlaku di Kelantan, Perlis dan Pulau Pinang dan banyak lagi mungkin akan berlaku. Apakah tindakan segera Kementerian ini akan ambil dengan kemalangan keretapi yang dahsyat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Apa panjang sangat soalan tambahan itu? Semua Yang Berhormat Menteri keliru.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kemalangan jalanraya yang berlaku akan disiasat oleh pihak yang berkenaan terutama sekali oleh pihak Polis dan tindakan yang setimpal dengan kesalahan yang diperbuat oleh mereka yang berkenaan akan diambil oleh Kerajaan termasuk membawa mereka ke mahkamah untuk didakwa dan didenda ataupun dimasukkan dalam penjara. Selain daripada itu, mengenai kemalangan yang berlaku di gate keretapi di mana rel keretapi ada berhampiran dengan jalanraya, pihak Kementerian Pengangkutan dan Keretapi Tanah Melayu memang telah mengemukakan senarai tempat-tempat itu bagi dilaksanakan ataupun diadakan gate kepada Jabatan Kerjaraya, khususnya Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa ada kalanya

kemalangan jalanraya berlaku oleh kerana bahu jalan lebih tinggi daripada tanah di tepi jalan dan kadangkala pula terjadi apabila bahu-bahu jalan itu disamakan dengan paras tanah di tepi jalan, tanah itu belum lagi keras dan tidak ada tanda diletakkan oleh pihak JKR untuk menunjukkan tanah tadi belum lagi keras dan selalu terjadi lori-lori dan sebagainya telah terbabas ke tepi jalan. Jadi apakah tindakan Kementerian ini di masa akan datang untuk memaklumkan kepada pemandu-pemandu kereta bahawa tanah di tepi jalan tadi belum keras dan sebagainya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seumpama ini adalah di dalam tanggungjawab Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam dan Kementerian Pengangkutan akan memaklumkan kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Pengangkutan bahawa adakah didapati kemusykilan kepada Kementerian ini daripada pembawa-pembawa jentera dan kereta bahawa kerosakan jalanraya satu daripada faktor penting yang pasti perlu diawasi seperti tanda berupa amaran. Apabila dibandingkan di negara lain kerosakan jalanraya sedikit tetapi amaran begitu besar. Sebaliknya, di negara kita jalanraya berlubang-lubang begitu besar tetapi amarannya kecil, maka kenderaan dan jentera-jentera di atas jalanraya berlaku kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun ini bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan tetapi barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, unit yang berkenaan di Kementerian Kerjaraya telah pun mengetahui mengenai masalah seumpama ini iaitu seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat di mana seringkali berlaku kemalangan di tempat-tempat yang berkenaan dan pihak mereka adalah diminta untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kalau boleh, tanda-amaran itu adalah lebih besar daripada lubang-lubang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, jika kemalangan jalanraya menimpa seseorang disebabkan oleh sebuah kenderaan yang lain, orang yang malang itu boleh menuntut gantirugi daripada insuran kenderaan yang terlibat itu tetapi kalau dia tertimpa kemalangan jalanraya disebabkan oleh kecuaihan oleh pihak yang bertanggungjawab memperbaiki jalanraya itu, adakah mereka boleh menuntut gantirugi kepada pihak yang berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini perkara yang dimisal-misalkan tak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Sakaran bin Dandai.

Tuan Haji Ampong bin Puyon: Tuan Yang di-Pertua dengan izin, soalan No. 11.

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya akan kemukakan di akhir waktu sekiranya ada masa.

AKTA BAHASA KEBANGSAAN— SEMAKAN DAN PELAKSANAAN

12. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 perlu disemak semula bagi memastikan pelaksanaan bahasa berjalan dengan berkesan menerusi penguatkuasaan undang-undang; jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyemak semula akta tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum peruntukan-peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang ada sekarang ini sedang dipraktikkan dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan bersungguh-sungguh oleh semua pihak yang berwajib, dalam setiap aspek mahupun dalam maksud resmi. Kemajuan dan prestasi yang

dicapai setakat ini, seimbang dengan kemampuan, fasiliti dan jentera-jentera yang ada. Boleh dikatakan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan berjalan dengan berkesan dan meningkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan senantiasia memerhati perkembangan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 itu dan Kerajaan akan menyemak dan membuat pindaan-pindaan yang sesuai kepada Akta ini apabila difikirkan perlu bagi menjamin penggunaan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan negara kita.

Satu perkara yang saya suka tegaskan di sini ialah penggunaan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan kita dalam kehidupan kita tiap-tiap hari adalah bergantung kepada sikap kita terhadap Bahasa Kebangsaan itu dan kesungguhan kita hendak menggunakannya sebagai Bahasa Kebangsaan kita yang mesti kita daulatkan. Kalau sikap ini sudah ada undang-undang tak perlu lagi bahkan ia menjadi satu perkara yang memalukan kita sebagai warganegara yang taat setia kepada negara Malaysia jika kita mesti dipaksakan dengan undang-undang untuk menggunakan dan mendaulatkan bahasa kebangsaan kita.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan, oleh kerana 99% dari Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh bertutur dengan fasih dalam Bahasa Kebangsaan—kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 24 tahun dan Malaysia telah wujud lebih daripada 18 tahun—soalan saya adakah Kerajaan bercadang hendak meminda Akta Bahasa Kebangsaan bagi memperuntukkan supaya semua Ahli Dewan yang mulia ini termasuk Ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak mesti minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu sebelum berucap dalam bahasa Inggeris?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat peraturan sekarang ialah bagi Ahli-ahli mestilah meminta kebenaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris melainkan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah. Soalan sama ada Akta dipinda untuk

memaksa semua Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dalam Bahasa Kebangsaan di dalam Dewan ini, ini belum dapat saya memberi jawapan tegas.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan sama ada benar bahawa undang-undang yang ada sekarang tidak memperuntukkan hukuman kepada orang-orang yang didapati tidak mematuhi Undang-undang ini, dan sekiranya benar, adakah pihak Kerajaan bercadang hendak memasukkan satu peruntukan yang membolehkan hukuman dikenakan kepada orang-orang yang melanggar Akta ini?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebagaimana yang saya bayangkan tadi ialah bahawasanya jika penggunaan Bahasa Kebangsaan oleh warganegara Malaysia ini perlu dikaji secara mendalam terutama jika sekiranya hendak difikirkan apakah denda-denda, hukuman-hukuman yang patut dikenakan jika sekiranya melanggar peraturan ataupun kehendak sesuatu Akta yang memaksakan mereka menggunakan Bahasa Kebangsaan itu. Saya lebih suka sebagaimana yang saya katakan tadi supaya kita mengingati diri kita yang kita ini adalah warganegara Malaysia yang taat setia yang telah menerima Bahasa Kebangsaan itu sebagai Bahasa Kebangsaan kita dan dengan itu sudah semestinya kita mendaulatkan bahasa itu dan menggunakan Bahasa Kebangsaan itu setiap masa tanpa menunggu dipaksakan dengan undang-undang nanti.

PERUNTUKAN KEPADA AHLI PARLIMEN/DEWAN UNDANGAN NEGERI

13. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menyiarkan nama-nama Ahli Dewan Negeri dan Ahi Parlimen yang telah diperuntukkan sebanyak \$20,000 dan \$100,000 bagi tiap-tiap seorang setahun untuk kawasan mereka dari bulan Julai 1978 dan sama ada jumlah yang tersebut telah dibelanjakan untuk faedah rakyat.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang hampir sama telah saya beri sewaktu menjawab pertanyaan mulut soalan No. 3 dari wakil Batu Gajah pada 2-11-1981 dan tidak payahlah lagi saya ulangi di sini.

HARGA GETAH—AKIBAT DARI PENURUNAN

14. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mata pencarian pekebun-pekebun kecil sedang terancam akibat harga getah yang sangat rendah dan jika ya, apakah usaha jangka panjang yang dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd.: Sebenarnya soalan yang seakan-akan sama telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini oleh rakan saya dari Kementerian Perusahaan Utama pada 27-10-1981 yang lalu. Walau bagaimanapun bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kementerian Wilayah memang sedar bahawa mata pencarian pekebun-pekebun kecil sedang terancam akibat harga getah yang sangat rendah. Untuk makluman Dewan sesungguhnya harga barang-barang utama termasuk getah adalah bergantung kepada keadaan semasa ekonomi dan pasaran dunia. Sebagai langkah jangka pendek Kementerian ini melalui RISDA serta badan lain seperti MARDEC telah memperbanyakkan lagi pembelian getah terus daripada pekebun kecil dengan tujuan supaya pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan. Langkah jangka panjang Kerajaan bagi mengatasi masalah ini ialah dengan penyertaan Malaysia dalam rundingan-rundingan ke arah menjalinkan perjanjian getah asli dengan aktifnya yang mana telah berkuatkuasa sekarang. Pengarah Eksekutif Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa telah pun memanggil sumbangan kewangan dari negara-negara ahli untuk membolehkan operasi stok penimbal dimulakan.

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa menguntukkan bahawa satu stok penimbal

antarabangsa diwujudkan yang berjumlah 400,000 tan getah dengan tambahan 150,000 tan dalam bentuk stok penimbal kontingensi bagi mengawal dan menentukan harga getah dikekalkan di paras yang ekonomi. Selain daripada perjanjian antarabangsa adalah penting untuk menentukan supaya kemajuan-kemajuan dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran getah kita diteruskan dan juga digalakkan usaha-usaha pemerosesan tempatan bagi menambah keluaran berasaskan getah dalam berbagai bentuk. Memandangkan hakikat ini Kerajaan telah menekankan usaha-usaha seperti program rancangan tanaman semula, penyelidikan dan pembangunan dan pemindahan teknologi khusus kepada sektor pekebun kecil. Usaha-usaha juga telah dibuat bagi mencari pasaran-pasaran baru menerusi misi perdagangan dan ekonomi yang telah dan akan dihantar dari masa ke semasa keluar negeri. Usaha-usaha bagi meningkatkan pasaran bagi getah akan diteruskan bukan sahaja dalam bentuk-bentuk mentah tetapi juga yang separuh diproses dan yang siap diproses dengan usaha-usaha di atas adalah diharapkan mata pencarian pekebun-pekebun yang sangat rendah ini dapat dikurangkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, kedudukan harga bergantung kepada keadaan dunia dan sebagainya. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang sesudah harga getah itu turun untuk mencari pendapatan yang lebih kepada pekebun-pekebun kecil selain daripada memberi bantuan kepada RISDA seperti bantuan tanaman semula dan sebagainya akan memberi juga bantuan tanaman selingan yang juga mendapat hasil jangka pendek dengan bantuan daripada Kementerian sebagaimana bantuan dari RISDA, iaitu tanaman selingan yang agak bersesuaian dengan tempat dan keadaan?

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd: Tuan Yang di-Pertua, cara yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat itu ada dijalankan oleh Kementerian Pertanian.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai mata pencarian

pekebun-pekebun kecil sedang terancam oleh harga yang telah turun, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang untuk mencari jalan lain untuk memenuhi pendapatan mereka yang mana kebun mereka itu kecil barangkali tanah mereka itu kecil, tubuh mereka pun barangkali kecil kerana kurus, jadi dapatkah Kerajaan memberikan tanah atau mengadakan skim untuk mereka?

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat itu bolehlah ditimbang kerana pada masa ini berbagai usaha sedang dijalankan terutama dalam mengadakan mini-mini estet dan lain-lain.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum hari ini kita sedang menghadapi kejatuhan harga padi, maka pihak Kerajaan telah mengadakan subsidi harga padi melalui LPN. Jadi saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian ini bercadang untuk memberi subsidi kepada harga getah misalnya pada paras 80 sen melalui RISDA di masa-masa yang akan datang.

Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd.: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum banyak bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh RISDA kepada pekebun kecil dengan menanam semula telah dinaikkan kadar subsidi dan biasiswa serta lain-lain cara akan difikirkan dari semasa ke semasa.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— PENDAFTARAN PENGUNDI

15. Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Suruhanjaya Pilihanraya sedar bahawa ada pekerja pendaftaran pengundi yang telah mendaftarkan semua bakal pengundi yang lahir di dalam tahun 1960 tanpa memastikan had kelahiran 15-8-1960. Dapatkah pihak Suruhanjaya Pilihanraya memberi jaminan bahawa semua borang-borang yang tepat menepati syarat-syarat pendaftaran itu tidak akan ditolak. Bagaimanakah pula dengan nama-nama pengundi yang langsung tidak

dikenali oleh penduduk-penduduk tempatan dan tidak diketahui di mana alamatnya. Apakah takrif Pemastautinan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidak sedar adanya orang-orang yang tidak berkelayakan dari segi umur yang telahpun didaftarkan dalam tempoh pendaftaran pemilih yang baru lalu kerana proses memeriksa borang-borang permohonan masih lagi dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat itu tarikh kelayakan ditetapkan pada 16-8-1981, ini bermakna bahawa warganegara yang lahir pada atau sebelum 16-8-1981 adalah layak untuk memohon. Ada kemungkinan bahawa kerana salah tafsiran yang segolongan kecil daripada 10,000 kakitangan pendaftaran yang bertugas di seluruh Malaysia maka mereka yang lahir selepas 16-8-1960 juga telah didaftarkan. Yang Berhormat itu tidak perlu khuatir mengenai kesilapan di peringkat itu kerana tidak mungkin orang seperti ini akan mendapat kelulusan setelah borang permohonan mereka disemak oleh pejabat-pejabat pilihanraya negeri dan seterusnya oleh ibupejabat Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya tidak pernah bahkan tidak berkuasa menolak permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih dari kalangan mereka yang benar-benar berkelayakan.

Berkaitan dengan nama-nama pengundi yang langsung tidak dikenali oleh penduduk-penduduk tempatan dan mencurigakan mereka dari segi taraf mastautin mereka, bantahan-bantahan boleh dibuat oleh pengundi-pengundi dalam bahagian pilihanraya berkenaan dalam tempoh rang daftar pemilih dipamerkan untuk tuntutan dan bantahan. Setelah disahkan bahawa orang-orang yang berkenaan bukan pemastautin tetap di alamat tertentu maka nama mereka boleh dipotong dari daftar pemilih.

Mengenai istilah pemastautin, ianya adalah:

- (a) Ditakrifkan sebagai "constructive residents". Ini bermakna tempat kediaman biasa seseorang itu atau yang

dipunyai olehnya. Seseorang boleh menuntut taraf pemastautinan atau "constructive residents" ini jika ia berhak di sisi undang-undang menduduki sebagai tuannya atau menyewa atau sebagai keluarga tuannya.

- (b) Ada sekali sekala mendudukinya atau menjadi tempat kediaman biasa bagi isteri dan keluarganya.
- (c) ke mana ia ada tujuan hendak balik dalam mana-mana tempoh ia tidak berada, ke mana ia setiap masa boleh balik dengan tidak melanggar sebarang tanggungan awam atau tanggungan perjanjian.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, oleh kerana tempoh bantahan ataupun tempoh pameran yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya selama 2 minggu adalah satu tarikh yang agak singkat, maka adakah Kerajaan bercadang supaya tempoh bantahan atau tempoh pameran yang akan datang ini akan dilanjutkan lebih daripada 2 minggu?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pada waktu ini tidak ada cadangan hendak memanjangkan lagi tempoh tuntutan dan bantahan selama 14 hari ataupun 2 minggu itu. Adalah dijangka tempoh tuntutan dan bantahan itu akan ditetapkan kira-kira dalam bulan Mac 1982 akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang kumpulan-kumpulan tertentu yang baru-baru ini telah mendaftarkan beramai-ramai pengundi-pengundi dengan menggunakan satu alamat yang sama? Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi hal ini?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa sanya borang-borang pendaftaran yang telah dibuat dalam masa tempoh pendaftaran yang lalu masih lagi disemak dan saya percaya hanya setelah disemak barulah dapat ditentukan apakah

benar atau tidak perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Setakat ini kita hanya mendengar cakap-cakap orang yang saya fikir kita tidak boleh pastikan selagi kita belum analisa segala borang-borang pendaftaran yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 11, 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

PENTADBIRAN KEWANGAN DI LUAR NEGERI

2. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar yang pengurusan dan pentadbiran kewangan dan perkhidmatan Pegawai-pegawai Diplomat negara kita di banyak Perwakilan Malaysia di luar negeri begitu lemah sekali sepertimana yang telah didedahkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada awal tahun ini. Bagaimana cara Kementerian boleh mengatasinya supaya prestasi Kerajaan dan negara tidak terjejas.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagaimana juga Jabatan-jabatan lain, Kementerian ini tidak sunyi dari kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan dan perkhidmatannya. Namun demikian, langkah-langkah dan usaha-usaha sentiasa diambil bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi pentadbiran Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dengan berbagai-bagai cara, termasuk mengadakan taklimat-taklimat dan kursus-kursus khas untuk pegawai-pegawai yang berkenaan, mengedarkan pekeliling-pekeliling untuk menjelaskan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan, mengadakan pemeriksaan mengejut dan sebagainya untuk mengemaskinikan pentadbiran perwakilan-perwakilan sesuai dengan keperluan Kerajaan.

Sebahagian besar dari masalah-masalah ini telah saya jelaskan semasa menggulung perbahasan bagi Belanjawan 1982 bagi Kementerian ini di Dewan yang mulia ini pada 25 dan 26hb November yang lalu.

IRAN-IRAQ MEREDAKAN PERGOLAKAN

11. Dato' Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan dapatkah Malaysia meningkatkan usahanya dan mendesak di mesyuarat Islam antarabangsa supaya langkah-langkah yang perlu dapat diambil untuk meredakan pergolakan yang kini berlaku di beberapa buah Negara-negara Islam seperti peperangan di Afghanistan dan di antara Iraq dan Iran juga keadaan yang berlaku dalam Iran sendiri, memandangkan Malaysia adalah juga sebuah negara Islam dan ianya seharusnya turut memainkan peranan yang berkesan supaya pergolakan yang berlaku di dalam negara-negara Islam tidak berterusan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengenai keadaan yang berlaku dalam sesuatu negara, saya ingin menegaskan bahawa tidaklah wajar bagi kita mencampurkan tangan di dalam hal dalam negeri sesuatu negara lain, maupun negara-negara itu negara Islam.

Pertikaian Iraq-Iran

Mengenai pertikaian yang berlaku antara dua negara Islam maka adalah menjadi tugas kepada negara-negara Islam untuk berusaha mencari jalan membawa kepada perdamaian. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negara kita adalah di antara negara-negara Islam yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pendamai 8 negara mengenai pertikaian Iraq/Iran yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Persidangan Islam di peringkat Ketua-ketua Kerajaan. Jawatankuasa ini sedang berusaha untuk memberhentikan pertikaian antara dua negara ini dan mendapatkan perdamaian yang sewajarnya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ahli-ahli Jawatankuasa Damai mengenai konflik Iraq-Iran telah melawat Teheran dan Baghdad dua kali, pertama kalinya dari 28hb Februari hingga 3hb Mac 1981, manakala lawatan kedua dilakukan dari 30hb Mac hingga 1hb April 1981. Semasa kedua-dua lawatan tersebut di atas, Jawatankuasa Damai itu berjumpa dengan Ketua Negara Iraq dan Iran. Hasil daripada lawatan ini, Jawatankuasa Damai

telah mengemukakan kepada Iraq dan Iran satu cadangan pendamaian (package peace settlement plan) yang memperuntukkan satu rangka menyeluruh bagi mencari satu penyelesaian konflik itu melalui perundingan.

Iraq dan Iran telah memberi jawapan mereka masing-masing terhadap cadangan pendamaian tersebut di atas dan mereka telah terus menyambut baik usaha-usaha Jawatankuasa Damai itu.

Sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Damai, detail-detail tentang cadangan itu hendaklah dirahsiakan agar usaha-usaha pendamaian Jawatankuasa Pendamai itu tidak terjejas.

Bagaimanapun untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Damai tersebut di atas tetap merupakan satu forum yang paling berguna (promising) untuk mencari satu penyelesaian terakhir kepada konflik Iraq-Iran. Di samping itu, konflik itu tetap mendapat perhatian yang utama daripada kesemua anggota Pertubuhan dan Persidangan Islam. Ahli-ahli Jawatankuasa Damai sentiasa mengadakan perhubungan di antara satu sama lain mengenai konflik itu dan apabila sesuai dan perlu, Jawatankuasa Damai akan berjumpa lagi bagi menentukan tindakan selanjutnya.

Afghanistan

Mengenai keadaan di Afghanistan, pendirian Malaysia adalah jelas. Negara kita mengutuk penceroboh oleh kuasa asing terhadap negara itu dan mendesak supaya tentera asing keluar dari negara Afghanistan, kerana ini adalah bertentangan dengan prinsip hak warganegara memilih dengan sendirinya corak pemerintahan negaranya. Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif dalam beberapa persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Persidangan Islam dan juga di lain-lain forum antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Persidangan Komanwel, dalam usaha membebaskan negara Afghanistan dari pencerobohan asing ini. Kerajaan tidak akan mengendurkan usaha kita untuk menamatkan pencerobohan yang

telah dilakukan oleh sebuah kuasa luar terhadap sebuah negara Islam dan negara berkecuali.

Dan selain daripada memutuskan segala bentuk perhubungan dengan regim haram yang ada di Afghanistan sekarang, Kerajaan kita juga sedang menimbangkan kemungkinan memberi bantuan yang lebih kepada lebih kurang 3 juta orang-orang pelarian Afghanistan yang kini bertaburan di Pakistan dan Iran, untuk mengurangkan kesengsaraan mereka. Setakat masa kini bantuan kewangan kita kepada orang-orang pelarian Afghanistan berjumlah \$150,000.

Krisis di Beberapa Buah Negara-negara Islam

Sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar luar kita yang utama ialah hendak mengukuhkan hubungan sosial, ekonomi dan politik dengan kesemua negara Islam. Dasar ini bukan sahaja bertujuan membawa kepada kerjasama ekonomi yang lebih bererti di kalangan negara-negara Islam, bahkan ianya bertujuan membangkitkan semangat kerjasama dan perpaduan di dalam bidang politik di antara mereka. Kerajaan kita yakin bahawa melalui kerjasama dan perpaduan ini, kita bukan sahaja dapat mengurangkan syak wasangka di antara negara-negara Islam, lebih penting dari itu ianya membawa kesetabilan dan kemajuan kepada umat Islam buat keseluruhannya.

Sungguhpun Malaysia ialah sebuah negara Islam yang kecil, tetapi memandangkan kejujuran dan kredibiliti antarabangsa kita, Malaysia telah dipilih menganggotai tiga Jawatankuasa Pertubuhan Persidangan Islam yang penting, iaitu Jawatankuasa Damai mengenai konflik Iraq-Iran, Jawatankuasa mengenai masalah Sahel dan Jawatankuasa mengenai soal Palestin. Yang demikian, seperti juga masalah lampau, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh umat Islam, sama ada dari politik, ekonomi atau ideologi.

ISA—MENGHAPUSKAN SYARAT

16. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan sama ada beliau bercadang menghapuskan syarat-syarat yang dikenakan ke atas orang-orang yang telah dibebaskan dengan bersyarat di bawah ISA yang ditahan berikutan dengan peristiwa Tunjuk Perasaan Pelajar dalam 1974 dan Tujuk Perasaan Petani-petani di Kedah dalam 1980 dan kes tiga Abdul, memandangkan rakan-rakan mereka yang bersama-sama dituduh telahpun dibebaskan tanpa syarat.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa dari jumlah 27 orang yang ditahan di bawah ISA kerana tunjuk perasaan pelajar 1974, tunjuk perasaan petani Kedah 1980 serta kes 3 Abdul, setakat ini kesemuanya telah dibebaskan tanpa syarat kecuali 3 orang yang masih disekat dan seorang lagi yang masih ditahan berdasarkan penilaian keselamatan negara.

Bagi mereka yang disekat Kerajaan tidak bercadang untuk mengubahkan syarat-syarat sekatan kecuali dan hanya dengan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat sesuai dengan keperluan keselamatan negara kita.

SIDDIQ GHOUSE PENGINTIP KGB

17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mendakwa Siddiq Mohamed Ghouse kerana menjadi mengintip KGB, jika tidak, mengapa.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun dijawab di dewan ini pada 12-10-1981. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan terhadap jawapan tersebut.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKALKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketiga belas).

Maksud B. 38 (Jadual)—

Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Majlis waktu ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu menimbangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B. 38 dan Anggaran Pembangunan P. 38 Kementerian Kesihatan. Saya akan minta Yang Berhormat Menteri atau wakilnya menjawab pukul 4.30 petang ini dan had bercakap sama iaitu 15 minit. Sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

3.36 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Pelajaran Kesihatan yang didapati di muka surat 377, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam, (e) Pelajaran Kesihatan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana bilangan penduduk Malaysia bertambah tahun demi tahun, kesihatan awam telah menjadi lebih penting hari demi hari. Ini disebabkan masyarakat kita akan menjadi lebih sesak, rakyat kita pun hidup dengan lebih dekat di antara satu sama lain dan penyakit-penyakit seseorang atau segolongan rakyat boleh menjejaskan orang-orang lain kerana penyakit-penyakit boleh berjangkit atau merebak dengan mudah dan cepatnya. Kesihatan awam bermula daripada pelajaran kesihatan orang perseorangan dan dalam hubungan ini saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya memperluaskan rancangan dan aktiviti Pelajaran Kesihatan bagi rakyat kita.

Tuan Pengerusi, setahu saya Pelajaran Kesihatan ini selama ini telah dijalankan secara kecil-kecilan sahaja. Ini dibuktikan sungguhpun terdapat undang-undang tertentu rakyat kita berludah, membuang sampah di sana sini, tandas awam tidak digunakan dengan baiknya, longkang, parit ditutup dengan berbagai kotoran, tapak-tapak lapang dalam bandar menjadi tempat yang lebih teruk daripada tempat bakar sampah (rubbish dump) dan seterusnya. Di kawasan-kawasan luar bandar pula terdapat kanak-kanak yang tidak memberus gigi, kanak-kanak yang tidak berkasut, yang membuang air kecil dan besar di parit dan sungai. Di banyak tempat sungai-sungai itu adalah sumber atau punca air untuk minuman dan basuhan.

Adalah jelas Pelajaran Kesihatan dalam negara kita masih mundur lagi. Bagi ramai rakyat, mereka hanya tahu mencari doktor selepas jatuh sakit dan kurang mengetahui pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Sungguhpun Kementerian ini mempunyai perkhidmatan perubatan pencegahan selain daripada perubatan rawatan dan pemilihan, rancangan-rancangan itu adalah tidak berkesan tanpa kerjasama rakyat jelata kita.

Oleh yang demikian adalah amat mustahak bagi Kerajaan kita tidak menghadkan Pelajaran kesihatan di sekolah-sekolah sahaja. Tetapi menjalankan pelajaran itu di tiap-tiap peringkat masyarakat. Rakyat kita

harus diajar untuk mengubah tabiat atau sikap dan cara hidup yang kurang baik dan harus diingatkan tabiat yang buruk itu akan menjejaskan kesihatan mereka sendiri.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengadakan lebih banyak lagi pameran-pameran, ceramah-ceramah dan tunjuk ajar berbentuk lain untuk menggalakkan rakyat kita mengamalkan tabiat kesihatan yang baik supaya taraf kesihatan rakyat kita dapat ditinggikan. Saya percaya Kerajaan mengiktirafkan betapa pentingnya Pelajaran Kesihatan ini kerana adalah diperhatikan di muka surat 359 dalam buku Prestasi Aktiviti ini akan menjadi satu rancangan khas dan tidak menjadi sebahagian kecil Pentadbiran sahaja.

Adalah dirancangan juga strategi pelaksanaan Aktiviti ini adalah seperti berikut:

- (a) Membentuk keupayaan perkhidmatan pelajaran kesihatan kepada 500% daripada tahun 1978 sebagai asas.
- (b) Membentuk keupayaan bahan bercetak Pelajaran Kesihatan kepada 300%; dan
- (c) Membentuk keupayaan penyelidikan dan pembangunan pelajaran kesihatan kepada 1500%.

Berdasarkan atas strategi ini saya rasa hairan dan keliru kenapa jawatan-jawatan dan banyak peruntukan-peruntukan bagi bahagian ini akan dikurangkan bagi tahun 1982 dan peruntukan-peruntukan lain dinaikkan pula.

Tuan Pengerusi, di muka surat 377, Butiran 1100 (2) (a) adalah ditunjukkan jawatan-jawatan bagi bahagian ini akan dikurangkan daripada 78 orang pada tahun 1981 kepada 71 orang pada tahun 1982 dan gaji mereka akan dikurangkan daripada \$762,900 kepada \$610,000. Begitu juga Butiran 1200 (2) (a), Butiran 1300 (2) (a), Butiran 2700 (2) (a) menunjukkan peruntukan-peruntukan tertentu telah dikurangkan atau diturunkan.

Keturunan peruntukan-peruntukan tersebut adalah seimbang dengan kekurangan jawatan perbelanjaan bagi pengangkutan

orang bagi pengangkutan barang-barang, perabot, lengkap, percetakan telah dinaikkan pula. Susahlah bagi saya memahami dengan kekurangan kakitangan perbelanjaan bagi perjalanan pengangkutan perabot dan lain-lain ditambah pula. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menjelaskan perkara ini. Saya percaya Dewan ini berminat mengetahui juga dengan kekurangan jawatan bagaimana strategi-strategi yang dirancangkan itu yang melibatkan dan meliputi orang-orang beberapa puluh atau beberapa ratus kali ganda itu untuk dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin bercakap di bawah Program (1) Pentadbiran, Butiran (Kod) 1100 di mukasurat 377.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang keperluan untuk menjalankan pembedahan siasat bagi orang-orang yang telah meninggal dunia akibat kemalangan.

Adalah biasa bagi ahli-ahli keluarga melaporkan kepada polis apabila sesuatu kematian telah berlaku akibat kemalangan. Adalah biasa juga bagi polis menghantar mayat ke hospital dengan permintaan untuk menentukan sebab-sebab kematian. Pihak hospital tidak dapat menentukan sebab kematian kecuali melakukan pembedahan siasatan atau (post mortem). Ini telah mewujudkan beberapa masalah kerana orang kita khususnya mereka yang beragama Islam tidak mahu mayat dibedah. Sebagai Wakil Rakyat dalam keadaan seumpama itu kita selalu diminta berhubung dengan pihak hospital supaya pembedahan dapat dielakan. Pihak hospital menjawab mereka menjalankan pembedahan atas permintaan polis. Sekiranya polis menarik balik permintaannya pembedahan tidak akan dijalankan. Kita diminta berhubung dengan pihak polis pula dan pihak polis menjawab mereka sebenarnya tidak meminta mayat dibedah, mereka hanya meminta diberi tahu sebab-sebab yang benar kematian sahaja.

Kita kembali ke hospital dan mengulangi rayuan kita. Pada masa kesedihan susahlah bagi kita menyakinkan (to convince) ahli-ahli keluarga si mati bahawa kita tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan pembedahan siasat itu, kadang kala di salah fahamkan sebagai orang yang

mempunyai pengaruh yang besar tetapi tidak mahu menolong mereka pada saat yang sedih itu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya memamerkan kenyataan-kenyataan tertentu di hospital untuk makluman orang ramai, bahawa dalam kedudukan-kedudukan tertentu pembedahan siasat perlu dijalankan. Kenyataan seperti itu akan menyenangkan tugas semua Wakil Rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

3.45 ptg.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi saya juga bangun mengambil bahagian membahaskan peruntukan Kementerian Kesihatan dan saya ingin menyentuh mukasurat 377, B. 38, Butiran 1100 Program (1) dan (2) berhubung dengan masalah yang mana kekurangan doktor memang telah dirasai selama ini dan di dalam peruntukan tahun 1982 ini pertambahan pegawai nampaknya hanya setakat ini 33 orang daripada 1,382 kepada 1,415. Begitu juga berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan yang mana akan bertambah daripada 20,937 kepada 21,671 orang. Ini bererti tambahan sebanyak 734 orang sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini di setengah-setengah daerah saya dapati ada di mana penduduk di antara 5,000 dan 6,000 dapat rawatan seorang doktor. Tetapi berlainan dengan kawasan pilihanraya saya di mana tiap-tiap 30,000 orang baru mendapat seorang doktor. Saya harap di atas pertambahan pegawai dan pertambahan peruntukan yang dipohon bagi tahun 1982 ini saya harap tidaklah kawasan saya dikesualikan yang mana 30,000 orang baru mendapat rawatan seorang doktor yang mana jumlah doktor yang ada sekarang ini hanya 4 orang.

Tuan Pengerusi, kalau masalah ini pihak Kementerian mengubah dasar dan polisinya saya percaya masalah ini tidaklah teras berat sangat kerana salah satu daripada dasar perkhidmatan pihak Kementerian yang mana di setengah-setengah daerah macam hospital

Kota Tinggi kalau 4 orang doktor hanya 3 orang yang diberi tugas untuk merawat yang mana seorang daripadanya dilantik untuk menjadi pentadbir atau pegawai yang duduk di pejabat yang tidak dapat dijalankan kegiatan-kegiatan merawat pesakit. Saya berharap pada masa akan datang supaya kalau 4 orang doktor ini keempat-empatnya itu hendaklah diberi tugas merawat pesakit-pesakit, kerana kalau untuk hendak menjadi pentadbir tidak perlu seorang doktor yang begitu lama belajar dan sepatutnya dia mempraktikkan pengalamannya untuk merawat pesakit-pesakit tetapi ia diletakkan duduk di pejabat.

Saya percaya kalau doktor ini lama sangat dia tidak mempraktikkan pengalamannya akan hilang dan selain daripada itu dia akan dapat pengalaman baru pula bila dia menjalankan praktiknya hari-hari dan tidak hanya duduk di pejabat sahaja. Saya harap perkara ini akan dapat diambil perhatian berat oleh Kementerian Kesihatan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh iaitu P. 38 mukasurat 396 Butiran 2 dan 3 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan Memperbaiki Hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya difahamkan beberapa banyak perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar ini, ada di antara yang telah diistiharkan sendiri oleh pihak Kementerian melalui Pengarah-pengarah Jabatan Negeri dan melalui Pegawai-pegawai Daerah bahawa banyak di antara klinik-klinik desa atau klinik-klinik kecil yang di desa-desa itu akan dinaikkan tarafnya kepada klinik desa daripada pusat kesihatan kecil kepada klinik desa. Tetapi malangnya perkara ini telah diberi tahu kepada pengundi-pengundi kepada rakyat jelata tetapi perlaksanaannya terlalu lembab sehingga hari ini masih ada lagi kawasan-kawasan yang telah diistiharkan akan dinaikkan tarafnya daripada pusat kesihatan kecil ini kepada klinik desa tetapi tidak dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dan sekarang kita sudah masuk pula Rancangan Malaysia Keempat, saya harap perkara ini tidak akan berlanjutan sehingga ke Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang pula.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh terdapat sebuah bangunan klinik di kawasan pilihanraya saya yang telah dibina dua tiga tahun dulu tetapi dengan sebab pentadbiran ataupun pihak pemborong yang menjalankan pekerjaan membina Klinik Desa ini barangkali juga kurang mendapat pengawasan daripada pihak Kementerian telah melambat-lambatkan pembinaan bangunan ini dan sehingga bangunan ini terbengkalai sampai ke hari ini iaitu di satu tempat bernama Tanjung Buai dalam daerah Penggerang. Dan di dalam lawatan saya, saya dapati pengaduan pihak penduduk kampung ini bahawa kebanyakan buruh-buruh atau kuli-kuli kontraktor yang menjalankan kerja membuat binaan ini telah pun merosakkan banyak di antara bangunan-bangunan yang telah terbengkalai tadi dengan alasan pihak kontraktor tidak memberi gaji dan upah kepada pekerja-pekerjanya. Maka pekerja-pekerja tadi mengambil tindakan sendiri, mengambil tindakan liar dengan mengambil barang-barang yang sedia ada seperti simen, besi dan sebagainya yang mana kerugiannya bukan akan ditanggung oleh pihak kontraktor tetapi saya percaya kerugian ini akan ditanggung sendiri oleh pihak Kementerian. Jadi kalau perkara ini banyak berlaku, saya percaya pihak Kementerian akan menghabiskan wang dan membazirkan wang yang banyak sekali sedangkan faedah yang diharap-harapkan oleh pihak rakyat tidak akan diperolehi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan membaiki hospital-hospital ini, saya berharap benarlah pada kali ini supaya Hospital Daerah Kota Tinggi itu dapat diambil perhatian sedikit. Sebagaimana saya katakan sudahlah hospital ini kekurangan, yang penduduk sekarang ini sudah menjangkau kepada angka 120,000 dengan empat orang doktor sahaja, keadaan hospital itu sendiri kerana Hospital Kota Tinggi ini sebagaimana juga daerah-daerah yang lain kebanyakannya adalah dibina sebelum perang iaitu hospital yang telah lama. Jadi saya harap melalui peruntukan yang begini besar iaitu melebihi angka \$14,647,000 itu saya harap di dalam angka wang yang begini banyak sebanyak \$14.6 juta ini janganlah dikecualikan Hospital Daerah Kota Tinggi kerana saya dapati ada dua kelas sahaja

dalam hospital ini sejak ia ditubuhkan sampailah ke hari ini. Kelas Satu dan Kelas Dua. Tetapi jika dibandingkan dengan hospital-hospital daerah lain pada nama sahaja ada Kelas Dua, tetapi perkhidmatannya layanannya ubatnya dan sebagainya sama sahaja dengan Kelas Tiga. Tidak ada makna dinamakan Kelas Dua sedangkan layanannya tidak mendapat layanan yang sepatutnya seperti yang terdapat di Kelas Dua di hospital-hospital daerah lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cerita Hospital Kota Tinggi?

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kota Tinggi, Kementerian tidak ada minta duit apa untuk hospital ini.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya masuk di bawah memperbaiki hospital-hospital.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi itu Butiran 4.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tidak, Tuan Pengerusi, Butiran 3.

Tuan Pengerusi: Membaiki Hospital—Am? Ya, teruskan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Jadi sebagaimana saya katakan tadi begini banyak wang yang dibelanjakan jadi dengan sebab Kelas Dua itu hanya pada nama sahaja Kelas Dua. Pernah suatu masa, Tuan Pengerusi, seorang pegawai tinggi Kerajaan yang mendapat kemalangan dan dirawat di dalam hospital ini dan dilawati oleh Menteri sendiri, pada masa itu menteri Penerangan. Yang mendapat kemalangan ini ialah Pengarah Penerangan Negeri. Jadi dengan sebab kemalangan itu berlaku, Menteri sendiri pada masa itu Yang Berhormat yang sekarang ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Jadi kita rasa segan dan malu melihat Menteri yang datang dan pegawai-pegawai tinggi datang. Menteri Besar datang, bila lihat keadaan rawatan yang ada disitu ditempatkan di Kelas Dua, pada nama sahaja Kelas Dua.

Saya harap kalau benar-benar hendak dinamakan Kelas Dua itu biarlah yang agak selesa sedikit, biarlah bagaimana yang ada di hospital-hospital daerah lain. Janganlah nampak sangat pada mata rakyat, kita mengatakan di hospital ini ada Kelas Dua tetapi bila pegawai-pegawai tinggi dimasukkan dalam wad ini tidak mendapat layanan sebagaimana yang sepatutnya.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya harap selain daripada itu terdapat banyak bilik-bilik dan katil-katil yang begitu lama dan ada di antara katilnya yang telah bertukar, saya percaya hampir 20 tahun. Ada di antara katil-katil itu yang telah patah dan sebagainya masih lagi digunakan. Kadang-kadang bagi hendak menyamakan katil-katil itu sanggup pihak pekerja hospital meletakkan batu bata di bawah kaki-kaki katil. Ini amat memalukan kepada negara kita yang sedang membangun sekarang ini yang menjadi tumpuan pelancung-pelancung terutama sekali pelancung-pelancung daripada negara-negara anggota ASEAN. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian berat daripada pihak Kementerian.

Seperkaru lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bila menjelaskan perkara ini sama ada pihak doktor-doktor yang bertugas di dalam hospital ini tidak boleh keluar daripada hospital untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan. Ini kejadian yang berlaku, Tuan Pengerusi, saya harap dapat direkodkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Kejadian pada 3hb Julai, 1981 bersamaan 1hb Ramadhan yang mana saya sendiri telah meminta jasa baik pihak doktor untuk datang ke rumah saya merawat atau memberi pertolongan rawatan tetapi telah ditolak oleh pihak doktor dengan alasan dia sedang "on call" dan tidak boleh keluar daripada hospital. Tetapi apa yang mendukacitakan saya ada apa yang menghairankan saya apabila saya berkehendakan pertolongan doktor ini tidak dapat, saya memohon seorang doktor yang lain, doktor yang lain ini boleh pula datang untuk memberi rawatan. Jadi, di sini barangkali saya tidak faham di mana kedudukan yang sebenarnya sama ada

doktor yang "on call" ini boleh keluar memberi rawatan atau tidak boleh.

Tuan Pengerusi, itulah pandangan saya dan diucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

3.56 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikemuka oleh Kementerian Kesihatan.

Saya hanya ingin menyebut beberapa perkara sahaja yang ada kaitan dengan dengan Kementerian ini dan diharap sangat supaya Kementerian ini dapat mencari ikhtiar bagi mengatasinya.

Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, B. 38, Butiran 1300 Program (7).

Dalam soal yang seperti ini berkenaan dengan mengubat penyakit-penyakit yang ada di seluruh negara ini boleh dikatakan keseluruhannya pihak Kementerian ini telah pun dapat mengubat tiap-tiap penyakit yang diingapi kepada rakyat di dalam negara ini. Cuma ada satu penyakit sehingga setakat ini tidak boleh lagi diubat di dalam negeri, terpaksa dibawa keluar negeri, penyakit ini penyakit jantung berlubang.

Biasanya penyakit ini siapa yang mengidapnya, terpaksa dibawa ke Australia, ke Singapura, ke Filipina dan sebagainya dan bagi kos perbelanjaan pula meningkat sehingga \$18,000 ke \$20,000. Biasanya mereka yang mendapat penyakit ini tidak ada kemampuan untuk berubat di luar negeri.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, ada seorang murid sekolah di Sekolah Menengah Tengku Menteri Changkat Jering, di Taiping baru sahaja meninggal di Kuala Lumpur kerana mengidap penyakit ini dan tidak sempat berubat dan kebetulan pula pihak keluarganya sedang mengumpul wang. Bila dikumpul tidak cukup, terpaksa pula merayu kepada orang ramai pun tidak dapat sepertimana yang dikehendaki dan akhirnya kanak-kanak yang berkenaan meninggal. Sungguhpun saya telah berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ini

beberapa kali minta bantuan, dia telah memberi bantuan banyak daripada kanak-kanak ini berada di Hospital Taiping, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah meminta supaya dibawa ke Kuala Lumpur. Dia dibawa ke Kuala Lumpur tetapi hanya lebihkurang 5 hari sahaja selepas dibawa akhirnya dia meninggal dunia.

Jadi, dalam hal ini nampaknya sehingga setakat ini pihak Kerajaan, pihak Kementerian ini belum lagi dapat mengubati penyakit ini sehingga terpaksa dibawa keluar negeri. Jadi, oleh sebab itu eloklah pihak Kerajaan, pihak Kementerian Kesihatan mencari jalan supaya dibawa pakar-pakar penyakit jantung daripada luar negeri sepertimana dibawa pakar-pakar lain juga ditempatkan di dalam negara kita, sungguhpun barangkali cara mengubatinya tidak dapat mengatasi keseluruhannya tetapi pada peringkat awal sudah boleh pakar-pakar yang berkenaan ini menyiasat, membantu atau boleh diubat dengan serta-merta. Jadi sekiranya tidak boleh dengan usaha-usaha yang dibuat, baharulah dihantar keluar negeri. Jadi, dengan cara ini, saya percaya Kerajaan dapat mencari jalan oleh kerana pada peringkat sekarang ini orang-orang yang mengidap penyakit jantung berlubang ini terlalu ramai di dalam negara kita dan bila terlalu ramai, tentulah sudah menjadi masalah negara. Bila telah menjadi satu masalah negara maka perlulah Kerajaan mengambil perhatian yang serius dalam perkara-perkara yang seperti ini.

Selain daripada ini, saya berpendapat pihak Kementerian ini patut meminta bantuan khasnya kepada mereka yang boleh berubat yakni bomoh-bomoh yang boleh menggunakan ubat tradisional yang mana saya percaya mereka ini pun boleh; saya agak sahaja, kerana saya rasa ada di antara mereka ini dapat mengubati orang-orang penyakit ketagih dadah, dan ramai di antara di kalangan orang Melayu boleh mengubati orang-orang yang patah tulang. Biasanya orang yang patah tulang ini dibawanya orang Melayu itu khasnya ke hospital untuk diubat, dibantu oleh bomoh-bomoh yang pandai mengenai ilmu patah tulang pergi ke hospital memberi air dan sebagainya supaya dapat mengubati orang yang patah tulang ini.

Kadang-kadang diminta oleh warisnya membawa balik, dibuka balik semula, kemudian diubah. Biasanya yang saya lihat oleh kerana dalam kawasan saya, orang yang pakar—bomoh dalam kawasan saya ini memang ada dan ia biasanya membantu pihak hospital—dia membantu pihak orang ramai. Kalau pihak Kementerian Kesihatan ini mahu melawat ke rumahnya, saya sedia membawanya, sebabnya di rumahnya, saya lihat pembedahan kaki, tangan, badan yang mana patah dibuka di rumahnya dilonggokkan banyak-banyak sampai sekarang ini banyak sekali, barangkali, Tuan Pengerusi pun terkejut juga kalau lihat perkara-perkara yang seperti ini.

Jadi, oleh sebab itu pada pandangan saya orang-orang yang seperti ini barangkali boleh juga menolong pihak Kerajaan—bahagian tradisional ini membantu supaya penyakit jantung berlubang itu dapat diatasi oleh pihak Kerajaan. Kerana nampaknya sehingga setakat ini sepertimana saya katakan tadi payah sangat hendak mengatasi dalam negeri, di luar negeri terpaksa menggunakan wang yang banyak dan terpaksa meminta bantuan dan sebagainya. Manalah tahu, barangkali ada beberapa orang bomoh-bomoh bahagian tradisional ini boleh membantu pihak Kementerian ini berubat dan jika sekiranya mereka ini tidak berjaya bukanlah ianya menjadi kesalahan, kerana mereka ini telah cuba mengatasinya, barangkali insya Allah pada satu masa usaha-usaha yang mereka buat, kajian yang mereka buat mungkin pada satu masa mereka berjaya juga di dalam bahagian-bahagian penyakit yang sepertimana saya katakan tadi.

Tuan (Timbalan) *mempengerusikan Jawatankuasa*

Tuan Pengerusi, yang kedua mukasurat 399, P. 38, Butiran 15, Perkhidmatan Kemalangan dan Otopidik dan lain-lain.

Saya percaya wad-wad mana pun kalau penyakit yang seperti ini lebih ramai orang yang mengidap penyakit ini berada di dalam wad-wad itu. Contohnya di Hospital Taiping sendiri, Wad 18 yang mengumpul orang-orang yang berpenyakit jenis ini. Bila ada

kemalangan dimasukkan dalam wad itu: patah tulang, pembedahan dan sebagainya.

Petang semalam saya melihat wad yang berkenaan untuk memastikan wad ini mustahak atau tidak untuk ditambah lagi di Hospital Taiping khususnya mengenai tengok patut ditambah lagi satu wad di Hospital Taiping khususnya mengenai penyakit seperti ini. Sebabnya katil yang ada dalam wad itu penuh, kemudian pihak hospital bubuh di tengah-tengahnya berbaris, itu pun penuh juga. Inilah penyakit kemalangan, maktumlah masa cuti sekolah ini berlaku berbagai-bagai kemalangan yang terjadi di jalan raya, kemalangan jatuh daripada pokok, patah tulang terpaksa dibuat pembedahan dan sebagainya.

Kita pun tahu, kita baca dalam akhbar hari ini Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut, Ahli Parlimen dari Ulu Muda pun sedang dirawat di Hospital Taiping kerana perlanggaran. Dia sedang dirawat dan di dapati serius. Kita harap mudah-mudahan dia sihat semula seperti sedia kala. Jadi, wad yang seperti ini memerlukan penambahan khasnya di Hospital Taiping. Sebab-sebabnya jenis penyakit seperti yang saya katakan tadi terlalu ramai dan mereka tidak ada kemudahan lain melainkan ditambah lagi satu wad untuk diasingkan supaya jenis patah tulang ini boleh ditempatkan dalam satu wad, manakala yang kena dibedah perut dan sebagainya, kita bubuhkan dalam satu wad lain supaya dapat dikurangkan daripada kesesakan yang ada pada masa ini.

Contohnya, kemalangan keretapi baru-baru ini di mana 17 orang telah meninggal dunia pada masa itu; 30 orang menerima kemalangan, maka kemalangan jenis macam inilah kalau dimasukkan dalam wad seperti itu yang saya kata tadi, 30 orang hendak dimasukkan dalam satu hospital, penuhlah dalam satu hospital itu dan kalau wadnya kecil, di mana hendak diisikan. Kalau kejadian itu berlaku dekat Taiping, saya rasa tidak ada tempat hendak diisikan dalam wad yang berkenaan dan terpaksa dibawa tumpang sementara. Sungguhpun perkara ini jarang tetapi saya biasa berlaku pada hari ini pun didapati tidak mencukupi untuk menampung penyakit-penyakit sepertimana

saya katakan tadi untuk memberi rawatan sehingga mereka sembuh. Kalau sekiranya kita hanya mengubati pesakit-pesakit seperti ini sembuh sedikit-sedikit, suruh dia balik—itu mudah sahaja, wad itu tidak penuh tetapi yang perlu kepada kita, kita hendak beri dia ubat sehingga sembuh, baharulah disuruh balik dan hidup sebagai orang yang sihat.

Misalnya, di Hospital Taiping ini, cara berubat seperti itu, saya telah buat soal jawab dengan doktor yang berkenaan itu. Doktor itu baik, saya rasa di mana-mana doktor pun macam ini barangkali, boleh jadi di seluruh negara telah dilatih seperti ini. Ia ingin mengubat kepada pesakit-pesakit sehingga sembuh dan apabila sembuh, baharulah diberi dia keluar daripada wad itu. Jadi, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, saya suka meminta ia mempertimbangkan, kerana baharu-baharu ini dia pernah melawat Hospital Taiping dan sudah tengok, besar hospitalnya tetapi orangnya ramai supaya penambahan wad-wad seperti ini perlu dipertimbangkan dan rawatan seperti kemalangan hendaklah diasingkan, dan mudah-mudahan keadaan pesakit-pesakit itu pun tidak runsing sangat. Kalau terlalu ramai, mereka ini duduk bersama-sama dengan orang sakit, mereka pun runsing juga, dia sakit sedikit, dia rasa macam sakit banyak tetapi kalau dapat kita kurangkan keadaannya, mudah-mudahan beransur-ansurlah baik cara dia berfikir, cara dia menghadapi penyakit seperti itupun dapat dipertimbangkan supaya dapat dibuat sebuah wad lagi khas untuk penyakit seperti ini di General Hospital Taiping. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.10 ptg.

Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kesihatan dan izinkan saya bercakap berkenaan mukasurat 377, B. 38, Program (1) (a) Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian.

Tuan Pengerusi, semenjak kita merdeka saya mengaku banyak kemajuan-kemajuan kesihatan rakyat bertambah baik dalam negara kita, dan begitu jugalah dalam kawasan saya di Sabak Bernam umpamanya banyak perubahan yang telah kami terima. Akan tetapi perubahan-perubahan itu pada pada pendapat saya tidaklah begitu pesat, kerana di luar-luar bandar dan khasnya dalam kawasan saya sendiri masih banyak yang patut boleh dibuat, menimbangkan masa sekian lama yang telah ditanggung oleh rakyat penduduk luar bandar khasnya di Sabak Bernam, saya akui memang banyak perubahan-perubahan yang telah kami terima. Tetapi bagaimanapun, penyakit-penyakit masih ada didapati walaupun telah berkurangan, seperti masih boleh didapati lagi penyakit malaria, masih didapati juga penyakit untut, dan masih banyak kanak-kanak kita yang menderita cacing dan keadaan gigi anak-anak kita yang pada keseluruhannya belum dapat layanan yang sempurna. Jadi saya merayu kepada Kementerian ini supaya lebih menitikberatkan kesihatan di luar bandar.

Penderitaan dan kesusahan yang telah diterima oleh rakyat di Sabak Bernam masih tetap belum berubah dalam beberapa hal, umpamanya kalau siapa-siapa pun hendak X-ray terpaksa pergi ke Telok Anson atau Tanjung Karang, yang memakan masa mungkin sampai seminggu, dua minggu baru dapat keputusan dan begitu juga orang-orang sakit akan terpaksa dibawa ke hospital antara kedua itu. Jadi kesusahan-kesusahan ini dapatlah digambarkan, dan kesusahan-kesusahan ini nampaknya tidak juga berubah. Saya tak tahu sampai bila penderitaan ini akan boleh diatasi, tetapi rakyat sangatlah merasa dukacita dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa di Sabak Bernam tidak ada hospital, yang ada ialah klinik-klinik dan Pusat Kesihatan oleh Kerajaan telah menghantar beberapa doktor yang agaknya mahu, jadi kadang-kadang ada tiga, kadang-kadang ada dua, kadang-kadang tinggal satu sentiasa bertukar dan ini disebabkan sebagaimana yang kita maklum, kerana kita kekurangan doktor. Selain

daripada kekurangan, saya rasa memang tak ada minat doktor kecuali yang bersemangat dan barangkali yang terpaksa, atau doktor kontrak, kerana di luar bandar seperti di Sabak Bernam tidak ada rumah-rumah, disediakan, rumah menumpang dan rumah seorang doktor yang disediakan tidak sesuai bagi seorang doktor. Jadi ini perlulah dapat diteliti dengan cukup mendalam oleh Kementerian Kesihatan kalau betul-betul hendak menolong kesihatan di luar bandar, khasnya di Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi, mengenai doktor-doktor yang kurang ini saya mempunyai beberapa pandangan, iaitu kita banyakkann lagi, banyakkann lagi doktor-doktor daripada luar negeri, barangkali kita boleh iklankan di iklan-iklan seluruh dunia, jangan kita tumpukan satu-dua negeri sahaja. Selain daripada itu mana-mana doktor yang telah tamat kontrak kalau tidak menyalahi peraturan sebagai rakyat asing patut kita sambung terus seberapa lama mereka sanggup duduk dalam negara kita ini. Selain daripada itu doktor-doktor ini patutlah diberi kemudahan seperti mana saya katakan tadi, rumah-rumah yang sempurna yang setaraf dengan tarafnya sebagai Pegawai-pegawai Pakar atau Pegawai-pegawai Profesional. Mungkin juga doktor-doktor yang dihantar jauh ini patut diberi pertimbangan, seperti elaun yang lebih supaya mereka tertarik. Untuk jawatan doktor ini sendiri patutlah Kementerian ini mengambil berat dengan mengemukakan supaya pangkatnya itu lebih lekas naik supaya doktor-doktor ini lebih berminat, dan tidak lari meninggalkan tugas-tugasnya, khidmatnya kepada Kerajaan dan pergi kepada pihak swasta.

Saya suka juga mencadangkan supaya doktor-doktor ini diberi tanggagaji yang lebih daripada tanggagaji lain-lain jawatan oleh kerana kita akui bahawa jawatan doktor ini penting dan susah. Jika sekiranya tidak ada langkah yang kita ambil, saya percaya kita akan kekurangan doktor ini tak tahu sampai bila oleh kerana tidak ada keistimewaan yang ada pada mereka jika mereka berkhidmat kepada Kerajaan.

Saya sentiasa masuk ke Pejabat-pejabat Kerajaan seperti Pegawai-pegawai Pentadbir

dan saya ada juga masuk ke Pejabat-pejabat Doktor. Kita bandingkan terlalu jauh beza kemudahan-kemudahan, keselesaan, apatah lagi perhiasan antara Pejabat Doktor, iaitu Pejabat Pegawai Ikhtisas yang tinggi itu jika dibandingkan dengan mereka, dari jurusan yang lain. Jadi saya mengharapkan supaya Kementerian Kesihatan dapat meneliti dan membincangkan dengan pihak JPA bagi mengatasi kesulitan-kesulitan dan maruah serta taraf doktor-doktor kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka menyebut sedikit mengenai klinik kesihatan kita di Mekah. Saya merayu supaya dapat dicarikan tempat walaupun barangkali ini ada kaitannya dengan Tabung Haji tetapi saya difahami klinik ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan. Jadi saya mengharapkan supaya klinik di Mekah itu dapat dicarikan tempat yang lebih selesa, besar, tidak sempit seperti sekarang, Yang ada sekarang ini kalau kita sihat pun boleh jadi pula sama sakit, oleh kerana sempit. Selain daripada itu saya mengharapkan tambahan-tambahan pegawai pada masa musim haji dan tidak kurang pentingnya ialah kereta-kereta ambulan supaya dapat menolong jemaah-jemaah haji kita yang meninggal dunia di tanah suci itu, yang sekarang ini tidak dapat langsung memberi pertolongan, pada hal mati itu ialah soal yang paling besar dan yang paling menyedihkan bagi mereka yang berkenaan, tetapi kita tidak dapat memberi pertolongan langsung kerana tidak ada kemudahan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.20 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya saya merujuk kepada muka surat 393, Butiran 3200, Program (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Saya menyokong apa yang telah disarankan oleh rakan saya tadi dari Matang iaitu mengenai mengadakan pakar-pakar di Malaysia kita sendiri iaitu pakar-pakar dari luar negeri untuk merawat pesakit-pesakit jantung berlubang. Tetapi apa yang saya

ingin membangkitkan adalah bukan sahaja mengenai pesakit-pesakit jantung berlubang sungguh pun kita telahpun membaca begitu banyak sekali kesah-kesah yang menyayat hati mengenai pesakit-pesakit jantung berlubang ini, tetapi saya rasa ada juga berbagai-bagai penyakit yang lain, penyakit ganjil dan sebagainya yang tidak boleh dirawat dalam negeri ini dan bagi orang-orang yang berkemampuan ini tidaklah menjadi masalah, mereka boleh bila-bila masa sahaja ke luar negeri untuk mendapat rawatan kepakaran dan sebagainya tetapi orang yang tidak berkemampuan maka jawabnya adalah untuk mendapat bantuan-bantuan dari orang ramai ataupun memilih cuma biarkan penyakit itu yang akan membawa kepada maut.

Saya rasa kita sebagai sebuah Kerajaan memanglah bertanggungjawab, kita mempunyai satu, dengan izin moral duty untuk menolong kes-kes yang seperti ini dan kita tidaklah boleh saya rasa biarlah begitu sahaja kepada orang-orang yang tidak berkemampuan.

Saya juga hairan mengapakah setakat ini Kerajaan tidak mengambil suatu tindakan tetapi membiarkan begitu sahaja kepada orang ramai membantu orang-orang yang tidak berkemampuan ini mendapat rawatan di luar negeri. Oleh sebab itu, saya ingat tempat yang sesuai iaitu Butiran 3200, Perkhidmatan Rawatan Perubatan patut juga Kementerian Kesihatan tambah suatu peruntukan khas yang lain, mungkin dengan serta-merta ataupun pada Belanjawan yang akan datang iaitu suatu peruntukan bantuan rawatan-rawatan khas iaitu bukan sahaja bagi penyakit jantung berlubang ini tetapi juga kepada penyakit-penyakit yang lain yang mana tidak ada rawatan dalam negeri dan bagi orang-orang yang tidak berkemampuan. Saya rasa sudah sampai masanya perkara ini kita ambil berat sedikit dan jangan lagi terdapat kesah-kesah yang begitu menyayat hati yang kita sering baca dalam suratkhbar. Kebanyakan orang yang meninggal dunia ini kadang-kadang oleh sebab rawatan itu diberi terlalu lambat, oleh sebab terpaksa menunggu bertahun-tahun mengumpulkan wang untuk pergi ke luar negeri dan sebagainya. Saya rasa saya ingin

menyarankan kepada Kerajaan untuk mengadakan suatu peruntukan khas untuk memberi bantuan rawatan di luar negeri bagi pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan, bagi penyakit yang tidak boleh dirawat dalam negeri. Saya rasa ini suatu sasaran yang agak simple tetapi saya rasa tidak ada sebabnya kenapa perkara ini tidak boleh dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, kedua, saya balik kepada muka surat 377, Butiran 1100—Pentadbiran Ibupejabat. Kita sering dengar tentang kejadian di mana projek-projek Kementerian Kesihatan ini begitu lambat hendak dilaksanakan. Misalnya di kawasan saya sendiri Hospital Kulim sudah 12 tahun dipercepatkan, telahpun diisytiharkan 12 tahun dahulu hendak membina suatu Hospital Daerah yang baru tetapi sehingga sekarang saya rasa masih dalam drawing board sahaja pelan-pelannya.

Satu punca yang saya dapati dalam pengalaman saya adalah mengenai soal kerja-kerja teknikal yang dijalankan di Ibupejabat JKR bagi Kementerian Kesihatan. Saya ingin mencadang dan menyarankan kepada Kementerian ini supaya dapat mengadakan suatu Bahagian Teknik Khas di Kementerian Kesihatan sendiri iaitu Bahagian JKR Khas di Kementerian Kesihatan sebagaimana Kementerian Pelajaran sekarang mempunyai Bahagian Teknikalnya yang khas untuk mengendalikan projek-projek pelajaran dan kalaulah ada suatu Bahagian Teknikal Khas di Kementerian Kesihatan maka sudah tentulah pegawai-pegawai itu dapat specialised dalam kerja-kerja lukisan pelan dan kerja mengawasi pelaksanaan projek-projek iaitu projek-projek khas kesihatan, hospital, klinik, klinik besar, klinik kecil dan sebagainya dan bukan sahaja pegawai-pegawai itu dapat latihan dan pengalaman yang khusus dalam bidang tersebut tetapi kita akan menyelamatkan begitu banyak masa dari segi penyelarasan antara Kementerian Kesihatan dan Ibupejabat JKR.

Sekarang begitu banyak sekali masa terhilang oleh sebab penyelarasan surat-menyurat dan sebagainya di antara Kementerian Kesihatan dengan JKR. Tetapi dengan

adanya Bahagian Teknikalnya yang khas untuk mengendalikannya kerja-kerja teknikal ini sama ada sebahagian JKR di Kementerian Kesihatan ataupun khas Bahagian Teknikal yang bergantung dan bertanggungjawab kepada Kementerian Kesihatan sendiri, itu terpujanglah. Tetapi saya rasa dengan adanya bahagian khas ini maka sudah tentulah projek-projek Kementerian Kesihatan ini dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah lagi.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.26 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa teguran mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian Kesihatan.

Seperti jelas dalam Anggaran Belanjaan yang dibentangkan itu, Kementerian Kesihatan adalah satu yang luas dalam tanggungjawab dan liputannya. Program-program yang dijalankan itu adalah satu aspek yang berkaitan secara langsung dalam membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, khususnya rakyat luar bandar, dan dalam usaha meningkatkan lagi kebolehan dan daya pengeluaran (productivity) pekerja-pekerja kita.

Dalam menunaikan tanggungjawab ini, Kementerian memang menghadapi beberapa kerumitan yang utama di antaranya adalah kekurangan kakitangan yang mahir dan kebolehan yang terhad untuk mendirikan beberapa projek yang ditujukan dalam Belanjaan yang diluluskan setiap tahun oleh Dewan yang mulia ini.

Seperti disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kekurangan Pegawai Perubatan menjadi satu masalah yang berterusan, khususnya dalam bidang-bidang kepakaran tertentu, seperti bius, pathology, ENT, pembedahan jantung dan lain-lain.

Kementerian memang sentiasa berikhtiar seberapa yang boleh untuk mengatasi masalah ini. Tetapi, apa yang kita harus tidak lupa ialah bahawa banyak kemajuan yang telah dicapai dalam bidang kesihatan. Kemajuan yang dicapai dalam bidang perkhidmatan rawatan asas dan mencegah beberapa penyakit berjangkit dan memajukan kualiti alam sekitar dari segi kesihatan di merata negara adakah satu yang kita boleh banggakan.

Liputan yang diberi oleh Klinik-klinik Desa, di mana rawatan asas serta perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak diberi, termasuk juga klinik-klinik dan pasukan-pasukan bergerak, Pusat-pusat Kesihatan Besar dan Poliklinik adalah hampir menyeluruh di Semenanjung Malaysia. Peruntukan telahpun diberi dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mewujudkan sebanyak 125 lagi Pusat Kesihatan dan 466 lagi Klinik Desa. Setakat ini kita telahpun mendirikan 78 buah Pusat Kesihatan dan 551 buah Klinik Desa, selain daripada 252 Pusat Kesihatan Kecil dan Pusat Kesihatan yang dalam kemajuan untuk dijadikan sebagai Pusat Kesihatan.

Rancangan-rancangan untuk meningkatkan lagi kemahiran kakitangan para medical di pusat-pusat ini juga sedang dijalankan. Satu kajian sedang dibuat untuk "upgrade"kan kakitangan di Klinik-klinik dan Pusat-pusat Kesihatan tersebut.

Tindakan yang amat berfaedah telah juga diambil untuk mengawal dengan berkesan untuk membaiki lagi cara bekalan air yang cukup, dan mengamalkan pembuangan najis manusia secara terpelihara. Program-program Kementerian telah memberi penekanan yang baik, khususnya terhadap kawalan penyakit-penyakit yang meluas. Pada satu ketika penyakit-penyakit seperti malaria, cholera, typhoid, cirit-cirit, T.B., menjadi masalah besar di negara kita. Kejadian dan kematian akibat penyakit-penyakit ini sudah banyak dapat dikurangkan. Program-program membasminya atau suntikan pelali (immunisation) terhadap penyakit-penyakit itu telah mendatangkan hasil yang baik.

Dalam usaha ini, dalam tempoh masa lima tahun 1978-80 sahaja, Kementerian melalui rancangan Rural Environmental Sanitation telah membina sebanyak 14,000 kemudahan perigi atau saluran air bersih yang lain di tempat-tempat yang tidak mempunyai bekalan air bersih yang lain. Juga, sebanyak 308,830 tandas telah dibina di tempat-tempat yang tidak mempunyai kemudahan ini dan dengan itu dalam keadaan mudah merebak, penyakit-penyakit berjangkit. Rancangan ini diteruskan di mana kemudahan biasa di bawah lain-lain rancangan (program) tidak diperolehi.

Satu index kejayaan kita dalam rancangan-rancangan senyap tetapi amat berkesan seperti ini adalah kekurangan kadar kematian dan peningkatan "life expectancy" rakyat kita. Kadar-kadar kematian telah turun dari 12.4 setiap 1,000 penduduk pada 1957 kepada 5.8. Kemajuan yang pesat juga telah dicapai dalam infant, toddler dan material mortality, Life Expectancy, yang 56 tahun bagi lelaki dan 58 tahun bagi perempuan pada 1957 telah juga meningkat ke 65.97 tahun dan 70.92 tahun pada 1979.

Masalahnya adalah kerana kemajuan ini tidak uniform di merata negara dan masih terdapat kelompok-kelompok di mana kadar kematian atau kadar penyakit-penyakit masih tinggi dan beberapa masalah berhubung dengan alam sekeliling masih lagi terdapat di banyak tempat. Sementara itu beberapa masalah kesihatan baru pula, muncul kerana cara hidup yang baru dan perubahan-perubahan demografi dan ekologi di negara kita. Sementara itu teknologi-teknologi perubatan baru telah membuka berbagai kemungkinan dalam merawat mereka yang sakit atau cacat.

Jadi, tugas kita adalah menentukan bahu-wa serentak dengan menambah dan memperbaiki lagi liputan perkhidmatan kesihatan asas dan meneruskan program mengawal penyakit-penyakit yang menjadi masalah besar (termasuk meningkat lagi pelajaran kesihatan), kita dapat membangunkan kemudahan-kemudahan kesihatan bertaraf tinggi untuk menguruskan kes-kes yang memerlukan kajian dan rawatan yang lebih complex.

Dengan matlamat itulah perkembangan rancangan Kementerian telah diaturkan. Rancangan-rancangan khas dan "pointed" sedang disediakan untuk mengawal penyakit-penyakit yang vector borne, seperti malaria, untut dan denggi, penyakit cirit-cirit dan penyakit-penyakit "respiratory" sebagai langkah menyerang masalah-masalah yang besar. Kita harap juga perhatian khas yang sedang diberi kepada pembekal air dan pembuangan najis di kawasan luar bandar akan membawa keadaan sanitation alam sekeliling yang lebih sempurna. Perhatian yang lebih akan juga diberi kepada pelajaran kesihatan, khususnya mengenai kebersihan peribadi (personal hygiene), yang mustahak dalam mengawal penyakit-penyakit berjangkit dan dalam meningkatkan nutritional level rakyat kita, terutama sekali kanak-kanak kita.

Sementara itu, dalam masa Rancangan Malaysia Ke Empat, kita akan menumpukan perhatian yang lebih kepada "patient care service" di hospital-hospital. Rancangan ini melibatkan pembinaan 46 buah Hospital Daerah yang baru dan juga pembaikan kepada beberapa Hospital Besar secara luas. Sebanyak 35 Poliklinik bandar juga telah diluluskan untuk perlaksanaan, selain daripada kemudahan-kemudahan gudang ubat, X-Ray, dan lain-lain jentera moden bagi diagnosi dan rawatan.

Dari segi cara kerja, Kementerian telah pun mula-mula memberi penekanan yang khusus kepada membaiki lagi counter services dan perhubungan di antara pegawai-pegawai dengan orang awam. Jabatan-jabatan kecemasan dan kemalangan di hospital-hospital juga sedang dinaikkan tarafnya, kerana pesakit kemalangan adalah kumpulan yang terbesar sekali yang dibawa ke hospital-hospital kita.

Selain daripada itu, adalah dirancangkan untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan khas untuk rawatan kanak-kanak dengan pembinaan sebuah hospital kanak-kanak di Kuala Lumpur. Sebuah pusat Cardio-Thoracic untuk pembedahan jantung sedang juga dimajukan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Pakar-pakar dan kakitangan para

medic untuk Pusat ini sedang dilatih di Australia pada masa ini dan dijangka kembali dalam sebulan lagi. Kemudahan Intensive Care dan Coronary Care akan juga diwujudkan dan dimajukan di Hospital hospital Besar yang lain.

Sebagai asas untuk segala kemajuan seperti ini, kita telahpun mula melatih pegawai-pegawai perubatan dan para medica secara luas. Latihan dan orientasi kumpulan pegawai, termasuk pengurus-pengurus di beberapa peringkat Kementerian akan menjadi satu tumpuan yang penting dalam usaha kami.

Kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu, juga sedang diberi perhatian dari beberapa segi. Pada amnya bolehlah dikatakan bahawa keadaan adalah lebih baik dari beberapa tahun yang lalu. Dengan bertambahnya pengeluaran doktor-doktor daripada universiti-universiti tempatan, keadaan adalah diharapkan akan bertambah baik. Matlamat kita untuk mencapai kaedah doktor: penduduk sebagai 1 orang doktor untuk 2,200 penduduk akan dapat dicapai pada tahun 1990.

Di samping itu beberapa idea dan cadangan sedang diberi timbangan bagi menentukan kebolehan Kementerian mendapat perkhidmatan doktor-doktor bagi satu tempoh yang lebih wajar. Termasuk dalam ini, adalah usaha menambah lagi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi bagi memperluaskan kenaikan jawatan mereka, peluang-peluang yang lebih luas untuk mendapat latihan post-graduate dan post-fellowship dan suasana kerja yang lebih memuaskan.

Masanya pun mungkin sudah sampai untuk kita mengkaji dengan lebih mendalam lagi peruntukan-peruntukan Undang-undang yang memudahkan 'practice' yang begitu bernilai bagi sektor swasta, yang menggalakan pegawai-pegawai perubatan meletakkan jawatan-jawatan Kerajaan mereka. Peruntukan beberapa Undang-undang mengawal pejualan ubat-ubat, khususnya yang merbahaya, haruslah

diubahsuaikan untuk menentukan bahawa amalan kerja dan kemudahan yang diberi adalah sesuai dan memuaskan.

Adalah dipercayai bahawa undang-undang mengawal penjualan ubat-ubatan dan penguatkuasaannya pada masa ini tidaklah begitu ketat dan ini memudahkan banyak malpractice di kalangan sektor swasta. Keadaan seperti ini tidaklah memadai atau pun dapat diteruskan selama-lamanya. Satu pasukan kawalan dan penguatkuasaan telahpun diwujudkan, di semua Negeri dan kegiatan mereka ini sedang diaturkan dengan latihan dan peraturan cara kerja yang sesuai.

Kita juga sedang menguatkan kebolehan Makmal Kawalan kimia Ubat Kebangsaan di Petaling Jaya untuk menyenangkan kawalan mutu ubat yang diimport atau dikeluarkan tempatan. Undang-undang kawalan ubat-ubatan dan Farmasi sedang juga dikaji semula untuk memperketatkannya. Haruslah kita ingat bahawa lebih daripada 20,000 jenis ubat-ubatan ada dalam pasaran negara pada masa ini. Oleh yang demikian, kerja-kerja memberi kawalan yang cukup bukanlah satu yang senang atau dapat diaturkan dalam satu tempoh masa yang singkat.

Segala ini saya menyatakan di sini, Tuan Pengerusi, untuk menjelaskan hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai kekurangan doktor, kemudahan, kawalan dan lain-lain.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Julau dan dari Sarikei, Kementerian saya adalah sedar bahawa liputan atau coverage kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar di Sarawak masih lagi belum memuaskan. Kementerian juga sedar bahawa perhubungan merupakan satu masalah yang besar di Sarawak. Kedua-dua faktor ini menyulitkan apabila penduduk-penduduk berkehendakkan perkhidmatan perubatan Kementerian akan terus melaksanakan dan memberi tekanan kepada pembangunan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di luar bandar di Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian telah diperuntukkan \$19.99 juta untuk melaksanakan 75 projek kesihatan luar bandar. Ini termasuk 66 Klinik Desa dan 5

Pusat Kesihatan. Di samping itu Kementerian juga akan melaksanakan 4 Pusat Kesihatan Daerah yang baru. Pusat-pusat kesihatan daerah ini akan mengandungi di antara lain, kemudahan hospital.

Bagi perkhidmatan pergigian pula Kementerian akan melaksanakan 52 projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat di Sarawak. Ini termasuk klinik-klinik pergigian di sekolah-sekolah dan juga klinik-klinik pergigian bergerak. Sebanyak 19 buah klinik bergerak sedang bertugas di Sarawak, termasuk 1 di Sarikei. Pasukan di Sarikei akan mencuba memberikan rawatan kepada murid-murid di sekolah-sekolah masing-masing seberapa yang boleh.

Sementara menunggukan kemudahan-kemudahan tetap atau static yang saya sebutkan tadi dan bagi memastikan bahawa penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil mendapat perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diperlukan, Kementerian Kesihatan akan meneruskan program klinik bergerak melalui "Flying Doctor's Service" ataupun pasukan bergerak jenis lain di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mencadangkan bahawa cara Perubatan Tradisi haruslah diterima dan juga dimasukkan dalam rawatan di Hospital-hospital. Beliau juga telah meminta bahawa Kementerian janganlah mengusik tempat-tempat menjual ubat-ubatan tradisi.

Saya memang tidak menafikan bahawa kebaikan dan kesan Perubatan Tradisi belum lagi dapat diketepikan dalam kes-kes tertentu. Pada masa ini kita tidak melesenkan rawatan cara Perubatan Tradisi ini. Tetapi, di bawah Ordinan Racun 1952, adalah diperuntukkan bahawa bahan-bahan kimia yang digunakan dalam ubat-ubatan mestilah digunakan di bawah penyeliaan perubatan yang terkawal, kerana bahan-bahan ini boleh membawa akibat yang buruk dan bahaya jika dikawal kegunaannya. Adalah dikesan bahawa setengah ubat-ubatan tradisi atau herbal medicines, mengandungi bahan-bahan racun, dan juga bahan-bahan yang menjejaskan kesihatan

(deleterious substances), Kementerian telah, dari masa ke semasa menasihatkan orang ramai mengenai keadaan ini.

Seumpamanya, dalam 3 tahun yang lepas telah dikesankan bahawa 3 jenis ubat tradisi mengandungi arsenic dan mercury, dan dengan izin, saya mengatakan nama trade nampaknya—

- (i) Pa Pao Ching Peng San
- (ii) Pill Curing, dan
- (iii) Gu Sao Wan

Kandungan arsenic dan mercury dalam 3 jenis ubat ini telah dikesankan sebagai melebihi had yang dibenarkan di bawah Ordinan Racun 1952. Kegunaan heavy metal seperti ini secara luas ataupun kegunaannya, walaupun sedikit pada sekali, untuk satu tempoh masa yang panjang boleh membawa severe atau acute poisoning dan chronic poisoning. Akibat-akibat seperti kehilangan rambut dan kuku dan penyakit kulit adalah dikesan dari kegunaan arsenic secara tidak terkawal. Mercury pula mungkin mengakibatkan pelbagai nervous system disorders dan penyakit kulit, hati dan kidney.

Adalah juga dikesankan bahawa ubat-ubat herbal seperti, dengan izin:

- Wang Hing Tza Koo Choy
- Qiangli Kuben-Su Capsule, dan
- Chiufong Toukuwan

mengandungi racun-racun yang terkenal di bawah Ordinan Racun. Akibat kegunaan ubat-ubat yang mengandungi racun-racun ini adalah amat serius dan kegunaannya mestilah di bawah penyeliaan perubatan yang sah.

Dalam keadaan seperti ini adalah difikirkan bahawa kawalan yang lebih rapi di atas ubat-ubatan tradisi ialah mustahak demi kepentingan orang ramai.

Mengenai soalan beliau tentang acupuncture, sukalah saya menyatakan bahawa kajian dan penyelidikan telah dijalankan ke atas kesan acupuncture dalam merawat penyakit-penyakit tertentu. Hasil penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa

perkara ini memerlukan kajian dan penelitian lanjut sebelum satu-satu keputusan dapat diperolehi. Dalam perkara ini, Kementerian sedang menyediakan satu laporan mengenai penggunaan dan kekesan rawatan acupuncture dalam bidang perubatan dan sementara itu Kementerian amatlah berhati-hati sebelum memperkenalkan cara rawatan ini secara am.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah juga membangkitkan perkara "Arak Cina", malangnya, Tuan Pengerusi, perkara ini tidaklah dalam kawalan Kementerian saya dan saya tidak dapat melesen atau melepaskan cukai di atas arak seperti ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Julau dan juga Tumpat telah membangkitkan perkara kekurangan ubat, sukacitalah saya mengatakan di sini bahawa di hospital-hospital Kerajaan kita terdapat satu sistem yang tertentu dan jelas di mana hospital-hospital membuat permohonan kepada Medical Store di negeri masing-masing untuk mendapat ubat-ubatan mereka dan biasanya permintaan mereka adalah dibekalkan dengan sepenuhnya dan jika terdapat kekurangan bekalan indent untuk mendapatkan bekalan tambahan atau bekalan kekurangan itu bolehlah dikemukakan lagi dan biasanya permohonan itu ditunaikan. Di mana-mana tempat di kawasan bandar terdapat kekurangan dari semasa ke semasa hospital-hospital juga telah dibenarkan untuk membeli ubat-ubatan yang tertentu daripada pasaran tempatan dan ada kalanya di mana permintaan untuk satu dua jenis ubat-ubatan adalah meningkat dengan tidak ada amaran dan pada masa itu mungkin terdapat kekurangan yang tidak dapat diatasi di tempat itu juga. Tetapi sukacita saya memaklumkan Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian sedang memajukan lagi sistem bekalan ubat ke hospital-hospital kita dan kita sedang mewujudkan beberapa store perubatan kawasan atau regional store dan satu regional store seperti ini mungkin juga akan diadakan di kucing dan kita harap dengan adanya stor-stor kawasan seperti ini kita akan dapat memajukan lagi keadaan dalam perbekalan perubatan. Sebenarnya, stor kawasan di Kuching telah pun hampir siap dan kita harap akan dapat digunakan

tidak lama lagi. Kita juga sedang memberi perhatian untuk computerise, inventory control stor perubatan kita dan kita harap tindakan seperti ini akan dapat mengatasi beberapa masalah dan aspek yang pada masa ini mungkin membawa komplek-komplek seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Berhormat.

Tetapi saya suka juga menyatakan di sini pada biasanya untuk satu-satu penyakit terdapat beberapa ubat-ubatan yang lain dan alternative ini mungkin juga dapat digunakan oleh doktor-doktor. Tetapi apa yang membawa kerumitan ialah apabila doktor-doktor tertentu berpegang kuat kepada satu jenis ubat-ubatan sahaja dan pada masa itu terdapat kekurangan ubat-ubatan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan masalah mengenai C.A.T. Scan di Hospital Besar, Kuala Lumpur atau Computerised Axle-Tomography. Perkara ini adalah satu alat diagnosis untuk mengawasi perkembangan Radiotherapy dan alat ini sedang digunakan di Hospital Besar secara bergilir-gilir oleh Jabatan Radiology dan juga Jabatan Radiotherapy dan terdapat pada masanya di Jabatan Radiotherapy masa menunggu (waiting list) beberapa bulan. Kita sedang mengkaji keadaan di Hospital Besar ini dan juga permintaan daripada hospital-hospital yang lain untuk membekalkan lebih tambahan jentera C.A.T. Scan ini untuk melicinkan beban-kerja dan untuk mengurangkan masa menunggu untuk mendapat diagnosis daripada C.A.T. Scan seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan beberapa perkara mengenai bahan-bahan kimia dalam ubat-ubatan yang dikatakan merbahaya dan sukacitalah saya mengatakan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau telah kita siasat dan mengenai mee segera (instant mee) itu Kementerian telah menjalankan pemeriksaan terhadap mee segera yang dijual kepada orang ramai. Sebanyak 355 contoh mee dan mee segera telah diambil untuk dianalisa pada tahun ini dan laporan analisa yang diterima daripada

Jabatan Kimia menunjukkan tidak ada apa-apa penyalahan undang-undang terhadap contoh yang diambil itu.

Mengenai bahan pewarna dalam belacan, sukalah saya mengatakan bahawa kami sedar bahawa ada pembuat-pembuat belacan yang menggunakan bahan pewarna yang tidak dibenarkan di dalam makanan untuk mewarnakan belacan yang diproses itu. Kementerian saya adalah sentiasa mengawasi perkara ini dan telah mengambil tindakan seperti berikut:

Pada tahun 1980 sebanyak 385 contoh belacan telah diambil dan daripada jumlah itu 28 contoh adalah dikesan sebagai melanggar undang-undang mengenai perkara pewarna dan 23 kes telah dibawa ke mahkamah dan mereka yang dibawa itu telah didenda sebanyak \$2,480. Tindakan seperti itu diteruskan juga pada tahun ini dan sebanyak 158 contoh belacantelah pun diambil untuk siasatan dan kita dapati 19 contoh daripadanya adalah melanggar undang-undang dan 9 kes telah didakwa di mahkamah dan jumlah sebanyak \$1,850 telah pun dikenakan sebagai denda ke atas mereka yang didapati bersalah.

Mengenai daging yang diimport dari Australia, perkara ini adalah melibatkan beberapa kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, saya dapat menjelaskan di sini bahawa pemeriksaan telahpun diarah dijalankan di pelabuhan-pelabuhan dan di tempat-tempat jualan untuk memastikan daging-daging lembu yang diimport tidak tercemar oleh kuman dan tidak ditukar (Substitute) dengan daging-daging yang lain. Pemeriksaan termasuk pengambilan contoh-contoh daging telah dan akan terus dijalankan dan jika ada kecemaran atau penyelewengan, tindakan akan diambil.

Mengenai kilang-kilang kicap dan pemeriksaan ke atasnya, Kementerian saya memang menjalankan pemeriksaan terhadap kilang-kilang seperti ini dan saya dapat memberi jaminan bahawa siapa yang didapati salah akan dibawa ke mahkamah dan tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk mengawal keadaan dalam kilang-kilang seperti ini.

Beliau juga telah membangkitkan perkara ubat 'clioquinol' yang disebut sebagai satu ubat yang merbahaya. Sukacitalah saya mengatakan bahawa pekara kegunaan dan bahaya kegunaan 'clioquinol' telah pun disiasat di Kementerian dan oleh Lembaga Racun di bawah Ordinan Racun dan perkara ini telah didapati tidak payah dilarangkan kegunaannya melainkan mengawal cara menjual dan cara kegunaannya dan kerana itu ubat ini telah dimasukkan dalam Group 'C' di bawah Poisons Ordinance dan dengan itu ubat ini dapat dijual di atas prescription doktor sahaja ataupun dijual oleh seorang ahli farmasi yang terlatih dengan catatan di rekod klinik atau dispensari mengenai butir-butir penjualan itu dan siapa yang membeli dan lain-lain.

Perkara ini telah juga dikaji semula oleh Lembaga Racun (Poisons Board) dan Lembaga tersebut mendapati bahawa langkah-langkah yang diambil pada masa ini untuk mengawal penjualan dan kegunaan 'clioquinol' itu adalah cukup dan wajar. Tetapi memang Kementerian telah menasihatkan orang ramai bahawa kegunaan 'clioquinol' ini mestilah secara terkawal dan mereka yang menjualnya telah pun dinasihatkan untuk berjaga-jaga tentang keadaan penjualan dan kegunaannya. "clioquinol" ini sepanjang yang saya difahamkan adalah masih terdapat di pasaran di lain-lain negara juga tetapi seperti di negara kita penjualan dan penggunaannya adalah terkawal dan dihadkan kepada penjualan di atas prescription doktor. Kami memang masih monitor keadaan ini dan kita sedia mengambil tindakan-tindakan yang lanjut jika diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan perkara Lembaga Pelawat Hospital. Memang perlantikan kepada Lembaga Pelawat Hospital ini adalah daripada orang-orang yang sedia memberi sumbangan tenaga sukarela mereka dan difikirkan dapat memberi masa yang lapang, tenaga dan teguran-teguran dan nasihat-nasihat yang membina kepada kebaikan sesebuah hospital demi kepentingan orang kawasan. Perlantikan itu adalah dikaji dari semasa ke semasa dan kita memanglah

mengambil tindakan yang sesuai untuk menjamin kekesanan yang penuh Lembaga-lembaga Pelawat ini. Saya mengambil perhatian tentang beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai perkara ini.

Perkara post-mortem telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dan Ahli Yang Berhormat dari Julau. Perkara ini adalah satu yang di bawah jagaan Kementerian dan kita memang sedar tentang beberapa kekurangan dalam perkara post-mortem ini dan doktor-doktor di semua negeri telah pun dinasihatkan untuk menggunakan budibicara mereka dalam menjalankan pemeriksaan post-mortem dalam waktu pejabat di mana mungkin mereka hendaklah juga menjalankan pemeriksaan post-mortem ini dengan seberapa segera yang boleh, baik pada siang hari ataupun pada malam, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan jenazah-jenazah orang Islam. Walau bagaimanapun barangkali terdapat sedikit kelewatan dalam kes-kes medico-legal yang rumit yang memerlukan perkhidmatan seorang pakar kaji penyakit. Oleh sebab pakar tersebut tidak terdapat di hospital yang berkenaan dan hendaklah mengambil masa untuk melepaskan diri dari setesennya kepada hospital yang berkenaan. Dukacita dimaklumkan bahawa Wakil-wakil Rakyat tidak dapat diberi izin untuk mengecualikan post-mortem ini kerana post-mortem ini adalah satu kehendak di bawah undang-undang dan hanya dapat dikecualikan oleh pihak-pihak berkuasa di bawah undang-undang tersebut.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan perkara ini kepada pengundi-pengundi dan penyokong-penyokong mereka yang berjumpa mereka mengenai kerumitan dalam post-mortem dan jika perlu Ahli-ahli yang Berhormat bolehlah berhubung dengan Pegawai Perubatan di hospital-hospital tempatan untuk mendapatkan kerjasama mempercepatkan post-mortem yang perlu di bawah undang-undang.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Julau

telah membangkitkan perkara pengangkutan mayat dari hospital-hospital. Saya sendiri sedar bahawa keluarga-keluarga pada masa ini menghadapi beberapa kerumitan dalam perkara ini dan seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau bahawa kadangkala di hospital sendiri menghantarkan seorang pesakit kepada hospital yang lain dan adalah rumit bagi keluarga-keluarga jika pesakit itu meninggal dunia dan mayat itu terpaksa dibawa balik oleh keluarga itu sendiri dalam keadaan yang rumit.

Perkara ini adalah dikaji semula oleh Kementerian dan saya harap badan-badan sukarela yang pada masa ini memberi perkhidmatan pengangkutan mayat dan lain-lain dapat menyelaraskan tentang perkhidmatan ini dan saya sendiri telah menasihatkan pihak-pihak berkuasa di hospital-hospital untuk mengadakan penyelarasan di antara badan-badan ini dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang memberi perkhidmatan pengangkutan mayat untuk menentukan keluarga-keluarga itu—

- (1) mendapat kemudahan pengangkutan mayat;
- (2) mereka tidak dieksploitasi dalam masa-masa sedih mereka oleh commercial perkhidmatan mayat ini yang biasanya mengenakan kos yang begitu banyak.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah juga membangkitkan perkara kekurangan atau jawatan yang dikurangkan untuk aktiviti pelajaran kesihatan. Sukacitalah saya memberi tahu kepada beliau bahawa kekurangan ini bukanlah kekurangan sebenarnya. Jawatan-jawatan itu telah dipindahkan kepada satu tajuk yang lain iaitu Aktiviti Pentadbiran Kesihatan dan aktiviti itu mempunyai 28 jawatan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh mengenai satu kes kematian di General Hospital Kuala Lumpur pada 7hb September 1981 dan Kementerian saya telah memberi penjelasan mengenai kes ini kepada semua suratkhbar dan laporan itu telahpun dikeluarkan di semua suratkhbar dan sepanjang yang kita dapat kesan rawatan dan

mutu rawatan dan perhatian yang diberi kepada pemuda yang meninggal itu terdapat cukup semuanya dan kita tidak dapat mengesan apa juga negligent, penyelewengan oleh pegawai-pegawai perubatan yang menjaga kes tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Panting telah membangkitkan beberapa perkara klinik lambat dibina, kelas ward yang tidak sempurna, bilik dan katil yang lama dan lain-lain. Sukacita saya memberi tahu kepada beliau bahawa walaupun kita berhasrat untuk mempercepatkan pembinaan klinik-klinik, beberapa sebab menjejaskan usaha kita dan termasuk dalam sebab-sebab itu kekurangan keupayaan teknik di Kementerian dan di JKR untuk merancang dan kedua kelemahan dari kalangan kontraktor-kontraktor yang diberi kontrak menjalankan projek seperti itu. Pihak Kementerian saya sedang mengkaji beberapa aspek perkara ini dan sedang memberi perhatian kepada cara-cara menghadapi pembinaan kemudahan-kemudahan ini cara-cara yang lain yang mungkin dapat memberi hasil dan kesan yang lebih dan kita juga sedang menstandardkan beberapa kemudahan di hospital-hospital, klinik-klinik, standardkan juga pelan untuk klinik-klinik desa, klinik-klinik pusat kesihatan dan hospital daerah dan lain-lain dan kita harap cara standardisation itu kita dapat menyegerakan sedikit pembinaan projek-projek yang ditunggu-tunggu oleh Wakil Rakyat dan juga penduduk-penduduk.

Mengenai hospital Daerah di Kota Tinggi sukacitalah saya memberi tahu bahawa kontraktor yang baru telah ditempatkan, telah diberi kerja untuk meneruskan projek renovation atau membaiki ward kelas dua di hospital Daerah Kota Tinggi dan kita masih lagi menunggu beliau memulakan kerja renovation atau pembaikan sedang juga dijalankan kepada ward nursery, ward kanak-kanak dan juga kita sedang merancangkan beberapa kebaikan dan kemajuan kepada hospital daerah itu. Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa pembahagian ward-ward itu mengikut kelas pada masa ini tidak begitu jelas dan kadang kala terdapat pembahagian kelas-kelas itu yang tidak nampak perbezaan dari segi apa pun. Tetapi

perbezaan kelas-kelas dalam hospital-hospital ini adalah berasaskan di atas bukan mutu rawatan ataupun lain-lain tetapi di atas mutu makanan sahaja. Jika kelas satu dapat makan "steak" kelas dua dan lain-lain mungkin tidak dapat makan steak atau dapat pilihan dalam menu makanan sahaja.

Saya dapat memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mutu rawatan di semua kelas adalah satu yang seragam dan kita cuba seberapa yang boleh untuk menentukan bahawa semua pesakit di hospital-hospital dapat rawatan yang baik dan rawatan yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Panting telah juga membangkitkan perkara doktor on-call yang tidak dapat mengambil house call. Kadangkala ada seorang sahaja doktor on-call di Jabatan Kecemasan dan jika beliau terpaksa pergi luar pula nanti Jabatan Kecemasan tidak mempunyai doktor dan ini mungkin membawa kerumitan dalam satu-satu masa. Jika terdapat kes-kes selepas 4.15 petang beliau terpaksa. . . .

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Penjelasan. Perkaranya yang saya timbulkan doktor yang sedang dalam on-call. Kalau ada pesakit luar yang memerlukan rawatan, bolehkah atau tidak dia keluar daripada hospital untuk memberi rawatan. Itu yang saya timbulkan.

Dato' K. Patmanaban: Boleh, Tuan Pengerusi, jika terdapat doktor ganti yang lain di bilik kecemasan; di bahagian petang selepas 4.15 biasanya beliau terpaksa mengambil semua call daripada casualty dan mungkin terdapat keadaan di mana rumit untuk doktor itu keluar daripada hospital dalam keadaan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan kes mengenai penyakit jantung dan perkara ini telahpun disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru dan seperti saya katakan tadi, Cardiothoracic Unit dicadangkan di Hospital Besar Kuala Lumpur dan doktor-doktor pakar-pakar pembedahan dan lain-lain sedang diberi latihan di Australia pada masa

ini dan mereka akan balik dalam sebulan lagi untuk memulakan kerja mereka di Hospital Besar, Kuala Lumpur dan kita harap dapat menambahkan kepakaran di Cardiothoracic Unit ini untuk meringankan beban orang ramai yang ada pada masa ini terpaksa mengutip derma, meminjam dan lain-lain untuk menghantar anak-anak mereka atau saudara mara mereka ke luar negeri untuk mendapatkan rawatan.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru untuk mengadakan satu peruntukan yang khas bagi membantu rawatan-rawatan khas di luar negeri, memang perkara ini telahpun dikaji oleh Kementerian beberapa kali. Adalah dirasai bahawa tidaklah wajar pada masa ini untuk mengadakan peruntukan seperti itu dan apa yang kita harus buat adalah untuk memperbaiki lagi mutu dan kemudahan-kemudahan rawatan di hospital-hospital kita sendiri. Tetapi kita memang menggalakan badan-badan sukarela untuk mengadakan tabung derma dan lain-lain untuk membantu kes-kes tertentu yang masih berkehendakkan rawatan di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah juga membangkitkan perkara wad yang asing untuk kes-kes orthopaedic. Sukacita saya memberitahu bahawa wad-wad di Hospital Daerah Taiping sedang ditambah lagi dan jika dapat kes yang cukup memang kes-kes orthopaedic dan sebagainya dapat diasingkan daripada kes-kes pembedahan yang lain.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, saya mengambil perhatian tentang apa yang dibangkitkan oleh beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru telah membangkitkan satu perkara yang saya sendiri sedar iaitu perkara kelambatan pembinaan Hospital Daerah Kulim, sudah 12 tahun dikatakan oleh beliau. Sukacita saya memberitahu bahawa progress dalam merancang hospital baru untuk Daerah Kulim adalah suatu yang memuaskan dan kita harap design dan lain-lain persediaan untuk membina hospital ini dapat diselesaikan pada pertengahan tahun depan dan pada masa ini kita sedang menguruskan

pengambilan tanah yang lebih untuk membina quarters dan lain-lain di hospital tersebut. Adalah dikesal bahawa rancangan hospital ini sudahpun lama dan kerumitan yang dihadapi dalam pembinaan atau melaksanakan rancangan ini saya harap dapat difahami dan diterima oleh Ahli Yang Berhormat dan penduduk-penduduk kawasan Kulim, Memang Kementerian mempunyai Bahagian Teknikal yang khas di Bahagian Pembangunan dengan pegawai-pegawai yang dilatih dan ada juga pegawai-pegawai Akitek daripada Jabatan Kerjaraya yang ditugaskan untuk bekerjasama dengan Bahagian Teknik di Kementerian kita. Tetapi kita masih mendapat work-load yang begitu tinggi kepada bahagian ini yang membawa kelambatan dan lain-lain dan kita masih juga kekurangan kepakaran teknik dalam bidang merancang design hospital dan kemudahan-kemudahan yang lain. Seperti saya katakan tadi pada masa ini kita sedang cuba beberapa cara bagi menghadapi masalah ini dan kita harap akan dapat menyelesaikan seberapa yang boleh kelambatan yang berlaku dalam projek-projek.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang penting di atas aktiviti Kementerian Kesihatan dan aspek-aspek yang saya tidak dapat sebutkan dalam jawapan saya tadi memang saya akan ambil perhatian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,050,676,700 untuk Maksud B. 38 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,050,676,700 untuk Maksud B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud P. 38 di bawah Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$133,495,430 untuk Maksud P. 38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

Maksud B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 44 dan B. 45 (jadual).

Maksud P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 (Anggaran Pembangunan, 1982).

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44 dan B. 45 serta Maksud Pembangunan P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.19 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh B. 39, mukasurat 407, Aktiviti (4), Butiran 1100, di bawah tajuk Penapisan Filem dan Penerbitan.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tentang satu masalah dan aduan yang saya terima dari Pontian, semalam di mana saya berada di Pontian iaitu tentang buku "*The Malay Dilemma*" yang dikarang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkenaan.

Memang saya mengalu-alukan bahawa buku ini telah dibebaskan untuk pembacaan dan pengetahuan orang ramai khasnya rakyat Malaysia dan dunia amnya tentang apakah falsafah dan fikiran yang ada terkandung dalam buku "*The Malay Dilemma*" sebuah buku yang dikarang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudah diharamkan lebih 10 tahun ini.

Tuan Pengerusi, satu kekeliruan yang berlaku ialah bila buku ini dibebaskan untuk bacaan dan pengetahuan orang ramai ini, adakah translation dalam bahasa China ini

masih diharamkan? Ini adalah merupakan satu tanda tanya, kerana di Pontian di mana selama saya berada di Pontian, Johor, saya ada menerima satu aduan dari sebuah kedai buku yang ada menjual buku "*The Malay Dilemma*" dalam bahasa China tetapi telah dirampas. Buku ini telah ditahan oleh Pihak polis dan tuan punya kedai itupun ditahan selama satu hari.

Saya ada hubungi untuk mendapat satu penjelasan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah buku ini dalam versi bahasa China boleh diizinkan untuk diedarkan dan dijual di pasaran dan bolehkah diizinkan untuk dibaca oleh masyarakat Malaysia kita. Saya harap perkara ini bolehlah dijelaskan. Ini timbul salah faham. Saya harap buku-buku yang telah ditahan ini bolehlah dikembalikan kepada kedai buku yang berkenaan dan saya harap satu open apology dari pihak polis bolehlah dihantar kepada kedai yang berkenaan. Kerana reaksinya, implikasinya tindakan daripada pihak polis di Pontian ini mungkin akan membawa berbagai interpretation atas tindakannya. Saya tidak mempersoalkan buku itu. Saya hanya mempersoalkan tindakan pihak polis ini adakah disedari oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya harap perkara ini bolehlah diclarifykan supaya ianya tidak menjadikan satu masalah yang lebih complicated kerana jika sekiranya buku "*The Malay Delimma*" dalam bahasa Inggeris telah diizinkan untuk dibaca oleh rakyat Malaysia dan dunia, maka tidak ada sebab terjemahan dalam bahasa China hendak ditahan sehingga tuan punya kedai pun ditahan satu hari. Ini sangat memeranjatkan bila semalam saya berada di Pontian, Johor saya ada menerima aduan yang sangat suprising, Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua, saya akan sentuh ialah B. 40, mukasurat 411, Butiran 1100, Aktiviti (3) iaitu Polis Di Raja Malaysia dari segi Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah.

Tuan Pengerusi, memang kita menyokong dan sedar bahawa pihak pegawai polis adalah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang dan perintah dan memperlindungi ketenteraman awam di

negara kita, Saya harap imej pihak polis kita bolehlah dipelihara dan juga dipertingkatkan melalui satu tindakan yang lebih berkesan untuk memperketatkan disiplin dalam kalangan polis kita.

Kita tidak boleh menafikan ada segelintir pegawai polis termasuk Inspektor Polis, mungkin mereka terlalu serius untuk menjalankan tugasnya atau mempersoalkan sesuatu sehingga abuse of power sudah berlaku iaitu beberapa aduan yang ada terlibat kes-kes pegawai polis melukai atau memukul orang-orang yang disyak wasangka atau orang-orang yang ditahan atau orang-orang yang sedang diperiksa soal-tanya. Saya harap perkara ini boleh diperhatikan supaya orang ramai bolehlah memberi kerjasama yang sepenuhnya dan rapat dengan Pasukan Polis kita dan juga supaya imej polis ini bolehlah dipertingkatkan melalui satu kempen untuk memperketatkan lagi disiplin dalam Pasukan Polis.

Saya tidak mahu melihat lagi atau menerima aduan-aduan yang pernah saya terima selama ini yang berkait dengan inspektor atau pegawai polis bila seseorang itu disyak wasangka maka abuse of power telah berlaku sehingga orang itu dihentam, dipukul dan dilukai.

Perkara ini tidak seharusnya berlaku dalam Malaysia, apatah lagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini akan dicegah dan satu tindakan katanya telah diambil untuk memastikan kepentingan orang ramai bolehlah dipelihara untuk mendisiplinkan pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya harap perkara ini juga boleh diambil berat kerana baharu-baharu ini dalam masa satu bulan ini juga ada berlaku, umpamanya di Seremban, seorang wartawan (reporter) bila menjalankan tugasnya ia juga dipukul, sehingga satu laporan telah dibuat. Saya tidak tahu adakah pihak polis telah mengambil tindakan untuk menyalut kes ini. Saya harap hubungan di antara reporter dan pihak polis boleh dirapatkan. Jangan selalu dilaporkan dalam suratkhbar tentang reporter dianayai atau reporter tidak dibenar menjalankan tugas mereka sebagai mass media di antara

orang ramai dan Kerajaan untuk melaporkan satu berita yang mustahak dari pandangan pemberita atau pandangan dari mass media.

Saya harap satu peraturan atau satu suasana yang lebih muhibbah boleh diwujudkan di antara orang ramai khasnya pemberita (reporter) dengan pihak polis supaya kalau tidak, bagaimana orang ramai boleh membaca apa yang sudah berlaku dalam suratkhbar jika tanpa kerjasama daripada wartawan, kerana wartawan adalah memainkan satu peranan yang mustahak sangat dalam bidang pembangunan negara maka saya harap hak asasi pemberita bolehlah dijunjung tinggi supaya membolehkan mereka menjalankan tugas mereka dengan lebih licin. Jika sesuatu tidak seharusnya dilaporkan atau diberitakan maka mereka seharusnya diberikan nasihat dengan bersopan santun, jangan sehingga adanya kekerasan yang dilakukan, yang menimbulkan berbagai masalah kadang-kadang headline yang berlaku.

Umpamanya, di Seremban sehingga satu protest telah dikirim kepada pihak yang berkenaan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh memberi satu jaminan bahawa perkara ini tidak seharusnya berlaku dan juga melicinkan perhubungan dan kerjasama di antara rakyat dengan pihak polis dan di antara wartawan dan mass media dengan pihak polis. Perkara ini adalah sangat mustahak untuk menjaga imej Kerajaan kita.

Perkara yang ketiga yang akan saya sentuh ialah B. 41, mukasurat 419, di bawah 1100. Aktiviti (2), (3), (4) iaitu Kawalan Imigresen, Visa dan Pas Lawatan dan Kewarganegaraan Malaysia.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai satu keputusan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang warganegara yang beristerikan orang asing di mana syarat-syarat sudah dilonggarkan, peraturan-peraturan baharu pun telah diadakan. Saya adalah mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

yang sudah bertindak secara berjiwa rakyat untuk respond actively kepada aspirasi foreign wife yang selama ini sudah menghadapi berbagai masalah. Saya harap dengan kelonggaran syarat ini bolehlah keluarga mereka hidup secara sentosa tanpa apa-apa gangguan lagi.

Saya tidak menggalakan bahawa warganegara Malaysia haruslah memperisterikan orang asing kerana perasaan cinta dan sayang ini tidak boleh disangka. Tentu kerajaan mengambil tindakan berhenti ini untuk mahu memastikan bahawa tidak adanya sindiket yang menggunakan ini untuk mendapat sijil kerakyatan tetapi dari segi perikemanusiaan saya adalah bagi pihak mereka untuk merayu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jika boleh bahawa selepas mereka mengalami tempoh yang tertentu maka teruslah mereka diberikan taraf kewarganegaraan secara automatiknya supaya imej Malaysia juga boleh dipertingkatkan lagi. Jika sekiranya Kerajaan boleh mengubahsuaikan dasar buruh asing (foreign labour policy) dan boleh menjemput warganegara asing untuk datang ke Malaysia bekerja maka apakah sebabnya warganegara kita yang beristeri asing ini tidak boleh dianugerahkan taraf yang sama untuk bekerja dan berkhidmat dan berbakti kepada negara kita. Saya merasa sukacita kerana adanya perubahan dan kelonggaran syarat-syarat baru-baru ini diumumkan.

Saya juga sekali lagi merayu supaya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh mempertimbangkan sekali lagi tentang lebih kurang 200,000 rakyat Malaysia yang masih belum memperolehi kerakyatan selepas 10 tahun. 8 tahun untuk memohon kerana adanya masalah technicality dari segi sijil beranak, umpamanya mereka tidak ada sijil beranak atau sijil beranak tidak ada nama mereka sendiri kerana kesilapan-kesilapan baik dari ibubapa ataupun pihak-pihak yang berkuasa pada masa dahulu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya harap kes-kes ini bolehlah dipertimbangkan dari segi perikemanusiaan supaya mereka boleh diberikan satu peluang

untuk hidup baru, supaya mereka boleh diberikan satu peluang untuk hidup baru, supaya mereka boleh diberikan satu peluang baru untuk mengorban dan berbakti kepada negara Malaysia yang mereka cintai selama ini. Saya tidak berniat untuk mempersoalkan hak dan keistimewaan dalam Perlembagaan tetapi apa yang saya cuba menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah selepas bertahun-tahun mereka memohon dan ditolak, akhirnya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya fikir sudah cukuplah untuk mereka disiksa dan diuji ketaatsetiaan mereka dan kesabaran mereka dan kejujuran mereka hendak menjadi warganegara Malaysia. Saya harap Kerajaan boleh memberikan satu pertimbangan yang sewajarnya untuk membolehkan lebih kurang 200,000 hingga 300,000 rakyat Malaysia yang selama ini masih menjadi stateless kerana kesilapan technicality. Ini perkara yang sangat mustahak. Saya adalah berharap bahawa perkara ini boleh dipertimbangkan semula lagi.

Satu point lagi yang disentuh dari segi kawalan Imigresen di bawah Aktiviti (2). Jika sekiranya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang pertama suka saya merujuk kepada mukasurat 411, Kepala B, 40, Aktiviti (2) di bawah Polis Di Raja Malaysia, iaitu berkenaan dengan Siasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, di atas perkara siasatan jenayah di Jabatan Polis, saya suka melahirkan perhatian berat saya ke atas kadar pertumbuhan jenayah di seluruh negara, khususnya di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Memandangkan kepada perkara di atas adalah amat perlu bagi Jabatan Polis ataupun Kementerian berkenaan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk membenters jenayah

yang kian bertambah itu. Dalam hubungan itu saya berasa sukacita bahawa bilangan anggota Polis akan ditambah dengan pengambilan baru seramai 11,000 orang lelaki dan perempuan untuk dilatih bagi mencapai matlamat 120,000 orang anggota Polis sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengumumkan beberapa langkah pencegahan jenayah yang berkesan, di antaranya dengan menambah rondaan Polis, baik kereta atau motosikal Polis malah berjalan kaki, akan tetapi saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan satu syor untuk ditimbang oleh pihak Polis, iaitu supaya pasukan Polis hendaklah juga menugaskan lebih ramai anggota-anggota Polis di Pondok-pondok Polis di kawasan-kawasan yang banyak berlaku jenayah bagi memudahkan orang ramai membuat laporan kepada Polis tentang kejadian jenayah, khususnya di kawasan estet perumahan yang baru yang belum ada perkhidmatan telefon.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Aktiviti (3) Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah, (a) Lalulintas.

Atas perkara menguatkuasakan undang-undang berkenaan dengan lalulintas, saya suka mengesyorkan bahawa untuk Bandaraya Kuala Lumpur ini pihak Polis harus menambah anggota Polis Terafik mengawal terafik di Bandaraya Kuala Lumpur pada masa kesesakan lalulintas memandangkan kepada masalah kesesakan lalulintas adalah satu perkara yang serius dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Suka saya menyentuh kepada mukasurat 417 di bawah Kepala Pembangunan P. 40, Projek (1) Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman.

Atas perkara rumah-rumah kediaman, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan masalah kediaman yang sentiasa dihadapi oleh anggota-anggota Polis dan saya sebagai Wakil Rakyat sentiasa dihubungi berkenaan dengan kesusahan yang dialami oleh

anggota-anggota Polis untuk mendapatkan rumah bagi tujuan kediaman. Saya berharap bahawa apabila ada rancangan untuk membina balai-balai Polis yang baru saya harap bahawa pada masa yang sama lebih banyak quarters atau rumah-rumah kediaman dibina untuk mengatasi masalah kediaman bagi anggota-anggota Polis. Sedangkan langkah yang ada diambil untuk perumahan anggota Polis di negara kita, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan tentang betapa mustahak supaya tindakan juga diambil untuk memastikan disiplin dalam Pasukan Polis kita supaya dalam menjalankan tugas mereka, mereka tidak akan menyalahgunakan kuasa.

Sekarang, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh kepada Kepala B. 41, mukasurat 419 berkenaan dengan Jabatan Imigeresen. Suka saya menyentuh berkenaan dengan Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Visa dan Pas Lawatan.

Di bawah perkara Pentadbiran Am—Visa dan Pas Lawatan Jabatan Imigeresen, saya ingin menyentuh tentang cap khas lawatan ke Negeri Republik Rakyat China atas sebab-sebab mendapatkan rawatan perubatan ataupun menziarahi keluarga-keluarga tua yang ada di sana.

Saya suka menyatakan di sini bahawa biasanya permohonan untuk mendapatkan cap khas lawatan itu mengambil masa yang sangat lama, sungguhpun si pemohon-pemohon telah mengemukakan dokumen-dokumen dan bukti untuk diproses oleh Jabatan Imigeresen. Mungkin ini disebabkan oleh siasatan yang dijalankan oleh Cawangan Khas Polis yang mengambil masa yang lama sebelum sesuatu keputusan siasatan dibuat.

Di sini suka saya menyatakan bahawa apa yang mustahak dalam hal ini ialah kes-kes rawatan perubatan ke Negeri Republik Rakyat China. Apabila pesakit-pesakit ini telah mendapat surat-surat pengesahan yang menyatakan bahawa rawatan penyakitnya tidak boleh diperolehi di sini serta pihak hospital di sini tidak mempunyai apa-apa bantahan jika rawatan perubatan diberi di

sana, akan tetapi pihak Jabatan Imijeresen mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan cap khas itu. Kadangkala keadaan pesakit bertambah buruk sehingga ada yang meninggal dunia akan tetapi permohonan beliau dapat diluluskan. Saya suka mengambil peluang ini menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri Supaya mengkaji semula proses mengenai permohonan ini dengan menyegerakan proses kelulusan cap khas lawatan ke China. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak seharusnya memandang kepada sebab-sebab keselamatan apabila menolak atau melewatkan pengeluaran cap-cap khas atas sebab-sebab rawatan perubatan ataupun menziarahi keluarga tua di sana

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menyentuh berkenaan dengan mukasurat 429 di bawah Jabatan Pendaftaran Negera, Maksud B. 43 iaitu berkenaan dengan Aktiviti (3) Kad Pengenalan dan (4) Kewarganegaraan.

Di atas perkara Kad Pengenalan saya memerhatikan bahawa sejak Pejabat Pendaftaran Negara disusun semula selepas di pindah ke bangunan baru, saya memerhatikan bahawa Jabatan itu dapat mengeluarkan Kad Pengenalan dengan cepatnya. Di sini suka saya menyentuh berkenaan dengan statement yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada minggu lalu bahawa terdapat 87,133 Kad Pengenalan yang masih belum dituntut sehingga 31hb Ogos, 1981 di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa perkara ini berlaku akibat dari alamat-alamat yang tidak sampai kerana pemohon-pemohon tidak lagi tinggal di alamat itu. Beliau ada berkata bahawa surat-surat peringatan yang dikeluarkan kepada mereka dari semasa kesemasa dan juga pengumuman melalui RTM dibuat dengan harapan memaklumkan kepada mereka supaya mengambil Kad-kad Pengenalan.

Tuan Pengerusi, saya merasa bahawa ini tidaklah mencukupi. Apa yang perlu dilakukan bagi Jabatan Pendaftaran hendaklah melancarkan satu kempen

publisiti secara besar-besaran menerusi berbagai suratkhbar tempatan dengan tujuan untuk memaklumkan mereka yang berkenaan supaya dapat mengambil kad itu. Ramai di antara mereka tidak mendengar radio atau menonton TV dan oleh kerana itu mereka tidak mengetahui atau menyedari pengumuman itu.

Satu kempen intensif dalam semua suratkhbar berbagai bahasa boleh membantu memberikan publisiti yang cukup kepada orang ramai supaya mereka yang berkenaan diminta pergi ke Jabatan Pendaftaran yang berhampiran untuk mengambil Kad Pengenalan mereka. Satu ruangan khas mengenai Kad Pengenalan yang belum dituntut bolehlah juga disediakan dalam siaran akhbar setiap hari dan mengingatkan mereka yang berkenaan supaya mengambilnya.

Atas Aktiviti (4) Kewarganegaraan, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang proses permohonan Kewarganegaraan yang memakan masa yang panjang di bawah Borang G atau menerusi cara memasukkan. Untuk permohonan Kewarganegaraan di bawah Borang G walaupun ujian bahasa telah lulus tetapi permohonan terpaksa dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri untuk kelulusan. Pertanyaan yang dibuat oleh si pemohon kepada Jabatan Pendaftaran selalu menerima jawapan berupa "Dalam Tindakan Terakhir". Saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mencari jalan untuk menyegerakan proses permohonan Kewarganegaraan di peringkat Kementerian dan apa yang saya sentuh ialah berkenaan dengan permohonan di bawah Borang G. Kelewatan telah mengakibatkan permohonan terpaksa menunggu lebih lima tahun dan kemudian tidak tahu lagi kedudukannya.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya suka saya menyentuh kepada Maksud B. 44 di bawah mukasurat 432—Penjara. Apa yang saya ingin sentuh ialah Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan (2) Kurungan Banduan-banduan.

Mengenai Pentadbiran Am di Jabatan Penjara, saya suka menggesa Yang

Berhormat Timbalan Menteri berkenaan supaya mengkaji dengan seriusnya tentang keperluan layanan-layanan yang berperikemanusiaan kepada banduan-banduan di samping mengkaji bagaimana pentadbiran atau perjalanan penjara dapat disusun semula ataupun apa yang disifatkan sebagai reformasi penjara. Walaupun konsep penjara ialah untuk menghukum seseorang pesalah, tetapi aspek kemanusiaan dalam melayan banduan-banduan hendaklah jangan dilupa. Dalam hubungan ini saya mengalulakukan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini bahawa beliau telah mengarahkan Jabatan Penjara supaya menyemak semula pentadbirannya ke arah mendapatkan satu pendekatan yang lebih berperikemanusiaan terhadap banduan-banduan yang menjalani hukuman di dalam penjara. Saya berharap laporan tentang kajian keadaan akan menolong membuahkan beberapa pemulihan yang berfaedah kepada Jabatan dan juga kepada banduan-banduan.

Di atas perkara Bangunan Penjara, saya ingin menyentuh sedikit tentang penjara di Pudu. Sementara menunggu penjara dipindahkan ke penjara pusat, saya mendapati bahawa pihak berkuasa Penjara di Pudu baru-baru ini telah mengambil langkah-langkah menugaskan banduan-banduan membuat kerja mengindahkan bahagian hadapan Bangunan Penjara Pudu. Saya berharap pihak berkuasa berkenaan akan juga mencari jalan membuat perlindungan atap ataupun zinc supaya pelawat-pelawat yang datang dapat berteduh. Pada masa ini biasanya pelawat akan terpaksa menunggu dalam hujan dan panas sementara menunggu nama mereka dipanggil ke dalam untuk menemui banduan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.50 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan yang diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama saya hendak sentuh ialah B. 39, mukasurat 407 Butiran 1100, Aktiviti (5) Ikatan Relawan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya menyokong rancangan Kerajaan kita untuk membesarkan lagi bilangan anggota Ikatan Relawan Rakyat di negara kita ini memandangkan masalah-masalah jenayah dan sebagainya yang berlaku dalam negara kita ini, tambahan pula berikutan dengan kekurangan anggota pasukan polis negara kita ini. Langkah ini saya fikir adalah satu langkah yang baik sekali, akan tetapi pada hemat saya bilangan anggota Ikatan Relawan Rakyat ini yang besar semata-mata tidaklah menjadi satu perkara yang mutlak di dalam menjamin kekuatan dan keutuhan Pasukan Ikatan Relawan Rakyat ini. Saya nampak ada di setengah kawasan ramai orang mengambil bahagian untuk menjadi anggota Ikatan Relawan Rakyat ini, bukanlah semata-mata untuk mempertahankan kekuatan, keutuhan negara kita, tetapi ada setengah anggota Ikatan Relawan Rakyat ini mengambil kesempatan untuk menjadikan Ikatan Relawan Rakyat ini satu jalan yang mudah boleh memiliki senjata. Jadi sikap sedemikian ini saya berharap benar-benar supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat meneliti supaya kita tidak menghadapi musuh di dalam selimut melalui anggota Ikatan Relawan Rakyat ini.

Pada hemat saya, selain daripada kita memberi latihan di dalam penggunaan senjata kepada pasukan Ikatan Relawan Rakyat ini, saya fikir satu langkah yang penting sekali ialah di dalam memberi fahaman apakah sebenarnya tujuan dan matlamat Angkatan Ikatan Relawan Rakyat ini ditubuhkan di dalam negara kita. Jadi dengan sebab itu kursus-kursus yang diadakan kepada anggota Ikatan Relawan Rakyat ini hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara mengenai kepentingan dan mustahaknya rakyat negara kita diberi fahaman tentang perindustrian demokrasi dan sebagainya, bukanlah semata-mata kursus untuk bagaimana menggunakan senjata dan sebagainya.

Saya fikir Ikatan Relawan Rakyat ini yang penting ialah menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan, bukanlah sebagai satu pasukan untuk digunakan dalam peperangan sebagai angkatan perang yang hendak mempertahankan negara kita, oleh kerana di dalam satu-satu unit Ikatan Relawan Rakyat ini hanya ada tiga-empat laras senjatapi sahaja. Jadi kalau kita bertujuan untuk mereka itu mempertahankan negara dengan menggunakan senjatapi, saya rasa tidak akan sampai ke mana-mana tujuan kita. Yang penting ialah supaya semangat kasihkan negara, cintakan kepada tanahair hendaklah ditanamkan di dalam kursus-kursus yang diadakan pada setiap kali kursus oleh Ikatan Relawan Rakyat ini.

Selain daripada itu, berhubung dengan Ikatan Relawan Rakyat ini, saya suka menyentuh iaitu bagaimana kedudukan anggota Ikatan Relawan Rakyat yang tinggal di dalam kawasan sektor Rukun Tetangga. Adakah mereka ini juga dikehendaki bertugas sebagai Ahli Rukun Tetangga, kerana mereka adalah ahli Ikatan Relawan Rakyat.

Perkara ini berlaku di kawasan saya oleh kerana sektor Rukun Tetangga di kawasan saya meliputi kampung-kampung, kampung baru dan sebagainya. Jadi di dalam masa bertugas pertelingkahan berlaku, ada yang mengatakan ahli Rukun Tetangga tidak boleh membawa senjatapi. Mereka berkata kami sebagai anggota Relawan yang diberi senjatapi dan sebagainya adakah hendak meninggalkan senjatapi di rumah. Apakah gunanya senjatapi itu. Jadi mesti ada penentuan adakah mereka yang menjadi anggota Ikatan Relawan Rakyat itu juga dikehendaki bertugas sebagai Ahli Rukun Tetangga di dalam satu-satu sektor yang tertentu. Jadi penjelasan diharap dapat diberikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya berharap juga walaupun anggota Ikatan Relawan Rakyat itu satu pasukan pertahanan tambahan yang tidak dibekalkan dengan uniform dan sebagainya, tetapi tidakkah boleh Kementerian mencari satu jalan supaya Ikatan Relawan Rakyat ini diberi uniform

juga kerana di dalam kursus-kursus atau perbarisan-perbarisan yang diadakan yang anggota Ikatan Relawan itu mengambil bahagian bermacam-macam warna pakaian, dan yang hijau, kuning, baju batik dan sebagainya. Jadi kalau sekiranya Kerajaan kita tidak dapat mengadakan pakaian seragam kepada seluruh anggota Ikatan Relawan Rakyat kita, tidakkah boleh umpamanya diberi subsidi menyediakan pakaian, sebagaimana pakaian anggota pasukan di dalam satu-satu perayaan yang dikehendaki supaya mereka mengambil bahagian, jadi tidaklah kita melihat anggota Ikatan Relawan Rakyat di kampung-kampung bukan saya sebut yang ada di bandar-bandar tetapi di kampung-kampung yang ada uniform, yang tidak ada pakaian langsung mereka tidak ada semangat.

Tuan Pengerusi, saya fikir anggota Ikatan Relawan Rakyat ini patutlah juga diberi kuasa boleh memusnahkan musuh tanaman di kampung-kampung kerana peluru yang digunakan oleh anggota Ikatan Relawan Rakyat ini yang berpuhul biji itu untuk satu unit jika tidak dipakai, terutama sekali dalam musim hujan biasanya peluru itu bengkak-bengkak tidak boleh digunakan lagi. Jadi saya fikir daripada membazir, apa salahnya Ikatan Relawan Rakyat itu menggunakan senjatapi mereka untuk memusnahkan musuh tanaman seperti babi hutan, kera, monyet dan sebagainya. Jadi setakat ini pihak berkuasa Ikatan Relawan Rakyat tidak membenarkan senjatapi mereka digunakan tetapi sampai masanya peluru itu terpaksa ditukar dengan yang lain. Jadi daripada membazir sahaja, lebih baik diberi kuasa supaya mereka boleh menggunakan senjata mereka untuk memusnahkan tanaman sebagai musuh negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sentuh dalam muka surat 411, B. 40 Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Rancangan di bawah Polis Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia yang telah bertungkus-lumus berkhidmat untuk menjaga keamanan negara kita walaupun

kita ketahui bilangan anggota Polis kita ibarat selimut pendek, tutup kepala nampak kaki, tutup, kaki nampak kepala. Mengikut penjelasan yang diberi kepada saya iaitu bilangan anggota Polis kita memang tidak mencukupi. Sebagai contoh, di dalam kawasan saya ada beberapa buah Balai Polis ada di antara balai Polis itu anggotanya hanya berkeupayaan untuk memadam dan menyalakan lampu, membuka dan menutup pagar balai polis sahaja.

Sebagai contoh, Balai Polis yang penting berhampiran dengan Bukit Berapit, Balai Polis Padang Rengas hanya ada 10-23 orang semenjak beberapa tahun dahulu lagi tidak dapat tambahan. Jadi dengan 10 anggota dibuat giliran 8 jam, tidak boleh buat apa-apa, tidak boleh buat rondaan dan sebagainya. Jadi itulah penjelasan yang diberikan kepada saya. Begitulah juga balai-balai polis yang lain seperti Kati, Sauk dan sebagainya, tetapi yang paling hebat sekali ialah Balai Polis yang penting sekali di daerah Ulu Perak iaitu Balai Polis Diraja Lenggong, anggotanya akhir-akhir ini—Alhamdulillah—telah ditambah sedikit sebanyak tetapi tidak mencukupi. Balai Polis ini sepatutnya ada Penolong Penguasa Polis, 3 Inspektor, 1 Sarjan Mejar, 3 Sarjan dan beberapa puluh anggota polis, tetapi pada hari ini hanya ada satu Inspektor Polis sahaja. Mengikut penjelasannya, Tuan Pengerusi, di seluruh Ulu Perak ada tiga daerah kecil iaitu Daerah Kecil Keroh, Daerah Kecil Grik dan Daerah Kecil Lenggong. Mengikut rekodnya kegiatan jenayah yang banyak sekali di Ulu Perak ialah dalam kawasan saya di bawah Jagaan Polis Diraja Lenggong, kegiatan penyalahgunaan dadah yang banyak sekali di Daerah Ulu Perak daripada tiga kawasan daerah kecil Kroh, Grik dan Lenggong. Mengikut penjelasan Ketua Polis Daerah ialah di Lenggong yang banyak sekali, sebab itulah di atas rayuan kami Ahli-ahli Wakil Rakyat daerah Lenggong ini memohon supaya Pasukan Polis di Lenggong ini ditambah. Barangkali Tuan Pengerusi sedia maklum daerah kecil Lenggong adalah satu kawasan sensitif, sebahagian daripada kawasan kegiatan komunis.

Mengikut penjelasan Ketua Polis kepada saya daripada 15 anggota polis yang baru

yang akan keluar daripada latihan pada tahun ini, kesemuanya akan ditempatkan di Balai Polis Lenggong, tetapi masalahnya ialah bagaimana Ketua Polis Daerah Kecil Lenggong untuk menyelesaikan, untuk menempatkan anggota-anggota polis ini kerana tidak ada pula bangunan-bangunan terutama sekali masalah hendak menempatkan orang-orang bujang. Mereka tidak hendak menyusahkan nama baik anggota-anggota polis, Pasukan Polis iaitu tidak berani menempatkan ahli-ahli polis yang bujang ini di luar daripada kawasan barek polis, sedangkan tempat itu hanya 16 bilik rumah sahaja untuk ahli-ahli kelamin, yang bujang tidak ada tempat. Jadi bila datang anggota polis ini tidak dapat hendak ditempatkan di mana-mana pula. Dan bagaimana hendak menyelesaikan masalah di Balai Polis inipun, kawasan yang hari ini tidak dapat dijalankan rondaan yang sepatutnya di kampung-kampung ini yang menimbulkan masalah. Saya berharap kepada Timbalan Menteri supaya dapat membuat penyelidikan, penyiasatan dan tindakan supaya dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Pada pandangan saya, jika Balai Polis Lenggong ini tidak dapat ditempatkan semua sebagaimana yang dikehendaki, bolehlah ditempatkan Pasukan Polis ini di balai-balai atau pondok-pondok polis yang berhampiran yang ada di daerah Lenggong ini seperti Kuah, Air Kala, Selat Pagar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, terlanjur saya menyebutkan hal ini, saya minta penjelasan supaya pihak Kementerian menjelaskan juga adakah benar bahawa anggota polis di negara kita ini tidak cukup, adakah kerana tidak ada minat orang ramai, rakyat negara kita ini diwaktu akhir-akhir ini untuk memasuki anggota polis. Mereka lebih berminat untuk memasuki Anggota Yunit Kawalan Keselamatan daripada anggota polis biasa, kerana anggota polis hari ini tanggungjawabnya sangat berat, mendapat tempelakan daripada orang ramai bahawa polis tidak baik dan bermacam-macam, sedangkan kita tahu bahawa polis adalah orang yang pelindung kepada rakyat negara kita, tetapi dengan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab ini yang menjadikan

mereka terdedah dengan tuduhan-tuduhan yang menjadikan ramai orang-orang muda kita tidak suka menjadi anggota polis.

Mengikut penerangan-penerangan daripada senarai-senarai mereka yang memohon untuk ditemuduga menjadi anggota polis umpamanya di Kuala Kangsar, Grik dan sebagainya daripada 40-50 yang datang hanya 4-15; daripada 4-15 orang yang berjaya pula ramai yang tidak hendak datang untuk berlatih sebagai anggota polis. Inipun hendaklah dikaji, apakah sebabnya terjadi demikian. Adakah kerana gaji mereka tidak sesuai dengan kelulusan anggota-anggota polis yang baru ini? Satu yang saya nampak ialah tentang mereka tidak puas hati kerana bayaran sewa rumah. Di kampung-kampung sewa rumahnya terlalu rendah, sedangkan sewa rumah yang sebenarnya ada di keadaan tempatan adalah tinggi. Selain daripada itu pula mereka ini dicemoi-cemoi dan terdedah daripada cemoi dan sebagainya, tuduhan daripada masyarakat kononnya polis menjalankan kerja-kerja yang tidak baik oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya nampak anggota polis ini terdedah juga mara bahaya. Saya merasa tidak begitu puas hati mengapa polis kita yang bertugas tidak diberi senjata. Adakah benar kononnya kematian Allahyarham Jidin baru-baru ini kerana tidak ada senjata?

Di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Perak baru-baru ini, saya dapati beribu-ribu anggota polis telah mengadakan perbarisan, kawalan dan sebagainya. Tetapi sebahagian besar daripada mereka tidak ada senjata dengan uniform yang lengkap yang berwarna hijau, kuning, tetapi tidak ada senjata—jarang-jarang yang ada senjata, bagaimana?

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

6.06 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian sedikit dalam

perbincangan mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini, dan saya ingin menyentuh B. 39, muka surat 407, Aktiviti (4)—Tapisan Filem dan Penerbitan.

Walaupun perkara ini telah ditimbulkan dalam Dewan ini beberapa kali, saya harap pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan lebih-lebih lagi mengambil perhatian berat berkenaan dengan wujudnya banyak filem-filem video tape. Dan sebagaimana yang pernah saya suarakan, saya harap Lembaga Penapisan Filem ini yang hanya satu sahaja wujud dalam Kuala Lumpur ini dapat diadakan lebih banyak lagi yunit-yunitnya seperti di Kota Bharu, Kangar (Perlis), Pulau Pinang dan Johor Bahru, Sabah juga Sarawak.

Tuan Pengerusi, pada hari ini boleh kita mendedahkan diri kita kepada tuduhan-tuduhan bahawa pihak Kerajaan kurang tegas di dalam membentasi selain daripada penyeludupan filem-filem video tape ini yang tidak ditapis, tetapi kemasukannya tidak dicukai dan sebagainya, barangkali ini termasuk dalam bidang Kementerian lain, tetapi di bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini ialah untuk menapis filem-filem. Kalau dengan keadaan yang ada sekarang ini, saya yakin dan percaya memang tidak ditapis, kerana filem wayang gambar yang sebenarnya itupun memakan masa hendak menapisnya, apatah lagi video tape ini diimport dalam sehari beratus-ratus dan saya percaya beribu-ribu video tape diimport dalam masa sehari. Jadi bagaimana pihak Lembaga ini hendak menapisnya kalau pihak Lembaga hanya terhad kepada satu sahaja yang ada di Kuala Lumpur pada hari ini. Saya harap pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar lagi akan mengistiharkan supaya semua video-video yang ada wujud sekarang ini diambil tindakan segera dan dirampas kalau ia ditayangkan sekarang ini dengan tidak ada penapisan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri nanti perkara ini akan memberikan imej yang baik kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Aktiviti (7) Dadah.

Di sini saya amat menyokong penuh dengan cadangan pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana pihak penagih-penagih dadah ini bukan sahaja akan diberi rawatan dan pemulihan, tetapi mereka akan ditinggalkan di sebuah pulau yang mana pulauanya belum lagi ditentukan, tetapi biarlah pulau itu yang agak jauh sedikit daripada daratan kita sekira-kira dia tidak dapat hendak datang. Jadi mengenai dadah ini boleh dikatakan hampir-hampir jemu kita hendak menceritakan, tetapi walau bagaimanapun perkara ini tidak boleh dibiarkan semua sekali dan yang lebih penting bukan penagih-penagih dadah itu tetapi penagih-penagih ini adalah disebabkan dia sudah menjadi penagih macammana pun dia hendakkan perkara itu tetapi ialah pendergar-pendergar dadah itu sendiri.

Pada hari ini jarang sekali kita mendapat berita penangkapan pendergar-pendergar dadah ini. Jadi saya harap apa yang penting kepada Kementerian ini ialah menghapuskan pendergar-pendergar dadah ini. Sehingga hari ini, Tuan Pengerusi, kita sudah ada 4 Perdana Menteri yang mana perkara dadah ini masih belum dapat diselesaikan. Kalaulah kita tidak dapat selesaikan hari ini, saya harap perkara ini tidak akan berlanjutan pada masa yang panjang kerana ini adalah penghapusan rakyat atau penghapusan tenaga pemuda pemudi kita secara beransur-ansur yang telah dijalankan dan kalau boleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengeluarkan kenyataan daripada penyiasatan-penyiasatan dari manakah punca-punca ini didapati, sama ada dari luar negeri atau dari dalam negeri sendiri untuk makluman orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 40—
Polis Diraja Malaysia, mukasurat 411,
Butiran 1100, Aktiviti (1) (a).

Saya juga menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat yang baru sebentar tadi yang mana menyentuh berkenaan dengan ura-ura Kerajaan dan sudahpun dilaksanakan iaitu polis kita dengan harapan supaya dapat gambaran yang baik kepada rakyat, menjadi sahabat kepada orang ramai dan sebagainya, tidak perlu rakyat takut kepada polis dan dengan sebab itu tidak perlu polis ini

dilengkapkan dengan senjata; memadai dengan kayu cotar sahaja. Walaupun perkara ini telah ditimbulkan di sini, saya akan memberi pandangan dan cadangan saya sebagaimana yang telah disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kemungkinan Allahyarham Konstabel Jidin dan saya mengambil kesempatan mengucapkan takziah kepada balu Allahyarham itu yang mana Allahyarham telah menjalankan tugasnya dan dianiyai oleh pihak penjenayah. Dengan sebab itu cadangan Kerajaan supaya melengkapkan polis ini hanya dengan kayu cotar sahaja eloklah dikaji semula dan kalau boleh arahan ini ditarik balik dan kalau boleh bukan sahaja polis kita ini dilengkapi dengan senjata pistol tetapi bagi menguatkan semangat mereka, bagi memulihkan mereka percaya kepada diri mereka sendiri, kalau boleh ala tentera dilengkapi dengan senjata ala tentera, kalau perlu M. 16 dilengkapi polis-polis ini melihat kepada keadaan tempat. Kalau tempat ini agak bahaya, perlu dilengkapi dengan Sterling, kita lengkapi dengan Sterling; kalau keadaan itu agak kurang bahaya memadai dengan pistol, dilengkapi dia dengan pistol.

Saya yakin dan percaya dengan senjata yang ada pada tangan mereka, mereka tidak akan menyalahgunakan kuasa, bahkan sebaliknya akan memberi kepercayaan (confident) kepada diri mereka dalam bertugas yang mana mereka tidak akan dianiyai atau ditikam dari belakang oleh penjenayah-penjenayah.

Tuan Pengerusi, satu lagi berhubung dengan kejadian yang berlaku baru-baru ini, kalau boleh saya mencadangkan kepada pihak Kementerian janganlah sampai kita heboh-hebohkan dalam suratkhbar dan dalam televisyen mengatakan bahawa kepungan telah dibuat, seramai 500 orang polis terlibat di dalam menjalankan usaha hendak mengepung penjenayah yang seorang berdua. Kalau perkara ini kita heboh-hebohkan sangat nanti akan menjatuhkan imej anggota polis sendiri, nanti orang ramai mengatakan hendak menangkap seorang penjenayah melibatkan 500 orang polis.

Saya mencadangkan biar dia melibatkan 10,000 orang polis atau beberapa banyak pun

tetapi jangan diheboh-hebohkan. Biar kita bekerja dalam diam-diam kerana kalau kita heboh-hebohkan sangat seperti ini kita bimbang akan diketawakan oleh orang ramai terutama sekali penjenayah-penjenayah yang menganggap diri mereka lebih hero lagi. katanya: tengok saya satu orang atau dua orang sahaja, berpuluh-puluh atau beratus polis yang terlibat belum dapat menangkap mereka. Jadi saya cadangkan perkara ini janganlah heboh-hebohkan sangat.

Tuan Pengerusi saya menyentuh B. 44—Penjara, mukasurat 432, di bawah Butiran 1100, Aktiviti (2) Kurungan Banduan banduan. Baru sebentar tadi saya mendengar pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak setuju sama sekali bahawa banduan-banduan ini dilayan secara perikemanusiaan sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu.

Sebagaimana yang kita tahu pihak Penjara telah pun menjalankan tugasnya dan se-timpal dengan jenayah ataupun kelakuan jahat yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah tadi. Sebagaimana yang pernah dikatakan penjara bukannya syurga bagi orang-orang yang masuk ke dalamnya penjara tetap penjara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu, barangkali beliau lupa sudah berapa ramai anak-anak yang sudah menjadi yatim, berapa ramai isteri-isteri yang sudah menjadi janda disebabkan oleh penjenayah-penjenayah tadi. Jadi adakah kita akan lupa dengan dosa yang dibuat oleh penjenayah-penjenayah ini maka kita akan layan dia dengan lebih baik? Saya harap pihak Kementerian akan lebih tegas dalam perkara ini supaya menjadi pengajaran kepada mereka itu, supaya menjadi contoh kepada yang lain, kerana kalau kita longgarkan dan kalau kita boleh timbangkan rayuan demi rayuan dan sebagainya, ini akan menggalakkan penjenayah-penjenayah tetapi apabila mereka disiksa, apabila mereka dihukum, apabila mereka dilayan sepadan dengan kejahatan yang dilakukannya itu, inilah akan menjadi contoh yang baik kepada lain-lain penjenayah supaya mereka itu berasa takut sedikit dengan keadaan, dengan pentadbiran, dengan ugutan atau dengan

siksaan yang ada dalam penjara sebagaimana yang sedang berlaku sekarang ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pendapat saya dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

6.18 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya hanya bercakap dengan ringkasnya kerana apa yang ingin saya nyatakan telah pun diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi.

Saya hendak merujuk kepada mukasurat 411, Butiran 1100, Aktiviti (6) Latihan. Memang nyatalah sekarang ini kalau kita mempunyai pengalaman pergi ke Balai-balai Polis, kita dapat lihat mengenai cara anggota-anggota polis yang sudahpun berumur menjalankan tugas mereka dengan yang baru diambil bekerja, nampak ketara sekali tentang style dan cara mereka bekerja. Anggota-anggota polis yang lama ini nampaknya lebih bertertib, lebih bersopan dan nampak lebih berminat untuk menolong seseorang. Tetapi dibaliknya pula yang muda itu nampaknya kadang-kadang bahasanya, caranya pun kasar dan berbagai-bagai lagi. Nampak begitu ketara sangat tentang cara anggota polis dengan yang baru ini.

Saya rasa puncanya adalah timbul dari Crash Programme Kerajaan untuk membanyakkan anggota-anggota polis dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Kalau tidak salah saya hampir 100,000 lagi hendak meningkatkan bilangan anggota polis dalam masa yang singkat. Saya difahamkan juga oleh sebab program-program yang membanyakkan anggota polis ini maka jangka masa latihan yang diberikan pun telah dipendekkan ataupun tidak ditumpukan sangat tentang aspek-aspek latihan yang agak lebih akan memberi faedah kepada anggota-anggota polis baru ini.

Saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian, dalam program untuk membanyakkan anggota-anggota polis, janganlah pula kita lupakan aspek untuk mewujudkan anggota-anggota polis yang

benar-benar motivated, yang benar-benar berdisiplin, yang benar-benar mahu menjadikan dirinya sebagai sahabat kepada masyarakat. Jadi saya haraplah dalam kursus-kursus latihan ini jangka masanya itu dipanjangkan seperti yang sudah-sudah juga dan ditekankan aspek bahawa polis ini adalah untuk membantu rakyat, untuk membantu masyarakat sebagai sahabatnya dan sebagai payung pelindung kepada masyarakat dan bukannya disebaliknya untuk menunjukkan kuasanya ataupun menunjukkan bahawa masyarakat harus menghormati ataupun takut kepada polis dan sebagainya. Di samping itu anggota-anggota polis juga harus bersedia untuk benar-benar menolong rakyat yang inginkan pertolongan. Itulah sahaja soal penting soal latihan yang saya ingin menekankan supaya dalam usaha untuk membanyakkan Anggota Polis itu janganlah kita melupakan aspek kualiti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, lepas itu Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.21 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 39 mukasurat 407, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menjawab soalan mulut saya berkata bahawa Kerajaan tidak akan menansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang tidak diingini itu tetapi oleh kerana saya adalah seorang yang terkena dan terkurban di bawah Akta itu saya berasa bertanggungjawab untuk menyeru Kerajaan memansuhkan Akta itu sekali lagi.

Tuan Pengerusi, saya dan rakan saya Yang Berhormat Chan Kok Kit, Ahli Dewan Rakyat kawasan Sungai Besi sungguhpun bukan seorang ahli komunis atau seorang penyokong komunis, kami juga bukan anasir anti negara atau chauvinist, kami langsung tidak bersalah tetapi di bawah Akta itu kami kedua-dua telah ditahan selama 4 tahun 9 bulan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

adalah perbuatan ini adil, rasional oleh kerana Akta ini memberi kuasa yang mutlak kepada Polis dan Menteri maka sungguhpun kami ditahan selama 4 tahun 9 bulan dengan tidak berdosa tetapi kami tidak boleh menuntut balik gantirugi yang kami alami dalam tempoh 4 tahun 9 bulan ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan bahawa di bawah Akta itu ada sebuah Lembaga Penasihat untuk menyiasat dan mendengar rayuan orang-orang tahanan dan menyemak setiap kes sekali dalam enam bulan. Saya suka menunjukkan di sini bahawa lembaga ini bukan seperti mahkamah, ia tidak mempunyai kuasa meminta pihak Polis atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membebaskan orang tahanan. Lembaga ini hanya mengemukakan cadangan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sahaja dan keputusan yang akhir ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Lagi pun menurut pengetahuan saya cadangan ini memang mengikut laporan daripada cawangan Khas Polis.

Tuan Pengerusi, tatkala saya ditahan saya terbaca jawapan bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang disoal oleh rakan seperti saya bahawa saya dan Ahli Dewan Rakyat kawasan Sungai Besi ada perhubungan dengan komunis. jawapan ini adalah bohong. Oleh kerana ianya melibatkan nama baik saya dan Ahli Dewan Rakyat kawasan Sungai Besi, dengan ini saya suka menerangkan di Dewan yang mulia ini dan mencabar pihak yang berkenaan sekiranya pihak yang berkuasa boleh membuktikan saya ada perhubungan dengan apa-apa kumpulan yang berkaitan dengan komunis, saya akan meletakkan jawatan saya sebagai Ahli Parlimen dengan serta merta dan mengundurkan diri saya daripada arena politik. Kalau tidak Kerajaan Barisan Nasional patutlah secara gentleman meminta maaf kepada saya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Maksud B. 40

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: (Bangun).

Tuan Pengerusi: Sama ada dia hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Chian Heng kai: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan. Sila teruskan.

Tuan Chian Heng Kai: Saya ingin menyentuh B. 40, mukasurat 411, Butiran 1100, Aktiviti (3) (b).

Di sini saya menyentuh sebanyak sedikit tentang layanan tahanan di bawah akta Keselamatan Dalam Negeri yang begitu menderita dan sedih. Saya tahu Yang Berhormat Menteri berkenaan masih tidak sedar hampir 80% orang-orang tahanan di bawah Akta ini cukup menderita semasa ditahan oleh Polis. Yang Berhormat Menteri berkenaan, semasa menjawab soalan mulut saya mengatakan bahawa sekiranya didapati hal seperti ini berlaku bolehlah mengadu kepada pihak Polis. Siapa yang berani buat begini. Jikalau mereka mengadu kepada Menteri Hal Ehwal dalam Negeri Yang Berhormat Menteri memang akan mengarahkan pihak Polis untuk menyasat hal ini. Siapa yang akan menjamin bahawa orang yang mengadu ini tidak akan ditahan semula di bawah Akta yang sama.

Di sini saya mengesyorkan supaya menubuhkan satu Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan ahli-ahlinya termasuk ahli daripada Pembangkang untuk menyasat aduan daripada orang-orang tahanan itu.

Lokap-lokap Balai Polis bukan sahaja tiada hak asasi manusia bahkan tiada sedikitpun maruah manusia, kencing dan berak orang-orang tahanan bergantung kepada kesukaan hati Polis yang mengawal. Layanan orang-orang tahanan di situ tidak berbeza dengan babi dan anjing. Saya sendiri pernah menyaksikan orang-orang tahanan kencing di lokap Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh B. 44, mukasurat 434, Butiran 2700, Aktiviti (2) dan (3).

Saya juga difahamkan di Penjara Pudu makan malam bermula pada pukul 2.00 atau 3.00 petang, lepas itu kena tunggu besok pagi baru dapat sarapan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat memperbaiki perkara ini.

Di Kem Tahanan Batu Gajah juga ada orang-orang tahanan ditahan berasingan. Mereka cuma dibenarkan menulis satu atau dua pucuk surat dalam satu bulan. Kebanyakan orang-orang tahanan di Kem Tahanan Taiping dipukul semasa mereka dipindahkan ke Kem Tahanan Batu Gajah. Layanan di Kem Tahanan Taiping adalah baik sedikit berbanding dengan Kem Tahanan Batu Gajah. Tetapi layanan perubatan di situ masih jauh dari memuaskan. Barang-barang bekalan dan alat-alat sukan selalu kekurangan. Sebelum saya dibebaskan kami terus menerus tiga bulan tidak dibekal sebiji pun bola tangkis. Saya menyeru Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian kepada keadaan ini.

Semasa saya ditahan di Kem Tahanan Taiping, saya mengetahui ada setengah orang-orang tahanan dari negeri Pahang sebenarnya mereka bukan ahli komunis, mereka hanya menderma sedikit wang atau memberi sedikit barang bagi pihak komunis sahaja. Di bawah peraturan ini, pada pendapat saya Kerajaan tidak usah menghantar mereka ke Kem tahanan sebaliknya mereka hanya diberi amaran sudah cukup. Perbuatan Kerajaan ini akan membawa reaksi yang buruk oleh kerana Kerajaan bukan membantu mereka, tetapi menghukum mereka. Perbuatan Kerajaan ini pasti tidak akan mendapat keyakinan daripada mereka.

Dengan menahan mereka bukan sahaja Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk memelihara kehidupan mereka

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: On a point of order

Tuan Pengerusi: (Kepada Tuan Chian Heng Kai): Sabar! On a point of order, sila duduk.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Adakah oleh kerana Ahli Yang Berhormat

dari Batu Gajah mengatakan orang yang memberi bekalan kepada komunis itu tidak payah dihukum, jadi adakah dasar Parti Ahli Yang Berhormat itu jikalau orang itu memberi bekalan kepada komunis maka orang itu tidak perlu ditahan?

Tuan Pengerusi: Itu bukan point of order.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan menahan mereka bukan sahaja Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk memelihara kehidupan mereka bahkan memberi peluang kepada mereka mengetahui banyak hal-hal dan keadaan tentang komunis. Ini bukankah satu reaksi yang buruk kepada Kerajaan untuk menghapuskan kegiatan komunis. Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Menteri memandang berat keadaan ini dan menyelesaikan masalah ini dengan lebih licin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

6.33 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya sentuh Maksud B. 40, Butiran 1100, Aktiviti (2) Siasatan Jenayah iaitu di dalam Polis Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, memang terdapat baru-baru ini dalam beberapa waktu yang lalu bahawa siksaan dan kes-kes assault, dengan izin, telah dilakukan ke atas orang-orang yang ditahan dalam Balai-balai Polis dan mereka yang ditahan dalam Balai Polis atas alasan bahawa mereka disyaki melakukan satu-satu jenayah didapati telah dipukul dan disiksa oleh seorang dua pegawai-pegawai Polis baik dari yang menjawat pangkat Inspektor atau ke bawah atau ke atas. Dan dalam beberapa bulan ini pihak polis pun telah mengumumkan bahawa terdapat beberapa kes assault ini yang telah dilaporkan tetapi memanglah kita sedar bahawa ada juga beratus-ratus kes assault yang dilakukan oleh sebilangan kakitangan pihak Polis ke atas orang-orang yang disyaki dan ditahan dalam lock-up yang tidak dilaporkan kepada pihak Polis. Saya supaya pihak Kementerian janganlah memandang ringan ke atas aduan-aduan yang telah dibuat

terhadap kakitangan Polis yang dituduh melakukan siksaan dan juga assault ke atas mereka yang ditahan dan juga terdapat di mana ada kes-kes di mana kematian juga pernah berlaku dalam lock-up.

Tuan Pengerusi, ini semua menunjukkan bahawa disiplin di kalangan beberapa pegawai-pegawai Polis dan kakitangannya sangat lemah dan kurang dan walaupun jaminan demi jaminan telah diberi dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri bahawa disiplin di kalangan kakitangan Polis akan dikedatkan, masih lagi terdapat kes-kes assault yang begitu ketara di kalangan Polis.

Tuan Pengerusi, saya meminta supaya Kementerian janganlah tutup aduan-aduan dan siasatan-siasatan aduan-aduan ini tetapi dia sebaliknya hendaklah mengadakan siasatan terbuka (full open enquiry), dengan izin, Tuan Pengerusi, terhadap semua tuduhan supaya pihak Kementerian dapat memulihkan keyakinan orang ramai terhadap Polis.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sekarang tentang B. 41 iaitu Jabatan Imigresen, Butiran 1100, Aktiviti (2) Kawalan Imigresen.

Tuan Pengerusi, pendatang-pendatang haram dari Indonesia sudahpun menjadi satu masalah besar dalam negara ini dan selama ini Kerajaan sering menafikan bahawa tidak ada bukti bahawa pendatang-pendatang haram dari Indonesia itu begitu ramai. Tetapi umum ketahui bahawa keramaian pendatang-pendatang haram Indonesia itu terdapat di beberapa negeri dan baru-baru ini terdapat juga mereka sudah menjalar ke sebelah utara Semenanjung Malaysia dan baru-baru ini 37 orang telah ditangkap di Gerik dan di mana mereka didapati adalah pendatang-pendatang haram dari Indonesia.

Jadi pihak Kementerian tidak bolehlah tutup mata mengatakan bahawa tidak ada aduan ataupun laporan-laporan tentang berapa ramainya pendatang-pendatang haram Indonesia di negara ini dan dengan adanya kedatangan pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini maka terdapatlah

peningkatan kes-kes jenayah di dalam negara ini baik kes-kes jenayah yang kecil ataupun yang besar. Dan pihak Kementerian walaupun telah mengadakan beberapa serbuan dilakukan oleh polis ke atas beberapa tempat di mana beratus-ratus pendatang-pendatang haram dari Indonesia telah ditangkap masih terdapat beratus-ratus ribu yang dipercayai bekerja di estet-estet di Johor, di Pahang dan baru-baru ini di Selangor, Wilayah Persekutuan dan di negeri Perak.

Jadi pihak Kementerian tidak bolehlah mengambil satu sikap tidak peduli melainkan dia ada tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini juga terdapat bahawa satu kumpulan pendatang-pendatang Indonesia yang tuntutan diri mereka sebagai orang-orang yang bermastautin tetap di negara ini yang telah menyerbu dan assault, dengan izin, pegawai-pegawai Kerajaan iaitu daripada Unit Penguatkuasa Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, ada orang yang terlibat iaitu pendatang haram dari Indonesia yang menuntut dirinya bahawa dia seorang yang bermastautin tetap dan ada ramai daripada penjaja-penjaja di situ semuanya telah tinggal dalam negara ini dalam tempoh 2 tahun dan mereka semua menjadi pemastautin tetap. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian, bagaimanakah seorang dewasa boleh memasuki negara kita dan duduk di sini selama tidak sampai 2 tahun tetapi boleh mendapat kedudukannya sebagai permastautin tetap. Jadi, saya mahu tahu sama ada pihak Kementerian sudah pun mengubah dasarnya iaitu tidak membenarkan orang-orang dewasa untuk memasuki negara ini dari mana-mana negara pun sama ada dasar itu sudah diubah untuk menyesuaikan dengan pendatang haram—orang-orang dari Indonesia ke negara ini secara haram.

Tuan Pengerusi, saya minta supaya pihak Kerajaan mengambil satu sikap dan pendirian yang tegas supaya pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini dihala keluar daripada negara kita supaya negara kita jangan dicero bohi oleh mana-mana warganegara asing sama ada warganegara

asing itu membuat secara persendirian ataupun melalui sebarang arahan-arahan daripada mana-mana pihak tertentu untuk mencero bohi negara kita.

Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti itu juga, saya tertarik hati dengan satu keputusan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian mengenai kedudukan isteri-isteri asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia. Di samping itu, saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian supaya isteri-isteri asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dibenarkan bekerja di negara kita khasnya mereka yang mempunyai kelayakan-kelayakan ikhtisas dalam bidang-bidang tertentu seperti perubahan di mana negara kita sangat-sangat memerlukan orang-orang yang mempunyai kelayakan yang istimewa dalam profession ini. Saya haraplah pihak Kementerian boleh mempertimbangkan dan membenarkan mereka berkhidmat dengan Kerajaan sementara menunggu untuk mendapat sama ada kerakyatan mahu pun taraf bermastautin tetap.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya sentuh Maksud B. 39, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa soal jawab dalam Dewan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa rapat umum tidak boleh dibenarkan oleh kerana kononnya ada beberapa sebab. Tuan Pengerusi, rapat umum telah diharamkan sebaik sahaja selesai pilihanraya tahun 1974 dan selepas itu tidak ada satu rapat umum pun yang telah dibenarkan oleh pihak polis. Tetapi beberapa rapat umum telah diadakan sama ada secara haram atau halal, saya tidak ketahui tetapi rapat-rapat umum ini adalah rapat umum yang kononnya adalah sepontan yang dibuat oleh Menteri-menteri apabila mereka mengunjungi beberapa negeri pada masa-masa lampau dan juga sekarang.

Tuan Pengerusi, rapat umum adalah satu hak asasi yang tidak boleh diceraikan daripada prinsip demokrasi dan dalam masa soal jawab tentang rapat umum, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa salah satu daripada sebabnya ialah kerana kita tidak mahu tercetusnya lagi

tragedi Mei 13, tetapi saya fikir Yang Berhormat itu tidak memberi satu alasan yang logik sekali, oleh kerana selepas sahaja sistem demokrasi berparlimen dipulihkan dalam tahun 1971, pengharaman yang telah dikenakan sejak 13 Mei, 1971 itu ataupun sehingga pemulihan demokrasi berparlimen itu sudah pun dilonggarkan rapat umum dibenarkan sehingga selesai pilihanraya 1974. Dan kalaulah Yang Berhormat itu tidak sedar, bolehlah dia rujuk kepada pihak pegawai-pegawai. Pada ketika itu pegawai-pegawai polis di seluruh negara didapati mencukupi untuk mengawal ketenteraman di dalam rapat-rapat umum yang diadakan di seluruh negara. Tetapi malangnya sebaik sahaja selesai pilihanraya tahun 1974, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada ketika itu mengumumkan pengharaman. Dan pada tahun 1978 pula dalam masa pilihanraya, Ketua Polis Negara telah memberi tahu bahawa rapat umum tidak dibenarkan oleh kerana kononnya Parti Komunis Malaya merayakan hari ulang tahun ke 30, tentulah perayaan ulang tahun ke 30 Parti Komunis Malaya tidak begitu berpanjangan sampai 3 tahun, sampai tahun 1981. Jadi, logik untuk pengharaman itu tidaklah menasabah. Kalaulah Mei 13 maka sudahlah terbukti bahawa di antara tahun 1971 dan 1974 di mana rapat-rapat umum dibenarkan tidak tercetus sebarang tragedi yang boleh dikatakan seperti tragedi Mei 13.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah mengatakan dalam Dewan ini juga bahawa memang ada undang-undang yang cukup untuk mengawal supaya tidak ada sesiapa yang melanggar undang-undang khasnya ada undang-undang Akta Menghasut dan Akta Polis dan sebagainya. Jadi, dengan adanya undang-undang yang begitu ketat, saya percaya bahawa pengharaman rapat umum tidak perlu lagi, dan oleh kerana adanya undang-undang ini maka rapat umum boleh dibenarkan dan kalau sekiranya ada apa-apa pelanggaran ke atas undang-undang maka undang-undang itu bolehlah, dengan izin, take care perkara-perkara seumpama itu. Kalaulah rapat umum boleh diadakan dalam tahun 50an, 60an dan awal 70an di mana anggota-anggota polis bertanding dengan keadaan sekarang begitu kecil sekali, maka saya tidak tahu mengapa ia

tidak boleh dibenarkan sekarang bila mana terdapat begitu ramai pegawai-pegawai polis dan anggota-anggota polis untuk mengawal keadaan dalam rapat umum dan saya minta supaya hak asasi ini diserahkan kepada rakyat sekali lagi dan bukan terus mengekalkan pengharaman rapat umum dan dengan itu kebebasan ataupun hak asasi untuk bercakap, berhimpun dirampas dan disimpan oleh pemerintah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.48 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan mereka serta kritik-kritik mereka terhadap perjalanan dan prestasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pertamanya saya suka menyentuh soal-soal yang berkaitan dengan polis yang mana telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta supaya disiplin dikalangan polis diperketatkan, kerana adanya apa yang dikatakan abuse of power ataupun penyalahgunaan kuasa oleh pihak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, korum tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Bunyikan loceng.
(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Tuan Pengerusi: Korum cukup, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Pengerusi, saya suka meneruskan lagi ucapan saya tadi dengan menyentuh soal yang berkaitan dengan hal ehwal Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta supaya diperketatkan disiplin di kalangan Polis kerana menurut beliau ada berlakunya penyalahgunaan kuasa yang juga disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya suka menyatakan bahawa kejadian penyalahgunaan kuasa ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan. Walaupun ianya ada berlaku, pihak Kerajaan melalui Polis Di Raja Malaysia sentiasa sahaja mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi memastikan bahawa soal salah penggunaan kuasa ini oleh anggota-anggota Polis dapat dikurangkan. Dan patut diingatkan tidak kurang juga kita dapati di antara tohmahan-tohmahan tuduhan yang diberikan kepada Pasukan Polis Di Raja kita ini adalah semata-mata dibuat-buat yang telah diperbesar-besarkan hingga telah menjejaskan integriti, kewibawaan Polis Di Raja kita oleh setengah-setengah mereka yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, supaya pada keseluruhannya soal penyalahgunaan kuasa ini dapat dikurangkan, tindakan-tindakan wajar telah; sedang dan akan diambil, antaranya ialah sebarang aduan yang dibuat oleh mana-mana pengadu akan dikaji, disiasat dan dibawa ke mahkamah ataupun diambil tindakan tatatertib yang sesuai. Manakala pihak Pasukan Polis Di Raja Malaysia pula telahpun mempertingkatkan lagi dalam latihan-latihan yang diberi dan pengawasan-pengawasan yang dibuat terhadap anggota-anggota mereka itu soal disiplin ini di mana penghayatan disiplin yang tinggi telah dipertekankan. Adalah diharapkan dengan keadaan ini akan dapat menyumbangkan ke arah pengurangan kemungkinan penyalahgunaan kuasa.

Mengenai soal siasatan jenayah kerana terdapatnya anggota-anggota Polis kita yang berkurangan dalam bidang ini, saya suka menyatakan pada keseluruhannya memanglah Pasukan Polis kita mengalami kekurangan anggota untuk mengawasi setiap perkembangan ataupun kejadian yang berlaku di seluruh negara pada masa sekarang. Itulah sebabnya sekarang kita menjalankan tindakan untuk menambahkan lagi jumlah anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia ini kepada satu peringkat yang agak mencukupi, iaitu kepada angka 120,000 pada

tahun 1985 dengan mengambil pertimbangan keadaan-keadaan yang berlaku. Kita percaya dan yakin bahawa sekiranya program pembesaran Angkatan Polis Di Raja Malaysia ini dapat dijalankan dengan licin dan lancar, maka soal-soal yang berkaitan dengan kepolisian ini seperti soal jenayah, soal narkotik dan soal lain-lain yang serupa akan dapat diambil kira dengan lebih serius lagi dengan meletakkan anggota-anggota Polis ini di dalam bidang-bidang dan dalam kawasan-kawasan yang mana ianya diperlukan pada setiap masa.

Begitu jugalah mengenai kemajuan ataupun pembangunan dari segi pembinaan pondok-pondok atau tempat Kediaman Polis, memang Kerajaan melalui Kementerian ini dan juga Jabatan Polis sedar akan perlunya kita menambahkan kemudahan-kemudahan asas kepada anggota-anggota kita bila kita menjalankan program membesarkan Angkatan Polis kita. Saya suka menyatakan dari segi peruntukan kepada pembinaan rumah-rumah dan juga balai-balai ini Kerajaan mengambil keputusan untuk membelanjakan lebih kurang 18.5% daripada \$2 bilion yang diperuntukkan kepada Pasukan Polis kita ini semata-mata untuk pembinaan kemudahan-kemudahan perumahan dan juga pembinaan balai-balai bagi anggota polis. Jadi diharapkan bahawa sejumlah yang sebegitu besar ianya akan dapat memenuhi sebahagian besar daripada keperluan perumahan dan pembangunan oleh Anggota Polis Di Raja Malaysia kita.

Mengenai cadangan atau pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas keadaan yang berlaku di kawasan beliau, saya suka menyatakan bahawa saya mengambil perhatian berat mengenai apa yang telah beliau timbulkan itu demi kebaikan kita bersama.

Ahli Yang Berhormat dari Panti menyentuh soal dasar menggunakan kayu cota. Saya suka menyatakan bahawa hasrat kita dengan pengumuman dasar ini ialah sebenarnya seperti yang ditekankan kita ingin melahirkan satu imej angkatan anggota Polis kita yang benar-benar menjadi sahabat dan pelindung kepada rakyat. Oleh yang demikian, maka kita mencadangkan dasar

itu, iaitu penggunaan cota ini pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai. Walau bagaimanapun, sebenarnya penggunaan kayu cota ini adalah bergantung kepada kesesuaian masa, tempat dan keadaan yang di mana anggota-anggota Polis kita berkhidmat.

Kita pada asalnya sebagai contoh, Tuan Pengerusi, bangkitkan kawasan itu kepada 3 kawasan, iaitu kawasan putih, kawasan kelabu dan kawasan hitam.

Di kawasan yang putih ini ertinya ada jenayah berlaku, maka anggota Polis kita bolehlah dalam keadaan seperti ini menggunakan cota sahaja.

Bagi kawasan kelabu, misalnya tiap-tiap anggota yang berkhidmat misalnya dua orang, seorang boleh pakai cota dan seorang boleh pakai senjata.

Dan bagi kawasan hitam ialah keduanya pakai senjata. Ini pada dasarnya sebagai guideline sahaja. Tetapi sebagaimana yang perlu saya tegaskan ialah sama ada penggunaan cota atau senjata ini sekali lagi terdiri atau bergantung kepada budibicara, kebijaksanaan dan penilaian Ketua-ketua Polis Daerah yang telah diberikan mandat akan perkara ini, jadi terpujanglah kepada Ketua-ketua Polis ini untuk melihat keperluan itu daripada masa ke masa dan saya percaya bahawa keadaan-keadaan yang berlaku pada masa ini akan membolehkan kita membuat penilaian-penilaian yang lebih sesuai dari segi pelaksanaan dasar ini.

Saya juga mengambil pertimbangan dari pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kulim—Bandar Bahru mengenai keadaan yang berlaku mengenai anggota-anggota baru dan lama. Saya percaya perkara ini tidaklah berleluasa sebagaimana yang dikatakan iaitu perbezaan di antara anggota lama dan anggota baru dari segi tingkah laku dan sikap. Oleh sebab asas latihan, disiplin dan sebagainya adalah sama diterima, maka saya yakin pada keseluruhannya kita mempunyai satu asas disiplin yang sama di kalangan anggota-anggota Polis Di Raja kita. Walaupun mungkin ada perbezaan itu, ada berlaku sedikit di sana, sedikit di sini, tetapi

saya suka menjelaskan pada keseluruhannya tidaklah menampakkan perbezaan yang boleh menjejaskan dari segi perkhidmatan anggota-anggota Polis kita kepada negara dan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada soal Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan mengambil pertimbangan pandangan-pandangan dan tuduhan tohmahan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Saya suka menyatakan bahawa pada setakat ini Kerajaan tidak sekali-kali menimbangkan kemungkinan memansuhkan akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebagaimana pernah saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan tidak akan sekali-kali mengambil risiko apabila menimbangkan kepentingan dan keselamatan negara kita. Selagi sebagaimana yang saya tegaskan negara mempunyai ancaman-ancaman yang berbagai rupa, berbagai bentuk daripada masa ke masa, daripada berbagai pihak dan daripada berbagai tempat, maka selama itulah kita rasakan adanya keperluan pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini. Saya rasa bahawa beliau telahpun mengakui sendiri di dalam ucapannya bahawa beberapa anggota atau orang-orang yang ditahan di dalam khemah-khemah tahanan ini adalah orang-orang yang telah memberikan bantuan kepada pihak komunis dari segi kewangan dan sebagainya, maka itulah sebabnya mengapa mereka ini telah ditahan.

Saya suka menjelaskan bahawa pengakuan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat ini sebenarnya telahpun mendedahkan serta memperlihatkan warna yang sebenarnya setengah-setengah pihak yang tidak cintakan negara ini dan cara hidup rakyat yang kita junjung selama ini. Jadi, jelas kepada mereka bahawa kalau memberikan wang itu \$100, \$200, implikasinya hanyalah dan seolah-olah \$100 atau \$200 sahaja sebagaimana yang diberikan terhadap kesejahteraan keselamatan rakyat diinsafi oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa walaupun \$1, walaupun 1 sen diberikan kepada satu pergerakan bersenjata untuk menggulingkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini adalah satu penderhakaan yang tidak dapat diterima bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi oleh

rakyat pada keseluruhannya. Pengakuan saya seperti ini saya rasa patutlah diawasi ataupun diberikan perhatian berat serta dikeji oleh rakyat yang cintakan keamanan dan sistem demokrasi yang kita amalkan selama ini. Kita percaya itulah sebabnya kita tahan mereka ini supaya mereka belajar, supaya mereka ini dipulihkan dari segi pemikiran, diorientasi sikap mereka supaya kecintaan dan sayang mereka kepada negara ini akan diletakkan lebih dari segala-galanya apatah lagi yang akan membahayakan ketenteraman dan keselamatan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya tidak payah sentuh lagi ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Menglembu mengenai rapat umum. Saya telah menjelaskan dengan jelas di dalam Dewan ini bahawa rapat-rapat umum ini sebelum dibenarkan, kita sentiasa sahaja mendapat pandangan dan nasihat dari pihak-pihak yang bersangkutan dengan soal-soal keselamatan ini. Jadi, saya tidak perlulah memberi apa-apa ulasan, hujah-hujah yang mana boleh dikelirukan, diputarbelitkan oleh mana-mana pihak semata-mata untuk mencari keuntungan politik di dalam negara ini. Dengan itu, saya tidak ingin untuk menyentuh perkara-perkara ini kerana alasan dan sebab musababnya adalah jelas kepada kita mengapa perkara-perkara ini yang penuh dengan sensitivity tidak dapat kita benarkan demi kepentingan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh soal Imigeresen. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengucapkan terima kasih atas dasar imigeresen yang baru sahaja diumumkan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini. Kita berharap bahawa garis-garis kasar dasar imigeresen yang baru mengenai isteri-isteri asing ini akan dapat memberikan lebih banyak faedah kepada negara kita dan tidak akan diselewengkan oleh mana-mana pihak yang bertujuan semata-mata untuk menggunakan kesempatan itu bagi semata-mata mendapat faedah-faedah ekonomi, politik dan lain-lain dengan warganegara kepada negara yang kita sayangi ini. Kerajaan walaupun ada garis-garis kasar ini, sukalah saya memberi jaminan akan terus melihat bahawa pelaksanaan dasar-dasar ini tidak akan merugikan negara kita dan rakyatnya dari segi jangka panjang.

Mengenai pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai lawatan ke negeri China yang mana terpaksa mendapat persetujuan khas atau cap khas daripada Kementerian saya melalui Jabatan Imigeresen, yang beliau katakan terlalu lambat, saya suka menyatakan oleh sebab Kerajaan kita mempunyai perhubungan yang agak berbeza dengan Republik Rakyat China, maka dasar ini akan diteruskan. Apa yang penting bagi kita ialah bahawa tidak ada unsur-unsur yang boleh membahaya atau memudaratkan keselamatan negara kita, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat akan dapat digunakan oleh mana-mana pihak melalui apa-apa bentuk perhubungan yang kita jalin dengan negara-negara asing. Ini adalah lebih penting daripada tujuan-tujuan peribadi atau tujuan-tujuan kelompok untuk mengadakan perhubungan dengan negeri-negeri yang kita anggap membahaya dari segi keselamatan negara kita.

Mengenai kritik daripada Yang Berhormat dari Menglembu mengenai pendatang haram Indonesia, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa selagi kita menghadapi soal-soal kekurangan buruh dalam sektor-sektor ekonomi kita terutamanya dalam sektor perladangan dan pembinaan maka selama itulah kita akan merasai masalah-masalah yang seperti ini.

Saya suka memberi jaminan, bahawa kita akan terus mengambil tindakan-tindakan kepada mereka yang tidak mengikut undang-undang negara ini. Ertinya kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai kepada mereka yang datang tanpa izin ke negara ini dan adalah menjadi harapan saya dan Kementerian saya bahawa satu dasar yang sistematik mengenai kedatangan buruh di negara kita ini akan dapat kita rumuskan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai 200,000 orang warganegara yang masih lagi memohon warganegara tetapi kerana tidak mempunyai Sijil Beranak telah tidak dapat diproses. Saya suka menyatakan bahawa angka ini telah diperbesarkan. Sebenarnya di dalam pandangan

Kementerian saya, di dalam data Kementerian saya, hanya 20,000 sahaja di dalam proses pertimbangan untuk mendapatkan kewarganegaraan.

Pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai warganegara yang telah lulus Bahasa Malaysia tetapi dirujuk kepada pihak Menteri, saya berpendapat dan Kementerian saya berpendapat bahawa perkara ini adalah mustahak dijalankan kerana selain daripada memenuhi syarat-syarat yang diperlukan di dalam Perlembagaan negara kita, kita perlu juga mengetahui serta meneliti kesetiaan dan kecintaan pemohon-pemohon ini terhadap negara. Biarlah kita tidak ada ataupun tidak meluluskan permohonan orang-orang yang hanya semata-mata untuk menjadi warganegara tetapi tidak mempunyai kecintaan dan kesetiaan kepada negara ini. Inilah sikap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perkara ini.

Mengenai soal RELA, Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas mengenai perkara yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa memang ada baiknya pandangan itu ditimbang tetapi saya suka juga mengambil peluang di sini RELA ini merupakan satu di antara organisasi yang terbesar di negara kita ini iaitu dengan keahliannya sebanyak 340,000 orang yang mana kedudukannya adalah merata-rata di seluruh negara kita. Oleh sebab terlalu besar maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berpendapat perlulah kita mengkaji semula kedudukan organisasi RELA ini dari semua aspek supaya tujuan-tujuan asal mengapa organisasi RELA ini ditubuhkan dapat dikembalikan, dapat dipulihkan balik objektif-objektif asalnya.

Kita berkehendakkan pembesaran bukan semata-mata kerana besarnya organisasi itu tetapi kita memerlukan fungsi-fungsi yang berkesan dan bermakna yang boleh dijalankan oleh organisasi RELA ini demi kepentingan negara dan rakyat.

Saya suka menjelaskan bahawa RELA ini saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat ini bukanlah harus dilatih dan diorientasikan semata-mata untuk keperluan

kecemasan tetapi juga untuk digunakan sebagai satu infrastruktur, sebagai satu alat ke arah kemajuan dan kekuatan kita dalam bidang sosio-ekonomi. Oleh yang demikian, re-orientasi terhadap objektif dan falsafah RELA ini harus dikaji semula dan diletakkan kepada tempat yang jelas dan nyata supaya setiap anggota yang menganggotai RELA ini mempunyai keyakinan, kepercayaan yang kukuh bahawa mereka memasuki RELA kerana kepentingan negara, kerana ingin melihat bahawa Malaysia ini terus hidup, terus membangun dan terus dapat berjalan sebagaimana yang kita perjuangkan selama ini.

Dalam hubungan ini saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun membekukan keahlian Relawan ini dan kajian yang komprehensif sedang dijalankan terhadap semua spektrum yang berkaitan dengan Rela demi melihat bahawa Rela dapat berfungsi dengan lebih baik dan lebih berkesan pada masa yang akan datang.

Mengenai uniform Relawan ini maka saya rasa ini akan juga menjadi satu daripada ciri kajian yang sedang dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh soal penjara yang disentuh oleh Ahli-ahli dari Kuala Lumpur Bandar, Panti dan Batu Gajah. Suka saya menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun mengarahkan supaya satu kajian khas dibuat mengenai semua perkara yang berkaitan dengan sistem penjara di negara kita. Kita telahpun melantik satu jawatankuasa kecil yang akan dipengerusikan oleh seorang Hakim yang mempunyai integriti bagi melihat pada keseluruhan aspek-aspek sistem penjara di Malaysia. Kajian ini perlu dibuat dengan matlamat agar sistem penjara di negara ini, bukan sahaja sebagai tempat bagi punishment tetapi juga satu tempat rehabilitative yang boleh memulihkan, bergantung kepada kes atau keadaan banduan yang dimasuki di dalam penjara itu. Ada setengah mereka itu kita percaya boleh diorientasi untuk kebaikan mana kala yang lain pula harus menerima layanan yang berbeza mengikut keadaan-keadaan yang mana mereka telah melakukan kesalahan itu.

Saya suka menyatakan bahawa di dalam sistem penjara kita terdapat satu Lembaga Pelawat di mana orang-orang yang melawat yang tidak merasa puas mengenai keadaan yang berlaku di dalam penjara itu bolehlah kemukakan pandangannya. Saya memberi jaminan Lembaga Penasihat melalui Kementerian saya akan melihat aduan-aduan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Berkenaan pandangan Yang Berhormat dari Batu Gajah mengenai keadaan di setengah penjara, saya suka menyatakan bahawa sistem penjara di Malaysia ini sentiasa sahaja dipandu oleh peraturan yang kita anggap adalah memenuhi keperluan kemanusiaan, lebih-lebih lagi ia sentiasa berasaskan undang-undang antarabangsa yang dinamakan United Nation, Standard Minimum Rules yang kita kenakan (apply) kepada semua penjara yang ada di dalam negara ini.

Mengenai "The Malay Dilemma" yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, saya suka menyatakan bahawa penangkapan yang dilakukan di Pontian baru-baru ini adalah kerana terjemahan The Malay Dilemma itu yang dibuat di dalam bahasa Cina tidak pun mendapat persetujuan langsung daripada pengarangnya. Bagaimanakah satu-satu buku itu hendak diterbitkan tanpa persetujuan daripada pengarangnya? Tentu sekali ini dianggap sebagai cetak rompak ataupun sesuatu yang dibuat semata-mata tujuan untuk mendapat untung. Dari segi undang-undang yang ada, memang kita tidak membenarkan sebarang perbuatan pemalsuan ataupun peniruan yang dilakukan seperti itu, lebih-lebih lagi kita juga tidak pasti adakah semangat ataupun makna sebenar The Malay Dilemma sebagaimana yang dihasratkan oleh Pengarangnya dapat dialihkan secara 100% ke dalam bahasa yang diterjemahkan itu. Salah-salah cara, kekeliruan yang mungkin boleh wujud sekiranya diputarbelitkan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Panti tentang hakcipta di bawah Kementerian ini mengenai video-tape, saya suka menyatakan bahawa pada masa sekarang ini Kementerian saya sedang

dengan serius memberi perhatian mengenai terlalu banyak pengedaran video-tape di negara kita ini yang telah dimiliki oleh banyak orang. Kita percaya dan yakin walaupun ada peraturan yang mana untuk tujuan private consumption atau tujuan persendirian ianya dikecualikan, tetapi kita rasa pengecualian seperti ini tidak boleh dilihat dari segi semata-mata untuk kebebasan peribadi, kerana ada kerap kali setengah pihak menggunakan pengecualian seperti itu untuk mencapai tujuan lain yang bukan sahaja merugikan tetapi akan melemahkan dan memusnahkan beberapa kegiatan yang kita ingin tegakkan dari segi moraliti, dari segi keselamatan dari segi kesejahteraan rakyat dan sebagainya. Oleh yang demikian, maka Kementerian saya tidak lama lagi akan mengkaji keseluruhannya keadaan ini dengan pandangan bahawa kita akan dapat memperhebatkan, memperketatkan lagi pengedaran dan memasukan video-tape ini semoga ianya dapat ditapis, dilihat dan dikaji dengan lebih teliti supaya semua kepentingan rakyat dari segi moraliti, keselamatan, ideologi dan sebagainya dapat kita perlindungi.

Akhir sekali, dari segi salahguna dadah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti juga iaitu cadangan mengadakan "penal island" iaitu satu konsep seperti Pulau Jerjak bagi penjenayah-penjenayah keras atau hardcore criminals. Memang telah pun diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Kementerian saya akan menyusul mengenai perkara-perkara ini. Kalau perlu undang-undang yang sedia ada ini digubal, maka kita akan gubal untuk mencapai matlamat ini.

Jadi, saya rasa setakat itulah sahaja yang dapat saya jawab soalan-soalan ataupun pandangan-pandangan yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana yang tak dapat saya sentuh itu saya mohon maaf, tetapi saya telah mengambil nota-nota yang berkenaan dengan dan berharap ianya akan dapat disusul dengan serius juga demi kepentingan negara kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang

sejumlah \$61,193,200 untuk Maksud B. 39; \$929,068,000 untuk Maksud B. 40; \$37,170,000 untuk Maksud B. 41; \$1,800,800 untuk Maksud B. 42; \$25,157,500 untuk Maksud B. 43; \$63,496,000 untuk Maksud B. 44 dan \$23,753,800 untuk Maksud B. 45 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$61,193,200 untuk Maksud B. 39; \$929,068,000 untuk Maksud B. 40; \$37,170,000 untuk Maksud B. 41; \$1,880,800 untuk Maksud B. 42; \$25,157,500 untuk Maksud B. 43; \$63,496,000 untuk Maksud B. 44 dan \$23,753,000 untuk Maksud B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$800,925,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 40; \$10,000,000 untuk Maksud P. 41; \$51,366,921 untuk Maksud P. 44 dan \$12,096,468 untuk Maksud P. 45 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$800,925,000 untuk Maksud P. 40; \$10,000,000 untuk Maksud P. 41; \$51,366,921 untuk Maksud P. 44 dan \$12,096,468 untuk Maksud P. 45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual).

Maksud P. 46, P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan, 1982.)

Tuan Pengerusi: Kepala B. 46, B. 47, B. 48 dan Kepala Pembangunan P. 46, P. 47 dan P. 48 di bawah Kementerian Penerangan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Arau.

7.16 mlm.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (2) mukasurat 452—Rancangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi tahniah kepada Jabatan Penyiaran yang telah berjaya melahirkan juruhebah yang fasih bertutur di dalam Bahasa Kebangsaan dengan bahasa yang baik.

Tuan Pengerusi, menyentuh berkenaan dengan rancangan Kementerian ini, saya ingin menarik perhatian Jabatan yang berkenaan berhubung dengan lagu-lagu ataupun rancangan hiburan yang dipertunjukkan ataupun diperdengarkan di dalam siaran radio dan televisyen. Pada pendapat saya lagu-lagu yang telah ditunjukkan di dalam televisyen itu patutlah dibanyakkkan lagu-lagu daerah kerana dengan itu dapat memperkenalkan bahasa daerah kepada orang ramai.

Menyentuh berkenaan bahasa daerah ini terlanjur saya untuk bercakap berkenaan dengan bahasa daerah ini, pada pendapat saya bertutur dengan bahasa daerah ini bukanlah satu perkara yang aib ataupun satu perkara yang tidak elok. Jadi dengan itu saya tidaklah bersetuju dengan apa yang telah diucapkan oleh Wakil dari Telok Anson di dalam masa membahaskan belanjawan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran dahulu yang mana beliau telah memperkecil-kecilkan mereka yang bertutur di dalam bahasa daerah kerana pada pendapat saya bahasa daerah ini adalah merupakan sebagai satu gejala bahasa yang tidak dapat tidak dan merupakan sebagai satu kekayaan bahasa. Kalau dikatakan gejala bahasa yang tidak dapat dielakkan, ertinya bukanlah menjadi satu keaiban kepada sesiapa pun untuk berucap di dalam bahasa daerah itu, malah kalau kita banyakan berkenaan dengan bahasa daerah ini lebih memberi erti kepada kita bahawa bahasa itu adalah satu bahasa yang kaya. Jadi dengan sebab itulah saya menyarankan di sini supaya radio dan televisyen membanyakkkan lagu-lagu bahasa daerah.

Tuan Pengerusi, menyentuh di dalam Butiran yang sama berkenaan dengan filem-filem yang ditayangkan di dalam televisyen. Saya rasa pihak penyiaran patutlah mengurangkan filem-filem yang berunsur sex dan jenayah. Masalah Sex ini bukanlah satu perkara yang boleh dihapuskan, kerana sex

ini adalah menyentuh tabiat semula jadi manusia, tetapi kalau sekiranya filem-filem yang berunsur sex itu boleh menghairahkan terutama sekali kepada anak-anak muda, manakala ditayangkan di dalam televisyen yang bergambar di hadapan ibu bapa. Kadang-kadang perkara itu menjadi ketera sekali di antara ibu bapa dan anak-anak manakala mereka melihat gambar-gambar yang ditayangkan. Jadi ini adalah satu perkara yang pada pendapat saya tidak banyak kebaikan tetapi keburukan lebih banyak. Kalaulah gambar-gambar yang demikian itu yang mana keburukan yang lebih banyak daripada kebaikan maka pada pendapat saya patutlah dikurangkan kalau tidak pun boleh dihapuskan. Begitu juga gambar-gambar yang berunsur jenayah yang mana pada pendapat saya gambar-gambar yang ditayangkan dalam televisyen itu walaupun ada memberi pengajaran berkenaan dengan perkara ini, tetapi kadangkala pengajaran itu boleh digunakan untuk tujuan-tujuan yang jahat. Kalaulah perkara-perkara yang sedemikian itu pada pendapat saya patut dikurangkan, kerana kita dapati bukan sahaja di dalam bandar-bandar yang besar, tetapi di pekan-pekan kecil seperti di tempat saya, pemecah-pemecah rumah telah menggunakan cara-cara sepertimana cara-cara yang kita dapati di dalam gambar-gambar yang disiarkan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi di dalam tajuk yang sama, saya suka mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penerangan yang telah mengadakan siaran-siaran daerah. Dalam perhatian saya siaran-siaran daerah ini sangatlah memberi kesan kepada penduduk-penduduk terutama sekali penduduk-penduduk pendalaman di dalam radio, kerana penggunaan radio pada hari ini adalah menyeluruh kepada petani-petani, mereka boleh membawa radio pergi ke bendang-bendang daripada mengikuti bukan sahaja di rumah, tetapi di dalam masa mereka menjalankan pekerjaan mereka dapat mendengar siaran-siaran. Apatah lagi kalau sekiranya siaran itu disiarkan siaran yang merupakan siaran daerah yang datangnya daripada kampung-kampung berhampiran dengan kampung-kampung mereka. Ini memberi kesan kepada mereka yang menyebabkan mereka itu lebih berusaha dan

lebih bersungguh-sungguh lagi di dalam menonjolkan diri mereka, supaya kampung mereka sama dengan kampung-kampung yang lain juga di dalam mencapai kemajuan-kemajuan dan sebagainya. Maka dengan sebab itu saya sarankan lagi supaya penyiaran daerah ini lebih dibanyakkan kerana ini adalah memberi kesan kepada rakyat.

Tuan pengerusi, satu perkara lagi saya ingin menyentuh iaitu berkenaan dengan siaran-siaran yang menggambarkan ataupun menerangkan rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Ini pun satu perkara yang memberi kesan yang begitu mendalam sepertimana rancangan-rancangan untuk memperkenalkan Amanah Saham Nasional, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan sebagainya. Tetapi ada beberapa perkara lagi pada pendapat saya yang patut sekali ditayangkan, tetapi belum lagi ditayangkan oleh televisyen, satu daripadanya yang sangat-sangat saya rasa patut ditayangkan iaitu berkenaan dengan Perpustakaan Negara, tidak ada lagi kita tengok untuk memperkenalkan Perpustakaan Negara.

Baru-baru ini satu rombongan dari Ahli-ahli Parlimen melawat Perpustakaan Negara, Ahli-ahli Parlimen yang pergi itu kebanyakan tidak tahu di mana letaknya Perpustakaan Negara itu dan saya percaya banyak lagi Ahli-ahli Parlimen dan orang-orang besar atau orang-orang kenamaan tidak tahu di mana letaknya Perpustakaan Negara, pada hal Perpustakaan ini adalah satu perkara yang penting sekali terutama kepada generasi-generasi muda kerana dengan cara itulah mereka dapat mengisikan ilmu pengetahuan mereka yang lebih.

Perkara-perkara yang sedemikian ini pada pendapat saya patut mendapat tempat daripada Jabatan Penyiaran bagi disiarkan supaya orang ramai dapat mengetahui di manakah Perpustakaan Negara dan apakah tujuan-tujuan diadakan dan begitulah seterusnya supaya dapat memberikan perhatian kepada orang ramai dan dapat digunakan seterusnya, bukan sahaja di situ, tetapi banyak lagi saya rasa usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, patutlah dibanyakkan supaya ditayang di dalam televisyen supaya dapat dilihat dan dapat

dinilai oleh orang ramai terutama sekali kepada usaha-usaha yang telah dilakukan di peringkat-peringkat negeri dan di peringkat-peringkat daerah, patutlah diperbanyakkan, jadi dengan itu dapatlah Jabatan Penyiaran melalui radio dan televisyen berkhidmat kepada negara.

Itulah sedikit sebanyak pendapat saya dan dengan itu saya menyokong permintaan Kementerian.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

7.30 mlm.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Penerangan dan juga Jabatan Penerangan serta Jabatan Penyiaran ini. Di samping itu izinkan saya memperkatakan serba sedikit perkara-perkara di bawah Kementerian ini.

Pertama ialah pada mukasurat 452, Maksud Bekalan 47—Jabatan Penyiaran bagi Butiran 1100—Gaji dan Upahan, pada Aktiviti (1) Pentadbiran Am. (2) Rancangan dan (5) Pemetik Siaran.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat dalam siaran televisyen berhubung dengan masa yang digunakan untuk siaran Berita pada masa ini adalah amat pendek jika dibandingkan dengan berita-berita yang penting berlaku dalam negara ini kerana begitu pesat pembangunan negara kita dan begitu banyak projek-projek dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam negara ini dari satu masa ke satu masa.

Oleh itu masa bagi siaran Berita ini elok benarlah ditambah lagi dan dalam siaran Berita ini juga petikan-petikan berita yang bergambar, misalnya satu peristiwa pembukaan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri-menteri kadang-kadang sembas lalu sahaja berita itu dikeluarkan, tidak dapat lagi dicamkan betul-betul mana

satu Menteri yang mengambil bahagian itu oleh rakyat secara lebih jelas. Oleh itu ruangan Berita ini elok benar dipanjangkan lagi dan berita yang bergambar diberilah masa untuk lebih jelas dapat ditatap oleh rakyat dalam peristiwa yang berkenaan itu.

Selain daripada itu ialah ruangan peristiwa. Ruangan Peristiwa ini amat menarik kerana di situlah banyak penjelasan-penjelasan yang dapat dilihat dengan nyata berhubung dengan beberapa pembangunan dan juga perkara-perkara penting yang berlaku, masanya juga terlampau pendek jika difikirkan keperluan dari segi peristiwa-peristiwa yang berkenaan itu.

Yang ketiga ialah ulasan Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya dapati ini juga patut ditambah lagi masanya kerana ulasan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini sangat menarik kepada rakyat. Jadi mereka sangat ingin melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di Dewan Rakyat sebagaimana yang mereka ketahui melalui radio amat menarik kalau mereka dapat melihat gambarnya terus di televisyen.

Oleh itu, masa bagi ulasan Dewan Rakyat ini adalah juga penting dan kalau dapat sebaik-baiknya diadakan petikan berita, misalnya satu jawapan yang penting dan baik sekali diberikan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri kita bagi menjawab hujah-hujah di dalam Dewan ini yang penting, patut dipetik untuk didengar terus oleh rakyat daripada suara Yang Berhormat Menteri kita sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam bahagian pemetikan berita ini juga ialah alat-alat rakam luar. Sepanjang yang saya lihat alat-alat yang dibawa keluar daripada Studio bagi digunakan untuk mengambil berita-berita di luar bandar nampaknya sudah teruk sedikit. Jadi pegawai-pegawai kita daripada Jabatan Penyiaran ini nampaknya sangat bersusah payah menggunakan alat-alat itu dan kerana sebahagian daripada alat-alat itu ialah alat-alat yang telah lama dan kekurangan pula dalam beberapa perkara. Jadi adalah amat baik Kementerian ini memberikan keutamaan kepada alat-alat yang digunakan bagi merakamkan

peristiwa-peristiwa luar studio ini. Saya pernah bertanya kepada pegawai-pegawai yang bertugas ini, mereka ini bimbang sangat menggunakan masanya kerana elaun yang diberikan kepada mereka adalah terhad benar dan juga tuntutan perbatuan kepada mereka pun sangat dikawal. Jadi kalau kita hendakkan tugas mereka itu dengan begitu memuaskan, dengan begitu banyak sekali, maka masa yang diberikan kepada mereka hendaklah sebanyak-banyak yang boleh dan juga keperluan mereka diberi layanan yang sempurna kerana mereka itu menjadi satu alat yang mengusahakan dan yang membawa peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam negara ini ke hadapan mata rakyat sehingga dekat kepada mereka.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah pada mukasurat 462 Maksud Bekalan 48—Jabatan Penerangan bagi Butiran 1100—Gaji dan Upahan, dalam Aktiviti (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, sepanjang yang kita ketahui hari ini urusan bagi Perkhidmatan Sivik dan Masyarakat ini amat menarik sekali dan usaha-usaha daripada pegawai-pegawai Jabatan ini di tiap-tiap peringkat sangat dihargai oleh rakyat. Ini menunjukkan dasar Kementerian ini telah diterima oleh rakyat dengan sepenuhnya. Saya sukacita menyatakan di sini kalau boleh mereka ini diberi alat-alat yang lebih moden yang boleh digunakan oleh mereka untuk menarik minat rakyat lebih lagi dari semasa ke semasa. Misalnya, mereka dibekalkan dengan slide projector, filem slide dan overhead projector. Pendek kata zaman hari ini manusia suka kepada alat-alat. Oleh sebab itu dalam ceramah-ceramah bagi Kursus Sivik ini kalau dapat disediakan dengan slide projector, overhead projector dan dilengkapkan pula dengan film slide yang mengandungi kenyataan-kenyataan yang dapat ditunjukkan di hadapan mata mereka, bukan dengan cerita dengan cerita sahaja; tentulah lebih menarik.

Oleh itu, saya percaya walaupun saya bercakap setakat ini sahaja tetapi saya percaya Kementerian ini telahpun menyediakan ini, cuma mungkin perlaksanaannya sahaja yang belum. Oleh itu

saya harapkan dapat dilaksanakan benda-benda ini dibekalkan kepada pegawai-pegawai kita diperingkat daerah supaya dapat mereka menggunakannya untuk menarik minat rakyat kita di dalam urusan bagi perhimpunan sivik ataupun Kursus Sivik di luar bandar khususnya.

Dengan ini saya menyokong peruntukan kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

7.38 mlm.

Tuan Haji Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama dengan kawan-kawan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan anggaran belanjawan untuk Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak menyentuh mukasurat 452, Maksud B. 47, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2) Rancangan.

Tuan Pengerusi, hari ini televisyen telah menjadi satu alat keperluan kehidupan oleh penduduk-penduduk di luar bandar. Saya fikir setakat hari ini belum ada lagi satu perangkaan (statistic) yang menentukan berapa ramai penonton-penonton televisyen ini terdiri dari penduduk luar bandar dengan penduduk di bandar. Saya fikir penduduk luar bandar lebih ramai menonton televisyen oleh kerana mereka tidak ada pilihan lain. Kalau di bandar barangkali ada panggung wayang, ada tempat-tempat hiburan yang lain tetapi di luar bandar televisyen adalah menjadi keperluan untuk hiburan mereka setiap malam. Dengan sebab itu mereka menonton televisyen ini daripada mula sampai habis.

Sebab itu di dalam memperkatakan siaran televisyen ini rancangan-rancangannya hendaklah ditapis, dibuat kajian teliti oleh kerana penduduk luar bandar menonton semua rancangan. Sebab itu untuk hendak mendidik penduduk luar bandar terutama sekali generasi muda, saya berharap sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi, televisyen hendaklah lebih banyak

menyiarkan filem-filem yang berunsurkan pendidik yang berkeperibadian Malaysia dan yang berteraskan ugama Islam.

Saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian ini khasnya Jabatan Penyiaran Televisyen, umpamanya dalam bulan Ramadan yang lalu banyak filem-filem rencana yang berunsurkan ugama umpamanya cerita-cerita bagaimana penduduk-penduduk Islam dalam dunia ini menyambut Ramadan. Ini bukan sahaja boleh kita lihat bagaimana perbezaan di antara penduduk-penduduk Islam di dunia ini menyambut puasa tetapi akan menjadi satu pendidikan kepada anak-anak kita yang bersekolah terutama sekali mereka yang bersekolah rendah. Filem-filem macam ini hendaklah banyakkkan lagi.

Begitu juga di dalam penyiaran umpamanya drama dan sebagainya juga saya fikir drama yang bercorak atau bertajuk bagaimana "Anjang Aki" dan sebagainya yang mengengahkan, yang berunsurkan pendidikan patut dibanyakkkan lagi. Bagi penduduk-penduduk luar bandar mereka tidak dapat menilai dari pengertian drama itu sebenarnya, dia hanya melihat apa yang ditunjukkan pada penglihatan sahaja, contohnya drama semalam, pada hemat saya bagi penduduk-penduduk luar bandar terutama anak-anak muda tidak begitu berkesan. Umpamanya, dalam kata-katanya yang boleh dikatakan tidak manis didengar, umpamanya, "mengapa abang sekarang tidak berapa lagi hendak tidur bersama-sama dan sebagainya", saya rasa perkataan-perkataan yang semacam ini sungguhpun dari segi pengertian drama besar maknanya tetapi dari segi pendidikan, terutama kanak-kanak kecil patutlah ditapis.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah mukasurat 462 B. 48, Butiran 1100, Aktiviti 2—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih demikian juga ramai penduduk di negara kita ini terutama sekali kepada Jabatan Penerangan yang telah banyak menganjurkan kursus-kursus sivik untuk mendalamkan pengetahuan, terutama sekali penduduk luar bandar bagi memahami dasar-dasar Kerajaan

kita, Dasar Ekonomi Baru, peranan-peranan yang patut dimainkan oleh masyarakat dan sebagainya.

Saya suka menyarankan di sini di dalam kita menggiatkan lagi kursus sivik ini, saya berharap juga supaya kursus sivik ini diadakan juga kepada kakitangan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya di peringkat bawahan. Setakat ini saya rasa kita berpuas hati oleh kerana pegawai-pegawai kanan Kerajaan selalu diadakan kursus di INTAN dan sebagainya. Penyelarasan pentadbiran Kerajaan berparti ini saya rasa tidak timbul masalah lagi di peringkat atasan akan tetapi di peringkat bawah kepada kakitangan Kerajaan yang berhubung terus dengan masyarakat orang ramai luar bandar belum lagi sampai kepada tingkatan yang kita kehendaki. Sebab itu saya rasa patutlah dibanyakkkan lagi kursus-kursus kepada mereka di dalam hendak menyampaikan pengertian Kerajaan pemerintahan pilihan rakyat ini supaya dapat difahami oleh mereka supaya tanggungjawab di dalam hendak menunaikan kerja masing-masing, tugas bagaimana yang dikehendaki dalam Perkhidmatan Cemerlang hari ini dapat difahami oleh mereka. Tidak lagi memahami bahawa kami adalah kakitangan Kerajaan yang makan gaji. Perasaan insaf dan cintakan tanggungjawab kepada negara itu hendaklah ditanam kepada kakitangan Kerajaan.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh muka surat 465, Butiran 2500, Aktiviti 4—Penerbitan. Saya suka juga mengambil peluang iaitu sesungguhnya kita tidaklah menafikan di dalam pelaksanaan penggunaan sistem metrik yang tinggal lagi 30 hari akan dilaksanakan sepenuhnya dan tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan dan Jabatan Penyiaran melalui TV dan Radio untuk menjelaskan kepada orang ramai bagaimana caranya kita hendak menggunakan supaya tidak berlaku lagi kesusahan apabila dilaksanakan dengan sepenuhnya. Tetapi saya rasa untuk hendak memahamkan lebih lagi patut juga Jabatan Penerangan mengadakan siaran-siaran atau risalah-risalah, gambar-gambar, poster dan sebagainya patut dibanyakkkan supaya dapat dibekal dan digunakan untuk perbandingan kepada penduduk-penduduk, terutama sekali mereka yang di luar bandar

yang tidak memahami kaedah-kaedah kegunaan ukuran sukatan timbang yang baru ini.

Saya harap banyak dikeluarkan risalah-risalah dan sebagainya. Begitu juga gambar-gambar yang mengenai pemimpin-pemimpin kita, Jemaah Menteri yang baru, saya tidak nampak lagi disebar di kawasan-kawasan luar bandar. Biasanya gambar-gambar yang cantik-cantik itu keluar iaitu pada masa ketika hampir-hampir dan kadang-kadang perubahan Menteri sudah berlaku barulah gambar-gambar itu dihantar ke kampung-kampung baru kita mula hendak letakkan di dinding tetapi tidak sesuai lagi. Itulah perkara-perkara yang berlaku pada masa yang lepas. Saya harap perkara ini dapat diambil ingatan dan tindakan.

Yang akhir sekali, saya hendak sebut ialah mukasurat 469, Butiran 1—Yunit-yunit Kereta. Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan, saya rasa sesungguhnya penduduk luar bandar terhutang budi, terutama sekali saya tidak lupa hendak mengucapkan terima kasih dan diharapkan supaya dapat dibanyakkan lagi yunit berkereta iaitu Pasukan Pentarama. Kalau tidak silap saya sesungguhnya bukan sahaja mendapat sambutan daripada orang ramai tetapi kesan yang diberi yang dipertunjukkan oleh Pasukan Pentarama ini sesungguhnya satu pertunjukan yang banyak mendatangkan faedah, pengajaran, sindiran, penerangan, hiburan dan sebagainya. Saya rasa patutlah pihak Kementerian membanyakkan lagi yunit ini tidak sebagaimana sekarang setahun sekali satu daerahpun susah benar. Saya rasa ini memang mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan.

Selain daripada itu juga saya mendengar berkenaan dengan kereta yunit Jabatan Penerangan Luar, filem-filem yang dibekalkan filem-filem lama sangat yang tidak berapa hendak ditonton oleh ramai kadang-kadang bila sahaja yunit penerangan mula hendak menunjukkan gambar, orang ramai mula hendak beredar kerana filem-filem lama. Saya rasa filem-filem sebagai Dayang Suhana, Anjang Aki dan sebagainya difilemkan sendiri oleh Jabatan Penerangan eloklah ditunjukkan di luar bandar memberi

peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar selain daripada gambar-gambar lawatan-lawatan Menteri. Begitu juga gambar lama sejarah-sejarah hitam perjuangan Kerajaan kita di zaman darurat patut juga dibanyakkan lagi, diperbaharukan lagi, kalau boleh diwarnakan, ditunjukkan kepada anak-anak muda yang tidak merasai bagaimana jerih, payahnya pemimpin-pemimpin kita memperjuangkan Kemerdekaan yang dinikmati oleh mereka hari ini patut dibanyakkan lagi.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, akhir sekali saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru.

7.48 *mlm.*

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih, saya hendak memberi pendapat sedikit mengenai Butiran 1100 iaitu mengenai rancangan yang mana sebanyak \$17 juta lebih telah dipohon bagi tahun 1982 mukasurat 452. Tidak boleh dinafikan bahawa televisyen khasnya memainkan peranan yang begitu penting dalam hidup rakyat Malaysia. Televisyen begitu banyak mengisi masa lapang rakyat dan dengan itu saya rasa sudah tentu dapat juga memainkan peranan yang begitu penting dalam mewujudkan Malaysia yang kita ingini jika ia benar-benar dapat dijalankan dengan cara teratur dan licin.

Kementerian sudah tentu tahu dan saya rasa seharusnya dijadikan dasar utama, objektif TV iaitu tujuan-tujuan tayangan dia adalah seharusnya bertujuan untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini. Keduanya, untuk memupuk nilai ataupun sistem nilai yang sihat di kalangan rakyat dan juga akhir sekali saya rasa harus juga bertujuan memberi hiburan kepada rakyat. Apa yang saya ingin menyarankan di sini adalah sama ada rancangan-rancangan yang sedang ditayang oleh TV sekarang ini sedang mencapai tiga objektif utama yang saya rasakan harus menjadi objektif utama siaran TV iaitu satu, dari segi menyatupadukan rakyat, kedua

memupukkan nilai yang sihat dan ketiga untuk memberi hiburan kepada rakyat.

Dari segi memberi hiburan tidak dapat dinafikan memang TV menghiburkan rakyat, sedangkan saya rasa pada masa ini pun Sheriff Lobo sedang menghiburkan beratus-ratus ribu rakyat Malaysia dan pada pukul 10.45 malam ini pula Flamingo Road pula akan menghiburkan begitu ramai sekali rakyat Malaysia khasnya para isteri.

Jadi, dari segi hiburan memanglah tidak boleh dinafikan TV Malaysia memang berjaya. Tetapi apa yang saya minta pihak TV, pihak Kementerian, pihak Menteri atau Timbalan Menteri mengkaji dengan sedalam-dalamnya, sama ada program-program yang sedangpun ditayang, yang sedangpun mendapat sambutan yang begitu hangat di kalangan rakyat oleh rakyat pada masa ini boleh memainkan peranan yang penting dari menyatupadukan rakyat Malaysia dan juga memupuk nilai-nilai yang sihat. Saya maksudkan khasnya marilah kita tinjau pula dari segi memupuk nilai-nilai yang sihat. Satu program yang begitu popular sekarang ini adalah siri Dallas. Apa yang pihak Menteri dan juga pihak Kementerian dan Timbalan Menteri harus mengkaji sama ada siri Dallas ini dengan cara langsung atau tidak langsung boleh memainkan peranan untuk memupuk nilai-nilai sihat, sama ada siri itu Dallas ini boleh dengan cara langsung memainkan di atas psikologi rakyat yang menonton dengan begitu minat sekali pada tiap-tiap malam Sabtu dapat misalnya menguatkan institusi perkahwinan misalnya, dapat menguatkan nilai-nilai yang sihat yang lain seperti menguatkan institusi kekeluargaan misalnya. Saya rasa inilah perkara-perkara yang seharusnya pihak Kementerian mengkaji.

Saya rasa siri Dallas dan juga Flamingo Road, malang pula cerita itu mendapat sambutan yang begitu hangat sangat sungguhpun dari segi hiburan memanglah ianya begitu berjaya sekali, tetapi dari segi memupuk nilai-nilai yang sihat, saya rasa filem-filem ini tidaklah begitu berfaedahnya. Saya rasa sudah sampai masanya pihak Kementerian memikir dengan sedalam-dalamnya sama ada filem-filem seperti ini patut digalakkan pada masa hadapan. Oleh

sebab masalah yang diperolehi dalam Malaysia ini adalah agak berlainan sedikit, kita merupakan satu masyarakat, satu negara yang lain dari yang lain, iaitu mempunyai berbagai-bagai kebudayaan, begitu banyak emosi, berbagai-bagai tradisi dan sebagainya. Kita mempunyai satu tugas yang begitu penting iaitu menjayakan eksperimen kita, eksperimen di Malaysia ini ialah untuk menyatupadukan rakyat yang begitu banyak berlainan supaya menjadi contoh kepada dunia, sama ada dengan tayangan gambar-gambar seperti ini kita dapat berjaya dalam usaha kita dalam menjayakan eksperimen kita untuk menyatupadukan rakyat dan juga memupuk nilai-nilai yang sihat.

Saya rasa sudah tentulah ada kalau dikatakan filem-filem yang lain, yang juga popular di kalangan rakyat pada masa dahulu, filem-filem seperti little House on the Prairie, seperti How the West Was Won, seperti ada suatu siri yang begitu popular juga di Amerika tetapi pernah ditunjuk sekali sahaja di Malaysia iaitu Pioneers. Sama ada siri-siri filem-filem ini lebih elok jika dibandingkan dengan filem-filem seperti Dallas dan Flamingo Road yang baru dimulakan di TV baru-baru ini. Jadi itulah sedikit sebanyak saya cuma bangkitkan untuk pihak Kementerian berfikir.

Akhir sekali dari segi menyatupadukan rakyat. Ini juga saya ingin memohon bagi pihak Kementerian untuk memikirkan dengan sedalam-dalamnya kerana TVlah yang boleh memainkan peranan yang begitu penting dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat. Sama ada program-programnya selain daripada warta Berita, Peristiwa dan sebagainya sama ada program-program cukup untuk menimbulkan perasaan di kalangan rakyat bahawasanya mereka ini adalah datang dari ahli satu keluarga sungguhpun berlainan kaum dan sebagainya sama ada program-program ini cukup atau tidak. Saya rasa terlalu banyak sangat sekarang ini kita memainkan filem-filem barat dan sangat sedikit filem-filem yang berlatar belakangkan Malaysia dan sebagainya yang boleh memainkan peranan dalam usaha menyatupadukan rakyat.

Jadi saya inginlah menyarankan kepada Kementerian, pihak Jabatan TV khasnya

supaya lebih membanyakkan filem-filem seperti Anika Ria atau filem-filem seperti lawak jenaka dan sebagainya yang mana dapat dituntun dan diminati oleh semua kaum di Malaysia ini. Jadi itulah sedikit-sebanyak pendapat saya dari segi peranan yang boleh TV main untuk memupuk suatu masyarakat Malaysia yang begitu sihat dan maju.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.57 ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau, Tanjong Karang, Padang Rengas dan juga dari Kulim-Bandar Bahru yang telah memberi beberapa pandangan serta teguran-teguran mengenai peranan yang dapat dimainkan oleh Jabatan Penyiaran dan Jabatan Penerangan. Ada pandangan-pandangan yang diberikan itu memang sedang diambil tindakan oleh Kementerian Penerangan sendiri dan ada juga pandangan-pandangan yang diberikan itu yang saya rasa perlu kita kaji dengan lebih mendalam lagi.

Sambil itu untuk menerangkan beberapa perkara bersabit dengan teguran-teguran yang disebutkan tadi terutama dari segi peranan yang ada pada Jabatan Penyiaran, suka saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Penyiaran telahpun diberikan panduan serta dasar-dasar tertentu untuk dilaksanakan. Apakah Jabatan Penyiaran itu telah dapat melaksanakan panduan atau dasar-dasar itu dengan sempurna dari masa ke semasa, perkara ini memang telah dipastikan oleh Kementerian Penerangan sendiri dan untuk menentukan bahawa jabatan itu melaksanakan dengan betul apa yang telah ditetapkan kepadanya satu Jawatankuasa Penilaian yang mana saya sendiri menjadi Pengerusinya, mengkaji rancangan-rancangan yang dibuat oleh RTM dari masa ke semasa agar jabatan itu tidak lari daripada

matlamat yang tetap ditetapkan. Kalau didapati ada perkara-perkara yang dirasakan tidak sesuai maka tindakan untuk memperbetulkannya diambil dari masa ke semasa. Di dalam menentukan sama ada RTM ataupun Jabatan Penyiaran itu melaksanakan tanggungjawabnya mengikut matlamat yang tidak ditetapkan, kita berpandu juga kepada pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh orangramai dari masa ke semasa kerana tidak dapat kita lari dari hakikat bahawa kita mempunyai pendengar-pendengar atau penonton-penonton yang luar di seluruh negara dan pandangan-pandangan mereka itu memang kita masukan jua di dalam pelaksanaan matlamat-matlamat atau dasar-dasar yang ada pada Jabatan Penyiaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka mengumumkan iaitu ada pindaan susunan atau giliran Kementerian untuk Majlis ini menimbangankan anggaran-anggaran perbelanjaannya iaitu lepas Kementerian Penerangan ini ialah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertugas di luar Kuala Lumpur, Saya telah bersetuju supaya Kementerian itu ditangguhkan penimbangan perbelanjaannya pada 2hb Disember. Jadi selepas daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Raykat, Majlis akan menimbangankan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Lepas itu mengikut susunannya semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok 1hb Disember, 1982, hari Selasa.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.